



# JAWHAR

Memacu Keterbilangan  
Ummah

LAPORAN TAHUNAN 2009 ISSN 1985 - 3955



## LAPORAN TAHUNAN 2009



[www.jawhar.gov.my](http://www.jawhar.gov.my)

ISSN 1985-3955



9 7 7 1 9 8 5 1 3 9 5 0 0 9

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)  
JABATAN PERDANA MENTERI

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel: 603-8883 7400 Faks: 603-8883 7406



1

LAPORAN TAHUNAN 2009



# Kandungan

## PERUTUSAN

- 2** Perutusan YB Menteri
- 4** Sekapur Sireh Ketua Setiausaha Negara
- 6** Seulas Pinang Ketua Pengarah JAWHAR

## MAKLUMAT KORPORAT

- 10** Latar Belakang Penubuhan
- 11** Visi, Misi, Objektif, Dasar Kualiti
- 12** Fungsi, Kod Etika
- 13** Piagam Pelanggan
- 14** Moto, Slogan
- 15** Carta Organisasi
- 16** Profil Pengurusan Tertinggi
- 23** Warga JAWHAR

## LAPORAN PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA

- 30** Bahagian Wakaf
- 42** Bahagian Zakat
- 48** Bahagian Mal
- 56** Bahagian Haji
- 59** Bahagian Penyelidikan & Penyelarasaran
- 61** Bahagian Teknologi Maklumat
- 68** Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
- 71** Pejabat Penasihat Undang-undang
- 74** Yayasan Waqaf Malaysia
- 87** Lembaga Zakat Antarabangsa

## 91 MAJLIS-MAJLIS UTAMA JAWHAR

### CERITERA JAWHAR

- 112** Penerbitan
- 117** Pembangunan Modal Insan
- 119** Memorandum Persefahaman
- 121** Anugerah Pencapaian Kualiti Jawhar
- 123** Khidmat Nasihat

## 126 KUMPULAN MENINGKAT MUTU KERJA KMK

### LAPORAN PRESTASI KEWANGAN

- 132** Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan 2009
- Laporan Pengurusan Kewangan

### LAPORAN KEBAJIKAN, SOSIAL DAN SUKAN

- 136** Kelab Kebajikan dan Sukan JAWHAR (KKSJ) 2009
- 144** PUSPANITA 2009
- 155** Kelab Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAM) JAWHAR 2009

## INFORMASI

- 160** JAWHAR Di Persada Media
- 170** Tetamu JAWHAR
- 172** Berita Warga JAWHAR
- 174** Tekad 2010 JAWHAR

# Peritusan



# Perutusan

## Menteri Di Jabatan Perdana Menteri



**YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI  
HJ. JAMIL KHIR HJ. BAHAROM (B)**  
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri





السلام عليكم ورحمة الله وبرآاته

Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Rabbul 'Izzati dan selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga dan para sahabat Baginda yang mulia. Alhamdulillah, berkat keizinan dan perkenan-Nya maka penerbitan Laporan Tahunan JAWHAR 2009 telah berjaya direalisasikan.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan sekalung tahniah kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) kerana dengan jayanya telah menerbitkan Laporan Tahunan JAWHAR 2009 yang merangkumi warna-warni kejayaan Jabatan serta pelaksanaan program yang telah diaturkan sepanjang tahun 2009.

Berteraskan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011), JAWHAR dilihat telah mengorak langkah ke arah melestarikan pembangunan maslahah ummah dengan merencana dan melaksanakan pelbagai progam perkongsian ilmu melalui penglibatan pusat-pusat kecemerlangan dan memastikan pembangunan mapan projek-projek hartanah wakaf fizikal dan bukan fizikal sewajarnya. Pelbagai agenda telah diintisari bukan sahaja untuk meningkatkan pembangunan ummah tetapi juga bertindak sebagai pemangkin produktiviti warga kerja JAWHAR sekaliannya. Kerajaan juga telah bersama-sama mendokong peranan JAWHAR dengan menyalurkan peruntukan sewajarnya demi memenuhi hasrat murni JAWHAR dalam memacu kemajuan serta menaiktarafkan sosio-ekonomi ummah di Malaysia.

Malaysia gah sebagai negara Islam yang disegani. Justeru itu, peranan JAWHAR sebagai tunggak Kerajaan dalam merealisasikan



“ Malaysia gah sebagai negara Islam yang disegani. Justeru itu, peranan JAWHAR sebagai tunggak Kerajaan dalam merealisasikan pembangunan ummah sejagat amat signifikan dengan aspirasi YAB Perdana Menteri Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak untuk membentuk masyarakat 1Malaysia yang mendahuluikan rakyat di samping mengutamakan pencapaian. ”

pembangunan ummah sejagat amat signifikan dengan aspirasi YAB Perdana Menteri Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak untuk membentuk masyarakat 1Malaysia yang mendahuluikan rakyat di samping mengutamakan pencapaian. Usaha berterusan JAWHAR ke arah membudayakan integriti perlu dipergiat bagi melahirkan generasi penjawat awam unggul yang cemerlang, gemilang dan terbilang di masa akan datang.

Saya berkeyakinan tinggi terhadap program-program tadbir urus yang direncana dan dilaksanakan oleh JAWHAR akan membawa hasil yang positif bagi pemantapan institusi wakaf, zakat, mal dan haji supaya dapat melahirkan sistem pengurusan yang lebih efektif dan efisien dalam bidang teras yang diterajuinya. Seterusnya, objektif JAWHAR dalam memastikan perancangan, penyelaras dan pelaksanaan dasar serta program pembangunan negara kekal relevan dan dipantau dengan berkesan demi memartabatkan hadharah ummah.

Akhir kalam, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada JAWHAR dalam menerajui kegemilangan institusi wakaf, zakat, mal dan haji. Semoga setiap usaha yang dilakukan demi kesejahteraan ummah akan dibalas dengan Jannah-Nya kelak.

Sekian, terima kasih.

وَالسَّلَامُ

**YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO’ SERI JAMIL KHIR HJ. BAHAROM (B)**


Menteri Di Jabatan Perdana Menteri





# Sekapur Sireh

Ketua Setiausaha Negara



**TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN**

Ketua Setiausaha Negara

السلام عليكم ورحمة الله وبرآاته

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT atas segala nikmat dan limpah izin-Nya Laporan Tahunan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) 2009 telah berjaya diterbitkan.

Tahniah diucapkan kepada JAWHAR kerana telah melaksanakan program-program yang dirangka sepanjang tahun 2009 dengan komited dan profesional demi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan. Penerbitan Laporan Tahunan ini dilihat sebagai suatu usaha murni pendokumentasian peranan serta merakamkan program-program yang telah dilaksanakan selaras dengan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011). Semoga pelaksanaan program-program ini berjaya meninggikan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji serta memantapkan tadbir urus bidang-bidang teras JAWHAR.

Pencapaian JAWHAR merupakan hasil usaha gigih serta pengorbanan warganya bagi memperkasakan JAWHAR di persada perkhidmatan awam Malaysia. Komitmen ini hendaklah diteruskan dalam melaksanakan




“ Pencapaian JAWHAR merupakan hasil usaha gigih serta pengorbanan warganya bagi memperkasakan JAWHAR di persada perkhidmatan awam Malaysia. ”

setiap program demi kemajuan agama, bangsa dan negara. Inspirasi YAB Perdana Menteri melalui slogan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” wajar menjadi pemangkin semangat untuk warga JAWHAR khasnya dan penjawat awam umumnya bagi mencipta serta mengungguli perkhidmatan terbilang kepada rakyat.

Semoga keprihatinan dan kesungguhan semua warga JAWHAR dalam melaksakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh amanah dan berintegriti dibalas dengan keredhaan dan rahmat Allah SWT juga.

Sekian, terima kasih.

وَالسَّلَامُ



**TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN**

Ketua Setiausaha Negara





# Senlas Pinang

Ketua Pengarah JAWHAR

“ Kejayaan-kejayaan manis  
yang telah dilakarkan oleh JAWHAR pada tahun  
ini merupakan pengorbanan dan komitmen  
jitu antara warga kerja JAWHAR dan Pegawai  
Pengawal di Jabatan Perdana Menteri ”

السلام عليكم ورحمة الله وبرآته

Segala pujian bagi Allah SWT pemilik alam semesta dan selawat serta salam buat kekasih Allah Azza Wajalla, Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda. Bersyukur kita atas nikmat kesihatan yang dianugerahkan oleh-Nya kepada seluruh warga JAWHAR kerana dapat terus menerahkan keringat bakti demi memperkasa maslahah ummah di bumi Malaysia ini.

Alhamdulillah, dengan rasa tawaduk ke hadrat Ilahi, azam untuk mengumpul dan mengabadikan rentetan perjalanan JAWHAR sepanjang tahun 2009 di dalam penerbitan Laporan Tahunan telah berjaya dilestarikan dengan izin-Nya juga. Laporan ini diterbitkan kepangkuhan pelanggan dan stakeholders JAWHAR serta masyarakat Islam seluruhnya dengan hasrat agar pencapaian tahunan JAWHAR dapat dikongsi bersama. Tahun 2009 menyaksikan JAWHAR gah mempertahankan kejayaan-kejayaan yang diperolehi selain pelbagai usaha baru yang berjaya menonjolkan kemahuan ikhlas setiap warga kerja dalam memantapkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatannya.

Marilah kita bersama-sama mengimbau kembali rentetan kejayaan JAWHAR yang memperlihatkan kesungguhan jitu lagi bersepada warga JAWHAR dalam meniti kegemilangan untuk menjadi sebuah Jabatan yang dan disegani masyarakat dunia. Pada tahun 2009 ini, JAWHAR telah berjaya mempertahankan pensijilan MS ISO 9001:2000 daripada QAS SIRIM yang dianugerahkan pada tahun 2008. Malahan, pada tahun 2009 ini, Pensijilan tersebut telah dinaik tarafkan


**DATO' DR. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH**

Ketua Pengarah JAWHAR

kepada versi MS ISO 9001:2008. Persekitaran kerja yang kondusif dan harmoni di JAWHAR turut sama dapat mengekalkan Pensijilan Persekitaran Berkualiti (5S) yang dianugerahkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada tahun 2009. Dalam aspek ini, JAWHAR juga telah ditandaaraskan oleh beberapa kementerian/agensi kerajaan yang lain menerusi lawatan-lawatan kerja 5S ke Jabatan lain. Ini merupakan bukti kemantapan pengurusan JAWHAR yang telus, efisien dan efektif.

Penganjuran beberapa program di pelbagai peringkat telah mengimarakkan lagi tahun 2009 JAWHAR. Konvensyen Baitulmal Kebangsaan (KBK) merupakan program terbesar yang telah dianjurkan oleh JAWHAR. Konvensyen berlangsung pada 24 hingga 25 Jun 2009 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Seterusnya, penganjuran Bulan Zakat Kebangsaan (BZK) dan Seminar Zakat Kebangsaan 2009 pada 11 Ogos 2009 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) telah membuktikan kesungguhan JAWHAR dalam mengukuhkan institusi-institusi bidang terasnya demi memperkasakan sosio-ekonomi ummah. Bagaimanapun, JAWHAR tidak pernah cepat alpa serta lagha dengan pencapaian yang diperolehi dari tahun ke tahun. Berbekalkan rasa ingin terus berbakti, JAWHAR telah mengelola dua (2) kajian berkaitan institusi zakat dan mal bersama Pasukan Penyelidik profesional dan pusat kecemerlangan tempatan untuk Kajian Keberkesanan Agihan Zakat dan Kajian Penubuhan Permodalan Baitulmal Kebangsaan (PBK). Kajian PBK telah meraih Pingat Emas dalam Pertandingan IID peringkat UiTM Johor yang berlangsung pada 21 hingga 22 Oktober 2009 dan memenangi Pingat Gangsa dalam Pertandingan Rekacipta Peringkat Universiti Teknologi MARA: IID 2010 yang berlangsung di





UiTM Shah Alam pada 12 hingga 14 Januari 2010. Hasil kajian yang memberangsangkan akan dijadikan bahan rujukan ummah di masa hadapan. YAB Perdana Menteri begitu komited untuk melaksanakan aspirasinya melalui PBK yang termaktub di dalam buku "Najib Tun Razak-100 Hari Mendepani Cabaran" yang telah diterbitkan.

JAWHAR kini semakin mendekati masyarakat. Menerusi penambahbaikan berterusan laman sesawang JAWHAR, maklumat berkaitan institusi wakaf, zakat, mal dan haji serta informasi JAWHAR berada di hujung jari masyarakat. Dalam dunia tanpa sempadan masa kini, rangkaian elektronik menjadi jambatan penghubung maklumat dan perkongsian ilmu yang efektif sewajarnya. Sesungguhnya pembangunan berterusan laman sesawang JAWHAR merupakan antara gerbang penyebarluasan maklumat yang terbaik.

Kejayaan-kejayaan manis yang telah dilakarkan oleh JAWHAR pada tahun ini merupakan pengorbanan dan komitmen jitu antara warga kerja JAWHAR dan Pegawai Pengawal di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang melaksanakan tugas dengan penuh ikhlas dan bertanggungjawab demi kemaslahan ummah. Ukhuhah dan amanah dilakukan seiring bagi meningkatkan keterbilangan JAWHAR di bawah pimpinan YB Menteri di JPM juga.

Kejayaan JAWHAR dalam usia setahun jagung ini sewajarnya menjadi obor pembakar semangat kepada warga JAWHAR dan Jabatan lain agar terus gigih untuk meninggikan lagi taraf hidup ummah. Anjakan paradigma yang berterusan akan dapat membawa ummah kembali gah mentadbir dunia seperti zaman keterbilangan tamadun dahulu. Kita tidak akan ke mana-mana sekiranya masih terus memandang ke belakang. Menerusi Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011), JAWHAR akan terus mencambahkan idea kreatif dan inovatif dalam merangka program-program pemantapan tadbir urus institusi wakaf, zakat, mal dan haji agar pelaksanaannya lebih telus, berakauntabiliti dan berintegriti.


Akhir bicara, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang telah terlibat menjayakan program-program JAWHAR. Ayuh! Kita teruskan jihad murni serta sentiasa bingkas melunasi segala tanggungjawab yang diamanahkan untuk tahun 2010 dan mendepani cabaran seterusnya.

Sekian, terima kasih.

والسلام

DATO' DR. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH

Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)





# Maklumat Korporat



# Maklumat Korporat JAWHAR



**Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)** telah diisytiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 bersamaan 6 Safar 1425H oleh YAB Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri semasa mengumumkan kabinet Kerajaan Malaysia.

Iltizam YAB Perdana Menteri seterusnya dizahirkan lagi dalam ucapan beliau semasa pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9.

*"Di samping itu, kita akan membangunkan sumber modal Bumiputera, seperti tanah dan harta wakaf di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggungjawab fardhu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam dan membantu usaha pembangunan insan".*

Pelancaran rasmi JAWHAR disempurnakan pada 8 Oktober 2004 bersamaan 23 Syaaban 1425H oleh YB Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku menteri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal Islam. Dalam ucapan perasmianya, YB Menteri menegaskan hasrat Kerajaan seperti berikut:

*"Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ini bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematis dan berkesan. Ia juga bermaksud untuk meningkatkan keberkesan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang".*

JAWHAR yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri kini beroperasi di Aras 7, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.



## Visi

Menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia.

## Misi

JAWHAR sentiasa berusaha untuk:

- Meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang bertaraf dunia;
- Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji; dan
- Memantapkan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia.

## Objektif

Memastikan perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan dasar serta program pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dalam setiap rancangan pembangunan negara kekal relevan dan dipantau dengan berkesan demi kemajuan ummah.

## Dasar Kualiti

Setiap warga JAWHAR beriltizam untuk menghasilkan perkhidmatan berkualiti tinggi, profesional, responsif dan berintegriti yang berteraskan syariat Islam serta memenuhi kehendak stakeholders dan pelanggan.





## Fungsi

- i. Merancang, membangun dan menyelaraskan pembangunan fizikal, perundangan dan institusi wakaf, zakat dan mal agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah;
- ii. Memberi khidmat nasihat dan maklum balas kepada YB Menteri selaras dengan peruntukan Akta Tabung Haji (A 535) mengenai isu-isu yang berkaitan perundangan, pelaburan dan pengurusan haji;
- iii. Menjalankan kajian, penyelidikan, penerbitan dan penyelarasan mengenai isu-isu dan program-program pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ummah; dan
- iv. Memberi khidmat sokongan dalam pengurusan pentadbiran, sumber manusia dan kewangan serta peningkatan kecekapan sistem maklumat (ICT) bagi Jabatan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Lembaga Tabung Haji.

## Kod Etika

Falsafah Pengurusan JAWHAR berteraskan kepada Prinsip HIJRAH iaitu:


- H** Hemah dan Beradab
- I** Integriti dan Telus
- J** Jati Diri Kental, Komited dan Profesional
- R** Responsif dan Menepati Masa
- A** Akrab dan Kerja Berpasukan
- H** Hikmah dan Berpengetahuan



# Piagam Pelanggan

JAWHAR berlitzam untuk melaksanakan tanggungjawab dan peranan sebagai Jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah melalui pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan;


1. Melaksanakan sekurang-kurangnya 90% program tahunan Jabatan mengenai institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan menjalin perkongsian pintar dengan MAIN, entiti zakat negeri, pusat-pusat kecemerlangan tempatan serta antarabangsa dan Lembaga Tabung Haji (LTH);
2. Menghasilkan tiga penerbitan setiap tahun berkaitan pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan institusi wakaf, zakat, mal dan haji;
3. Memberikan perkhidmatan sokongan kepada stakeholders dan pelanggan secara responsif, cepat dan berintegriti tidak lewat dari dua hari bekerja;
4. Memberikankhidmatnasihatkepadastakeholdersdanpelanggan dalam tempoh satu hari bekerja selepas menerima pertanyaan;
5. Memberikan khidmat nasihat kepada YB Menteri (apabila diarahkan) tidak lewat dari tiga hari bekerja mengenai perkhidmatan haji dan pelaburan LTH;
6. Mensasarkan aduan sifar terhadap Jabatan oleh stakeholders dan pelanggan pada setiap tahun;
7. Memastikan pengurusan kewangan Jabatan mengikut prosedur dan peraturan bagi memastikan sekurang-kurangnya 95% peruntukan tahunan dibelanjakan;
8. Memastikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) diadakan bagi setiap suku tahun;
9. Menjalankan dua kali pengauditan dalam mengenai pengurusan dan kewangan Jabatan selaras dengan peraturan-peraturan semasa yang berkuat kuasa; dan
10. Memastikan laman web Jabatan sentiasa informatif dan dikemaskini sepanjang masa.



## Moto

*"Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad"*

Moto JAWHAR ini menyatakan harapan dan semangat JAWHAR meningkatkan kemajuan ummah serta membangunkan bidang-bidang teras ke tahap yang lebih tinggi. Mantan Perdana Menteri YAB Tun Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi pernah menyatakan *"Pembangunan fizikal adalah penting dan pembangunan rohani adalah lebih penting". Sehubungan itu, warga JAWHAR akan sentiasa memberi penekanan kepada unsur pembangunan rohani di samping menguruskan pembangunan fizikal demi pembangunan sosio-ekonomi ummah ke arah keterbilangan.*



## Slogan

*"Betulkan Yang Lazim, Lazimkan Yang Betul"*

Slogan JAWHAR pula membawa pengertian yang sangat mendalam. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, warga JAWHAR digesa untuk melaksanakannya dengan kaedah yang terbaik. Sebagai manusia biasa kesilapan tidak mampu dilakukan secara keseluruhan, namun tahap kesilapan tersebut dapat diminimumkan sekiranya setiap tindakan difikirkan dengan teliti, dirancang serta dilaksanakan dengan sebaiknya. Yang pastinya, kesilapan yang sama tidak seharusnya berulang kerana kata pujangga Islam "seseorang Muslim tidak akan terjatuh di dalam lubang yang sama dua kali".



# Carta Organisasi

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)  
Jabatan Perdana Menteri



Dato' Dr. Hj. Sohaimi  
Hj. Mohd Salleh  
Ketua Pengarah



En. Muhammad Hassan  
b. Esa  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Zakat  
Antarabangsa



Ab. Ghafar b. Yusof  
Timbalan Ketua Pengarah



En. Azri b. Ahmad  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Yayasan Waqaf Malaysia



Pn. Ku Hayati bt.  
Ku Haron  
Penasihat  
Undang-Undang



En. Mohd Bakri b. Ibrahim  
Pengarah  
Bhg. Wakaf



En. Ab Rahim b. Zakaria  
Pengarah  
Bhg. Zakat



En. Abdul Halim b.  
Abdullah  
Pengarah  
Bhg. Haji




En. Hasan Hafizi b. Hanapi  
Pengarah  
Bhg. Mal




Pn. Norbaiyah bt. Sukor  
Pengarah  
Bhg. Teknologi Maklumat



Pn. Nikhat bt. Niaz Ahmad  
Pengarah  
Bhg. Khidmat Pengurusan &  
Sumber Manusia



Dr. Norazman b. Ismail  
Pengarah  
Bhg. Penyelidikan &  
Penyelarasian



# Profil Pengurusan Tertinggi

## Profil Ketua Pengarah

**Dato' Dr. Hj. Sohaimi b. Hj. Mohd Salleh** adalah anak kelahiran Pasir Mas, Kelantan yang dilahirkan pada 18 Mac 1959. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dengan pengkhususan dalam bidang Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Malaya pada tahun 1982 dan memperolehi Diploma Pentadbiran Awam (DPA) daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1983. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran ke Universiti Birmingham, United Kingdom untuk Ijazah Sarjana (MBA) pengkhususan dalam bidang International Banking & Finance pada tahun 1992. Pada tahun 2004, beliau memperolehi Ph.D dalam bidang Global Information & Telecommunication Studies, pengkhususan dalam bidang Venture Capital For Venture Businesses daripada Universiti Waseda, Jepun.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam perkhidmatan Kerajaan terutamanya dalam pengurusan kewangan. Memulakan perkhidmatan di Kementerian Kewangan pada Januari 1984 sehingga 2005, beliau kemudiannya telah ditugaskan sebagai Ketua Pusat Pengurusan Kewangan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam pada Disember 2005. Seterusnya pada Mei 2007 sehingga sekarang, beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri.

Beliau juga telah memperolehi pelbagai pencapaian di dalam kerjaya sebagai penjawat awam, antaranya ialah Anugerah Ketua Setiausaha Negara (KSN); untuk Kadet Terbaik Keseluruhan Diploma Pentadbiran Awam (DPA) INTAN; Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Kewangan bagi tahun 1992; dan Peserta Terbaik Kursus Kenaikan Pangkat M2 (INTAN) pada tahun 1998 dan Tahap IV keseluruhan untuk Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) Tahap 5. Pada tahun 2009, dengan sokongan daripada YBhg Tan Sri KSN, beliau telah dianugerahkan pingat Datuk Paduka Setia Mahkota Kelantan (DPSK) daripada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan.

Pada masa ini, Dato' Dr. Hj. Sohaimi juga memegang pelbagai jawatan lain, antaranya Timbalan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Waqaf Malaysia (YWM); Ahli Lembaga Pemegang Amanah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP); Ahli Jawatankuasa Agihan Baitulmal MAIWP; Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM); Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM); Ahli Lembaga Pengarah Harta Suci Sdn. Bhd.; dan Pengerusi Jawatankuasa Audit Harta Suci Sdn. Bhd..

Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Bank Kerjasama Rakyat Sdn. Bhd.; Commerce Dot Com Sdn. Bhd.; Tabung Pelaburan Pembiayaan Lembaga Perkayuan Malaysia; Lembaga Kemajuan Ekonomi Negeri Terengganu; Pengarah/Penasihat Program Akademik Universiti Utara Malaysia; dan Ahli Silih Ganti Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. dan Lembaga Kraft Tangan Malaysia.

Dalam aspek pembelajaran, Dato' Dr. Hj. Sohaimi juga sangat meminati bidang penulisan ilmiah di mana tidak kurang 30 hasil penulisannya telah dibentangkan di forum peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta diterbitkan di dalam makalah ilmiah di dalam maupun luar negara. Di samping menulis, beliau juga aktif sebagai editor untuk jurnal dan buku prosiding persidangan peringkat Nasional. Dato' Dr. Hj. Sohaimi juga adalah ahli panel untuk pemilihan calon-calon penerima bantuan Persekutuan bagi peringkat Sarjana dan Ph.D dan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) Tahap 5 dan 6 kelolaan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.





## Profil Timbalan Ketua Pengarah

**En. Abd. Ghafar b. Yusof**, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR dilahirkan pada 16 Jun 1956 di Kuala Terengganu. Beliau menerima Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 1978 dan berkhidmat sebagai Pembantu Teknik di Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Negeri Terengganu pada tahun yang sama.

Pada tahun 1980 hingga 1982, beliau telah melanjutkan pelajaran di UTM dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perancangan Bandar dan Wilayah. Beliau kembali semula ke JPBD untuk menyambung khidmat sebagai Pembantu Teknik. Berbekalkan pengetahuan dan pengalamannya, anak jati kelahiran Terengganu ini pada 16 Januari 1983 telah berkhidmat baktinya di KETENGAH sebagai Pegawai Perancang Bandar selama setahun. Pada 1 Februari 1984, beliau telah meletakkan jawatan untuk berkhidmat sebagai Developement Forecaster di sebuah syarikat swasta iaitu Binafon Telecommunications Sdn. Bhd. selama tiga (3) tahun. Pada Januari 1987, beliau kemudiannya mengikuti kursus Diploma Pentadbiran Awam (DPA) di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selama setahun sebelum dilantik ke Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD). Seterusnya pada Januari 1988, beliau telah dilantik sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan kemudiannya telah ditukarkan ke Kementerian Pengangkutan pada tahun 1992.

Pada tahun 1993 hingga 1995, dengan berbekalkan keazaman dan kesungguhan yang tinggi, beliau telah mengorak langkah ke arah menambahkan lagi ilmu pengetahuannya dengan mengikuti kursus Ijazah Sarjana Perancang Bandar dan Wilayah daripada University of Sheffield di United Kingdom (UK). Sepulangnya dari UK, pada September 1995, beliau telah menyambung pula baktinya di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dengan pengalaman yang luas dalam perkhidmatan awam, beliau kemudiannya telah bertukar ke Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan pada Disember 2000 sebagai Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan dan Kewangan, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Hasil daripada penubuhan Kementerian Pengajian Tinggi, pada tahun 2004, beliau telah berkhidmat di Bahagian Pembangunan di Kementerian tersebut. Kemudianya, pada 16 Februari 2007 pula menyaksikan pegawai yang berasal dari Kuala Terengganu ini bertukar ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Bahagian Dasar Sosial Negara sehingga November 2007 sebelum memulakan khidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR sehingga sekarang. Sebagai penjawat awam, beliau mempunyai pengalaman yang luas dengan perkara-perkara berkaitan dengan perancangan bandar dan kerajaan tempatan. Beliau juga telah menimba banyak pengetahuan dalam bidang pengurusan kewangan dan perancangan belanjawan.



### Profil Penasihat Undang-Undang

**Pn. Ku Hayati bt. Ku Haron**, Penasihat Undang-Undang JAWHAR dilahirkan pada 10 September 1974. Berpendidikan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada tahun 1999. Selain itu beliau juga berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Undang-Undang Islam dari Universiti yang sama. Beliau telah memulakan perkhidmatan awam sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2000. Pada tahun 2006, beliau telah bertukar ke Ibu pejabat Jabatan Peguam Negara Malaysia, Putrajaya. Beliau mula berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang JAWHAR mulai 1 November 2009 sehingga sekarang.



### Profil Pengarah Bahagian Wakaf

**En. Mohd Bakri b. Ibrahim**, Pengarah Bahagian Wakaf dilahirkan pada 17 November 1958. Beliau memperolehi Sarjana Muda (Kepujian) daripada Universiti Malaya (UM) pada tahun 1982. Beliau memulakan khidmat dalam sektor awam pada tahun 1982 sebagai Pegawai Tadbir Am Tingkatan Biasa di Kementerian Kehakiman; pada 1989 di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia; pada 27 Oktober 1990 di Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kemudian pada 16 September di Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah. Beliau kemudiannya berkhidmat di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Cawangan Pahang pada tahun 1993. Beliau dinaikkan pangkat kepada Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Perpaduan Negara pada tahun 2000, dan seterusnya berkhidmat di Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, JPM pada tahun 2001 hingga tahun 2003. Beliau telah memulakan khidmat sebagai Pengarah Bahagian Wakaf mulai tahun 2007 sehingga sekarang. Beliau sangat berpengalaman di dalam perancangan dan pengurusan projek. Beliau pernah menerima dua (2) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang iaitu pada tahun 1997 dari Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat dan pada tahun 2002 dari Unit Penyelarasaran Perolehan, JPM



## Profil Pengarah Bahagian Zakat

**En. Ab. Rahim b. Zakaria**, Pengarah Bahagian Zakat dilahirkan pada 24 Disember 1953. Bermula dengan memperolehi Diploma Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1978, beliau terus mengorak langkah dalam pencarian ilmu dengan menamatkan pengajian peringkat Sarjana Muda Pengajian Islam daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1979. Beliau telah memulakan perkhidmatan sebagai Penolong Pegawai Daerah, Majlis Daerah, Tampin, Negeri Sembilan pada tahun 1980. Pada tahun 1986 sehingga 1990 beliau bertugas sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Pada 1992, beliau dilantik sebagai Pegawai Khas KSU di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan kemudian memegang jawatan sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Menteri, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi pada 1994. Pada tahun 2004, beliau bertukar ke JAWHAR sebagai Pengarah Bahagian Haji dan kemudiannya beliau memulakan khidmat sebagai Pengarah Bahagian Zakat pada tahun 2005 sehingga sekarang. Beliau adalah antara pegawai terawal menyertai JAWHAR semasa penubuhannya.



## Profil Pengarah Bahagian Mal

**Encik Hasan Hafizi bin Hanapi**, Pengarah Bahagian Mal JAWHAR dilahirkan pada 14 Februari 1977. Berpendidikan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Islam (Syariah) dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2000. Beliau juga mempunyai diploma di dalam bidang yang sama dari Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin pada tahun 1998 dan memperolehi Diploma Pentadbiran Awam (DPA) daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 2005. Beliau telah memulakan perkhidmatan awam sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 2001. Pada tahun 2004 beliau telah ditempatkan ke Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Beliau memulakan perkhidmatan di JAWHAR pada bulan Mei 2007 di Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasaran sebelum ditempatkan sebagai pengarah di Bahagian Mal.





### Profil Pengarah Bahagian Haji

**En. Abd. Halim b. Abdullah**, Pengarah Bahagian Haji dilahirkan pada 8 Julai 1952. Menamatkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1975 dari Universiti Malaya (UM) dalam bidang Sastera. Beliau telah memulakan perkhidmatan di sektor awam pada tahun 1975 sebagai Penolong Pengguna Kastam, Kastam & Eksais Diraja, Pelabuhan Kelang. Pada tahun 1975, beliau berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Daerah III di Pejabat Daerah Jerantut, Pahang. Beliau kemudiannya memegang jawatan sebagai Pemangku Penolong Pengarah pada tahun 1980 di Jabatan Perkhidmatan Awam dan pada tahun 1981 sebagai Pemangku Penolong Setiausaha di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada tahun 1984 beliau telah bertugas di Kementerian Pengangkutan; pada 1987 di Jabatan Perdana Menteri dan pada tahun 1995 di Kementerian Kerja Raya. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat kepada Ketua Penolong Setiausaha pada 1998 di Kementerian Kerja Raya, seterusnya berkhidmat di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 2003 dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 2004. Beliau telah memulakan khidmat sebagai Pengarah Bahagian Haji JAWHAR mulai tahun 2007 sehingga sekarang.



### Profil Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

**Pn. Nikhat bt. Niaz Ahmad**, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia JAWHAR dilahirkan pada 14 Disember 1975. Menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan dan Perniagaan Antarabangsa daripada McGill University, Canada pada tahun 1998. Beliau telah memulakan perkhidmatan sebagai penjawat awam pada tahun 2001 sehingga 2005 di Seksyen Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, beliau juga mempunyai Ijazah Sarjana pada tahun 2007 daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Pengurusan Sumber Tanah. Beliau telah memulakan khidmat sebagai Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia JAWHAR mulai tahun 2007 sehingga kini. Beliau juga mempunyai pengetahuan dalam pelaksanaan projek-projek penswastaan termasuk aspek-aspek kewangan dan teknikal.



### Profil Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat

**Pn. Norbaiyah bt. Sukor**, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat JAWHAR dilahirkan pada 21 Ogos 1971. Anak kelahiran Muar, Johor ini memulakan pengajiannya di Institut Teknologi Mara Shah Alam (ITM) dalam bidang Diploma sebelum melanjutkan pengajiannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1995 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang Sains Komputer. Beliau telah memulakan perkhidmatan bermula sebagai Pegawai Teknologi Maklumat, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi yang telah ditukar namanya kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 26 Mac 1996 hingga 15 Ogos 2004. Pada 16 Ogos 2004, beliau telah berhijrah ke JAWHAR sebagai Ketua Unit ICT sehingga 17 Jun 2007 dan dilantik sebagai Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat JAWHAR mulai 18 Jun 2007 sehingga sekarang. Beliau merupakan pegawai perintis menyertai JAWHAR semasa pengoperasian JAWHAR bermula 1 Ogos 2009. Beliau telah dianugerahkan Sijil Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2005.

### Profil Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasian

**Dr. Norazman bin Ismail**, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasian JAWHAR dilahirkan di Kuala Krau, Pahang pada 17 Julai 1961. Setelah menamatkan pengajian Bachelor of Science in Business Studies di Indiana State University (ISU), Terre Haute, Indiana, United States of America (USA) pada tahun 1985, beliau kemudiannya memperolehi Masters in International Business Administration (MIBA) dari United States International University (USIU), San Diego, California, USA pada tahun 1987. Sekembalinya beliau dari USA, beliau telah berkhidmat sebagai Internal Auditor di Bank Negara Malaysia selama setahun. Beliau seterusnya telah berkhidmat di Bahagian Kewangan, Perbadanan Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia selama hampir 14 tahun setelah menamatkan kursus Diploma Pengurusan Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1989. Pada Jun 2003, beliau telah melanjutkan pelajaran ke peringkat Ph.D di University of Leeds, Leeds, United Kingdom (UK). Sekembalinya dari UK, beliau kini berkhidmat sebagai Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasian, JAWHAR di Jabatan Perdana Menteri.





# Warga JAWHAR



## PENGURUSAN TERTINGGI JAWHAR



### PEJABAT KETUA PENGARAH

YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh   Ketua Pengarah  
Pn. Halijah bt. Ramli   Pembantu Tadbir (K)





### **PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH**

En. Abd. Ghafar b. Yusof  
Cik Saradila bt. Sairan

Timbalan Ketua Pengarah  
Pembantu Tadbir (K)



### **PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG**

Pn. Ku Hayati bt. Ku Haron  
Pn. Chik Asiah bt. Md Yusuf

Penasihat Undang-Undang  
Pembantu Tadbir (P/O)




## BAHAGIAN WAKAF

Tn. Hj. Mohd Bakri b. Ibrahim	Pengarah
Pn. Zaleha bt. Embong	Penolong Pengarah
En. Noorhafidzi b. Mohd Arif	Penolong Pengarah
Cik Saidatul Hani bt. Surohedin	Penolong Pengarah
Pn. Nor Jahan bt. Ibrahim	Akauntan
En. Abdul Fatah b. Suyut	Jurutera
En. Zainal b. Hj. Mohd Yusoh	Penolong Akauntan
En. Mohd Zulkifli b. Mohd	Pembantu Teknik
Pn. Noriah bt. Othman	Pembantu Tadbir (P/O)
Pn. Noor Azura bt. Zainal	Pembantu Tadbir (P/O)
En. Mustafidurrohman b. Mohd Syahroni	Penolong Hal Ehwal Islam
En. Hafriz Afiq b. Hamdan	SPS
En. Syed Muhd Mazhar b. Syed Othman	SPS
En. Zaim b. Sulaiman	SPS



## BAHAGIAN ZAKAT

Tn. Hj. Ab. Rahim b. Zakaria	Pengarah
En. Abdullah b. Awang	Penolong Pengarah
Cik Erma Marlina bt. Hamsan	Penolong Pengarah
En. Iqbal Imaduddin b. Zulkifli	Penolong Pengarah
Pn. Ruhayawati bt. Ramli	Akauntan
En. Aizol Amri b. Abdul Halim Azimi	Penolong Akauntan
Pn. Haryanti bt. Haron	Pembantu Tadbir (K)
Pn. Hazliana bt. Tahar	Pembantu Hal Ehwal Islam
Cik Isma Hazira bt. Ismail	SPS
En. Sharil Nizam b. Al Malek Hasan	SPS
En. Sirajul Fahmi b. Omar	SPS





## BAHAGIAN MAL

Tn. Hj. Hasan Hafizi b. Hanapi  
En. Murid Fadzli b. Musa  
Cik Rohainun bt. Rasdi  
En. Idzharudin b. Ibrahim  
Cik Zuzaidaisyantie bt. Zaaba


Pengarah  
Penolong Pengarah  
Penolong Pengarah  
Pembantu Tadbir (P/O)  
SPS



## BAHAGIAN HAJI

En. Abdul Halim b. Abdullah  
En. Sabarudin b. Hasan  
Pn. Wan Najmiah bt. Wan Mohamad Ali  
En. Sharifful Hakim b. Suman  
Cik Norfadhilah bt. Abdullah  
En. Muhammad Suardi b. Shafein  
Pn. Hayana Bt. Khairudin  
Cik Norhaya Bt. Idrus

Pengarah  
Ketua Penolong Pengarah  
Penolong Pengarah  
Penolong Pengarah  
Penolong Pengarah  
Pembantu Hal Ehwal Islam  
Pembantu Tadbir (K)  
Pembantu Tadbir (P/O)



## BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PENYELARASAN


Dr. Norazman b. Ismail	Pengarah
En. Ahmad Munir b. Ishak	Ketua Penolong Pengarah
Pn. Rosmawati bt. Yas	Penolong Pengarah
Cik Norlizah bt. Mainoordin	Penolong Pengarah
Cik Dahlia bt. Ishak	Pembantu Tadbir (P/O)
Pn. Rohaizah bt. Mohd Rojulan	Pembantu Tadbir (P/O)
En. Mohd Fazarul b. Mohd Safain	Pembantu Tadbir (P/O)
En. Mohamed Khairudin b. Abdul Rashid	Pegawai Khidmat Pelanggan
Pn. Dayang Suhada bt. Md. Yusop	Pegawai Khidmat Pelanggan
Cik Wan Nur Izzati bt. Wan Azahari	SPS
Cik Kamariah Nor bt. Mohd Nong	SPS



## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pn. Norbaiyah bt. Sukor	Pengarah
Pn. Rahayu bt. Shafie	Penolong Pengarah
En. Mohd Radzi b. Mohammed Ismail	Pen. Peg. Teknologi Maklumat
En. Muhammad Ridzuan b. Sabli	Pen. Peg. Teknologi Maklumat
Cik Muzazila bt. Mustari	Pen. Peg. Teknologi Maklumat
En. Muhammad Firdaus b. Abd. Rahim	Pembantu Tadbir (P/O)
En. Rozali b. Maarof	Juruteknik Komputer
Cik Norquyyum bt. Mohd Nor	SPS





## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

Pn. Nikhat bt. Niaz Ahmad	Pengarah
En. Abdul Halim b. Sunny	Ketua Unit Sumber Manusia
Pn. Zuraini bt Ilias	Akauntan
En. Mohd Zulfahmi b. Hussain	Penolong Pengarah
Pn. Maslinda Sherliza bt. Ma'aris	Penolong Pengarah
En. Riduan b. Hussin	Penolong Akauntan
En. Rizan b. Maidin	Penolong Pegawai Tadbir
En. Zakaria b. Ahmad	Penolong Pegawai Tadbir
Pn. Maimunah bt. Ahmad	Ketua Pembantu Tadbir (Kew)
Cik Zariena bt. Abdullah	Pembantu Tadbir (Kew)
En. Rohaizit b. Abdul Rashid	Pembantu Tadbir (Kew)
En. Issyemmnuddeen b. Iesa	Pembantu Tadbir (Kew)
Pn. Siti Najwa bt. Shafie	Pembantu Tadbir (Kew)
Cik Hawariah bt. Mohd Anuar	Pembantu Tadbir (K)
En. Othman b. Ali	Pembantu Perpustakaan
Pn. Fairus bt. Baharin	Pembantu Tadbir (P/O)
Pn. Zakiah bt. Ya	Pembantu Tadbir (P/O)
En. Ramli b. Ismail	Pembantu Tadbir (P/O)
Cik Aishah bt. Ahmad	Pembantu Tadbir (P/O)
En. Hasrolnizam b. Rosli	Pembantu Tadbir (P/O)
Pn. Khairunnisa bt. Md. Nasir	Pembantu Tadbir (P/O)
En. Mohd Fadhil Khariry b. Abdullah Kasim	Pengawal Keselamatan
En. Mohd Fazri b. Zulkalnaini	Pengawal Keselamatan
En. Mohamad Alif b. Kuniel	Pengawal Keselamatan
En. Hasbullah Huzaini b. Che Hassan	Pengawal Keselamatan
En. Mohd Ishak b. Abu	Pemandu
En. Nordin b. Abu Bakar	Pemandu
En. Zainuddin b. Abdul Samad	Pemandu
En. Mohamad Khalam b. Ismail	Pembantu Am Pejabat
Cik Aini Nabilah Najwa bt. Majri	Pembantu Am Pejabat
Cik Ima Nadia bt. Ibrahim	SPS
Cik Aniza bt. Ludin	SPS



# Laporan Program & Aktiviti Utama





## BAHAGIAN WAKAF


### PENGENALAN

Bahagian ini bertanggungjawab mengukuhkan pengurusan institusi wakaf agar teratur, seragam dan berkesan selaras dengan syariah dalam usaha untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah.

### PEMBANGUNAN HARTA WAKAF

Program Pembangunan Harta Wakaf di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun (RPLT) julung kalinya bermula dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) dengan kelulusan peruntukan sebanyak RM256.4 juta oleh Kerajaan Persekutuan melalui Unit Perancang Ekonomi (UPE). Pada peringkat awal RMKe-9 sebanyak 38 projek dikenal pasti oleh JAWHAR dengan input yang dikemukakan oleh kebanyakan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN). Projek-projek ini dikategorikan kepada dua jenis iaitu projek ekonomi dan projek sosial.

Pembangunan harta wakaf semakin rancak dilaksanakan di setiap negeri oleh JAWHAR dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan MAIN seiring dengan kepesatan kemajuan negara. Program Pembangunan Wakaf ini dinyatakan di bawah Teras Ketiga RMKe-9 iaitu menangani masalah ketidaksamaan sosio-ekonomi secara membina dan produktif, khususnya bagi mengurangkan jurang kekayaan. Dua ikatan perjanjian iaitu Perjanjian Pajakan Tanah dan Perjanjian Pembangunan Tanah disediakan bagi membolehkan peruntukan RMKe-9 disalurkan bagi membiayai Projek Pembangunan Harta Wakaf. Menerusi kajian semula RMKe-9 pada pertengahan 2008, sebanyak 23 projek telah diluluskan melibatkan 19 projek fizikal dan 4 projek bukan fizikal. Secara keseluruhan pelaksanaan Projek Pembangunan Harta Wakaf adalah seperti rajah di bawah:



### Agihan Projek dan Peruntukan RMKe-9 JAWHAR

Dua (2) projek fizikal telah siap pada 30 November 2009 iaitu Projek Pembinaan Asrama Anak Yatim, Mukim Derga, Kedah dan Kerja Awalan bagi Pembinaan Kompleks Wakaf Hulu Langat Kajang, Selangor. Majlis Penyerahan Kunci Bangunan Asrama Anak Yatim Mukim Derga telah diadakan pada 9 Disember 2009. YBhg Dato' Ketua Pengarah JAWHAR telah hadir ke majlis tersebut. Sebanyak empat projek fizikal dijangka siap pada suku tahun pertama dan kedua 2010 iaitu: Projek Pembinaan Asrama Anak Yatim, Machang, Kelantan pada 14 Februari 2010; Projek Pembinaan Ruang Niaga, Mukim Ulu Kinta, Tambun, Perak pada 21 April 2010; Projek Pembinaan Pusat Saudara Baru, Seremban, Negeri Sembilan pada 8 Jun 2010; dan Projek Pembinaan Hotel Wakaf MAIM, Tg. Kling Melaka pada 14 Jun 2010. Manakala tujuh (7) lagi projek dijangka siap pada suku tahun ke-3 dan ke-4 tahun 2010. Enam projek dijangka siap pada awal dan pertengahan tahun 2011. Di bawah adalah gambar-gambar Projek Pembangunan Harta Wakaf dan status pelaksanaannya sepanjang 2009.

i. Siling Peruntukan RMKe-9	:	RM256.4 juta
ii. Bilangan Projek	:	23 Projek
a. Projek fizikal	:	19
b. Projek bukan fizikal	:	4
iii. Peruntukan Tahun 2009	:	RM73,400,000.00
iv. Prestasi Perbelanjaan 2009	:	RM34,262,636.48 (46.68 %)
v. Prestasi Perbelanjaan RMKe-9	:	RM50,742,447.89 (19.79 %)
vi. Projek Fizikal	:	19
a. Projek siap	:	2
b. Dalam Pelaksanaan	:	10
c. Dalam Proses Tawaran	:	3
d. Penyediaan Dokumentasi	:	3
e. Projek Batal	:	1
vii. Projek Bukan Fizikal	:	4
a. Projek Siap	:	1
b. Dalam Pelaksanaan	:	2
c. Penyediaan Pelan Tindakan	:	1

**Pelaksanaan Projek  
Pembangunan Harta  
Wakaf RMKe-9  
JAWHAR**



## Status Pelaksanaan Projek Fizikal

### A) PROJEK SIAP (2 PROJEK)

#### 1. Pembinaan Asrama Anak Yatim Mukim Derga, Kedah

Siling RMKe-9 : RM2.08 juta  
Kos Kontrak : RM1,995,000.00  
Kontraktor : Satria Kasturi Sdn. Bhd.  
Tarikh Mula : 15/09/2008  
Tarikh Siap : 06/12/2009  
Tempoh Siap : 15 bulan  
Siap Sebenar : 30/11/2009



#### 2. Pembinaan Kompleks Wakaf Di Atas Lot PT 45531 Seksyen 9, Kajang, Ulu Langat, Selangor (Kerja Awalan)

Siling RMKe-9 : RM0.5 juta  
Kos Kontrak : RM156,340.00  
Kontraktor : Shahbaz Enterprises  
Tarikh Mula : 11/11/2009  
Tarikh Siap : 16/12/2009





### B) PROJEK DALAM PELAKSANAAN (10 PROJEK)

#### 1. Pembinaan Kompleks Pendidikan Al-Mashoor, Balik Pulau, Pinang Pinang

Siling RMKe-9 : RM41.0 juta  
Kos Kontrak : RM36.0 juta  
Kontraktor : Jamil Ghani Construction Sdn. Bhd.  
Tarikh Mula : 14/03/2008  
Tarikh Siap : 13/09/2010  
Tempoh Siap : 30 bulan  
Status SPPII : Dahulu Jadual  
Prestasi Fizikal : 76% (sehingga 31/12/ 2009)



#### 2. Pembinaan Pusat Saudara Baru Seremban, Negeri Sembilan

Siling RMKe-9 : RM4.5 juta  
Kos kontrak : RM7,766,269.70  
Kontraktor : Jurumart Sdn. Bhd.  
Tarikh Mula : 08/10/2008  
Tarikh Siap : 08/06/2010  
Tempoh Siap : 20 bulan  
Status : Ikut Jadual  
Prestasi Fizikal : 38.66% (sehingga 31/12/2009)






### 3. Pembinaan Hotel Wakaf Majlis Agama Islam Melaka, Tg. Kling, Melaka

Siling RMKe-9 : RM25.6 juta  
Kos Kontrak : RM17,649,380.80  
Kontraktor : Hati Muda Sdn. Bhd  
Tarikh Mula : 15/01/2009  
Tarikh Siap : 14/07/2010  
Tempoh Siap : 18 bulan  
Status SPPII : Ikut Jadual  
Prestasi Fizikal : 19.39% (sehingga 31/12/2009)



### 4. Pembinaan Ruang Niaga Mukim Ulu Kinta, Tambun, Perak

Siling RMKe-9 : RM1.6 juta  
Kos Kontrak : RM1,295,470.00  
Kontraktor : Semsas Sdn. Bhd.  
Tarikh Mula : 23/04/2009  
Tarikh Siap : 21/04/2010  
Tempoh Siap : 12 bulan  
Status SPPII : Ikut Jadual  
Prestasi Fizikal : 54% (sehingga 31/12/2009)





##### 5. Pembinaan Hotel Wakaf Taiping, Perak

Siling RMKe-9 : RM19.0 juta  
Kos Kontrak : RM15,435,558.00  
Kontraktor : NAZARIN (NBM) Sdn. Bhd.  
Tarikh Mula : 21/05/2009  
Tarikh Siap : 17/11/2010  
Tempoh Siap : 18 bulan  
Status SPPII : Dahulu Jadual  
Prestasi Fizikal : 21% (sehingga 31/12/2009)



##### 6. Pembinaan Rumah Kedai Mukim Utan Aji, Kangar, Perlis


Siling RMKe-9 : RM4 juta  
Kos Kontrak : RM3,921,283.00  
Kontraktor : Juta Utusan Construction Sdn. Bhd.  
Tarikh Mula : 22/06/2009  
Tarikh Siap : 10/10/2010  
Tempoh Siap : 15 bulan  
Status SPPII : Ikut Jadual  
Prestasi Fizikal : 25.5% (sehingga 31/12/2009)





### 7. Pembinaan Ruang Niaga & Pusat Dialisis Batu Pahat, Johor


Siling RMKe-9 : RM8.0 juta  
Kos Kontrak : RM6,698,888.00  
Kontraktor : Kelisa Murni Sdn. Bhd.  
Tarikh Mula : 1/07/2009  
Tarikh Siap : 14/12/2010  
Tempoh Siap : 18 bulan  
Status SPPII : Dahulu Jadual  
Prestasi Fizikal : 17% (sehingga 31 Dis 2009)



### 8. Pembinaan Asrama Anak Yatim Machang, Kelantan

Siling RMKe-9 : RM1.5 juta  
Kos Kontrak : RM1,049,000.00  
Kontraktor : Prismacorp (M) Sdn. Bhd.  
Tarikh Mula : 06/07/2009  
Tarikh Siap : 14/02/2010  
Tempoh Siap : 8 bulan  
Status : Ikut Jadual  
Prestasi Fizikal : 44.7% (sehingga 31/12/2009)





**9. Pembinaan Rumah Perlindungan Wanita di atas sebahagian PTD 25810 Tapak Masjid Taman Perling, Mukim Pulai, Johor Bahru**

Siling RMKe-9 : RM10.0 juta  
Kos Kontrak : RM6,258,330.00  
Kontraktor : KAHFI Development Sdn. Bhd.  
Tarikh Mula : 11/09/2009  
Tarikh Siap : 4/11/2010  
Tempoh Siap : 15 bulan  
Status SPPII : Dahulu Jadual  
Prestasi Fizikal : 3% (sehingga 31/12/2009)



**10. Pembinaan Hotel Wakaf dan Baitul Hilal Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan**

Siling RMKe-9 : RM18.0 juta  
Kos Kontrak : RM28,930,000.00  
Kontraktor : Teras Khidmat Negara  
Tarikh Mula : 11/2009  
Tarikh Siap : 11/2011  
Tempoh Siap : 24 bulan  
Status SPPII : Ikut Jadual  
Prestasi Fizikal : 1.18% (sehingga 31/12/2009)  
Tarikh Tutup : 15/06/2009  
Tender



**C) PROJEK DALAM PROSES PENILAIAN TAWARAN KEPADA KONTRAKTOR (3 PROJEK)****1. Pembinaan Hotel Wakaf Kuala Terengganu, Terengganu**

Siling RMKe-9 : RM39.5 juta  
Kos Projek : RM38,500,000.00  
Kontraktor : Sincere Image Sdn Bhd  
Jangka Mula : 11/2009  
Jangka Siap : 04/2011  
Tempoh Siap : 18 bulan  
Status SPPII : Ikut Jadual  
Prestasi Fizikal : -  
Tarikh Tutup : 19/01/2009  
Tender


**2. Pembinaan Unit Kediaman Kos Sederhana Rendah Sg. Nibong, Pulau Pinang**

Siling RMKe-9 : RM17.5 juta  
Kos Projek : RM14,070,794.00  
Kontraktor : Amalgamated Metal Builders Sdn Bhd  
Jangka Mula : 01/2010  
Jangka Siap : 06/2011  
Tempoh Siap : 18 bulan  
Status SPPII : Ikut Jadual  
Prestasi Fizikal : -  
Tarikh Tutup : 24/11/2008

**3. Pembinaan Asrama Pelajar Kg. Raja, Besut, Terengganu**

Siling RMKe-9 : RM8.0 juta  
Kos Projek : Belum diputuskan  
Kontraktor : Belum diputuskan  
Tarikh Tender : 27/08/2009 (Iklan)  
Tarikh Tutup : 17/09/2009  
Tender : 12/10/2009  
Tempoh Siap





**D) Projek Dalam Penyediaan Dokumentasi (Dokumen Tender Dan Rekabentuk) - 4 Projek**

**1. Pembinaan Hotel Wakaf Mukim Panchor, Daerah Kemumin, Kota Bahru, Kelantan**

Siling RMKe-9 : RM20.0 juta  
Kos Projek : Belum ditender  
Kontraktor : Belum ditender  
Jangka Mula : 05/2010  
Jangka Siap : 07/2011  
Tempoh Aktiviti : 18 bulan  
Status SPPII : Ikut Jadual



**2. Pembinaan Kedai Pejabat Alor Setar, Kedah**

Siling RMKe-9 : RM10.0 juta  
Kos Projek : Belum ditender  
Kontraktor : 04/2010  
Jangka Mula : 07/2011  
Jangka Siap : 15 bulan  
Tempoh Aktiviti : Ikut Jadual  
Status SPPII



**3. Pembinaan Unit Kediaman Kos Sederhana Rendah Kg. Makam, Georgetown, Pulau Pinang (Kerja Rekabentuk)**

Siling RMKe-9 : RM2.5 juta  
Kos Projek : Projek Dibatalkan  
Kontraktor : Projek Dibatalkan  
Tarikh Mula : Projek Dibatalkan  
Tarikh Siap : -  
Tempoh Aktiviti : -  
Status : Ikut Jadual



**4. Pembelian Peralatan untuk Kompleks Islam Kuching, Sarawak**

Siling RMKe-9 : RM10.0 juta  
Kos Projek : RM90,000,000.00  
Kontraktor Utama : Naim Cendana Sdn. Bhd.  
Tarikh Mula : 17/04/2009  
Tarikh Siap : 16/10/2011  
Tempoh Siap : 30 bulan  
Status : Ikut Jadual



**E) Projek Bukan Fizikal (4 Projek)****1. Entiti Wakaf Kebangsaan**

Siling RMKe-9 : RM4.5 juta  
Tarikh Mula : 06/2007  
Tarikh Siap : 12/2008  
Tempoh Siap : 18 bulan  
Status : Projek siap



Yayasan Waqaf Malaysia (PPAB-02/2008)

**2. Gerakan Pemantapan Baitulmal Kebangsaan**

Siling RMKe-9 : RM2.0 juta  
Tarikh Mula : 01/2007  
Tarikh Siap : 12/2010  
Tempoh Siap : 4 tahun  
Status : Dahulu Jadual

**3. Pembangunan Sistem e-Wakaf dan Kajian Perwakafan**

Siling RMKe-9 : RM0.62 juta  
Tarikh Mula : 01/2008  
Tarikh Siap : 12/2010  
Tempoh Siap : 3 tahun  
Status : Ikut Jadual

**4. Penyusunan Semula Masyarakat di Tanah Wakaf, Georgetown, Pulau Pinang**

Siling RMKe-9 : RM6.0 juta  
Tarikh Mula : 11/2009  
Tarikh Siap : 12/2010  
Status : Ikut Jadual






## LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH JAWHAR

Beberapa siri lawatan kerja Ketua Pengarah JAWHAR ke seluruh negeri telah diatur bagi mengenal pasti keadaan tapak serta kesesuaian projek yang dicadangkan untuk dilaksanakan di bawah RMKe-10. Sehingga kini, sebanyak lapan buah negeri telah pun dilawati seperti berikut:

Tarikh	Negeri
7 - 10 Februari 2009	Pulau Pinang, Kedah dan Perlis
19 - 21 Ogos 2009	Melaka dan Johor
3 September 2009	Negeri Sembilan
11 - 13 November 2009	Kelantan dan Terengganu

Selain dari meninjau keadaan tapak yang dicadangkan oleh MAIN, lawatan ini juga turut merangkumi kunjungan hormat Ketua Pengarah JAWHAR ke Pejabat YAB Menteri Besar dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri bagi memaklumkan mengenai pelaksanaan projek oleh JAWHAR di bawah RMKe-9 dan cadangan projek RMKe-10. Kunjungan hormat ini juga turut memperkenalkan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) sebagai salah satu agensi di bawah JAWHAR yang turut melaksanakan program-program pembangunan wakaf. Pihak Berkuasa Negeri juga turut disaran untuk bekerjasama dengan YWM dalam melaksanakan projek-projek berskala kecil tetapi memberi impak yang besar kepada rakyat setempat. Cadangan permohonan pembangunan harta wakaf RMKe-10 JAWHAR yang diterima daripada MAIN seperti berikut:



## PENUTUP

Sebagai bahagian yang mengendalikan core business JAWHAR, ia dijangka mampu mengangkat martabat wakaf sebagai instrumen terpenting bagi merealisasikan potensi wakaf yang besar di negara ini seterusnya berjaya memacu kegemilangan ekonomi umat Islam di Malaysia.







## BAHAGIAN ZAKAT

### LATAR BELAKANG

Bahagian Zakat merupakan salah satu daripada empat Bahagian yang mengendalikan core business di JAWHAR. Bahagian ini diwujudkan bagi memenuhi kehendak dan aspirasi pembangunan pengurusan zakat dan institusi zakat seiring dengan objektif penubuhan JAWHAR untuk memastikan perancangan, penyelaras dan pelaksanaan dasar serta program pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dalam setiap rancangan pembangunan negara kekal relevan dan dipantau dengan berkesan demi kemajuan ummah.

Sejarah Bahagian Zakat JAWHAR bermula dari awal penubuhan JAWHAR pada tahun 2004. Pada waktu itu, JAWHAR dikenali sebagai JWZH iaitu akronim bagi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. Pada awalnya, Bahagian Zakat merupakan seksyen yang diletak di bawah Bahagian Wakaf dan Zakat sehingga pada bulan Januari 2007 di mana kedua-dua Seksyen ini dipecahkan menjadi dua bahagian yang berasingan. Kini, Bahagian Zakat dikendalikan oleh tujuh orang pegawai yang mengisi lapan jawatan yang diluluskan dengan diketuai oleh seorang Pengarah Bahagian serta dibantu oleh tiga orang pegawai dan tiga orang kakitangan sokongan. Turut sama membantu ialah seorang pegawai kontrak dan tiga orang kakitangan skim perkhidmatan singkat (SPS).

Sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab dalam kepentingan hal ehwal semasa umat Islam khususnya zakat, kerjasama erat MAIN, pusat-pusat zakat serta organisasi zakat dalam dan luar negara sentiasa dititik beratkan. Kerjasama seperti ini memberi faedah yang amat besar dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan program-program kebajikan dan pembangunan ummah dapat terus dilaksanakan.

### PROGRAM-PROGRAM YANG DILAKUKAN

#### Bulan Zakat Kebangsaan 2009

##### Pengenalan

Bulan Zakat Kebangsaan (BZK) merupakan program berkonsepkan pendidikan dan pendedahan kepada masyarakat terhadap kepentingan dan kewajipan berzakat. Sambutan yang diadakan pada tahun ini adalah inisiatif JAWHAR selaku agensi pusat dalam hal ehwal zakat dengan anjuran bersama MAIN dan


Syarikat Mengurus Zakat (SMZ). Bertemakan "Zakat: 1 Kewajipan 1 Juta Harapan", program ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran umat Islam mengenai kepentingan berzakat serta menyebar luaskan lagi maklumat dalam kalangan masyarakat mengenai peranan institusi zakat untuk pembangunan ummah. Program ini juga secara tidak langsung dapat merapatkan lagi hubungan antara JAWHAR dan MAIN/SMZ.

Majlis Perasmian BZK 2009 telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Majlis yang berlangsung pada 11 Ogos 2009 bertempat di Dewan Tun Dr. Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur ini dihadiri seramai hampir 400 orang tetamu jemputan dan peserta dari pelbagai agensi berkaitan zakat, antaranya ialah MAIN, Pusat-Pusat Zakat (PPZ), Agensi Kerajaan dan Swasta. Majlis disempurnakan dengan ucapan dan upacara memukul gong sebagai tanda berlangsungnya secara rasmi sambutan BZK 2009.

#### Tokoh Usahawan Asnaf 2009

Sempena Majlis Perasmian sambutan BZK 2009, turut diadakan Anugerah Tokoh Usahawan Asnaf Kebangsaan 2009. Anugerah yang julung kali diperkenalkan sempena BZK ini adalah bertujuan bagi mengiktiraf usaha dan sumbangan asnaf-asnaf yang berjaya dalam bidang keusahawanan melalui bimbingan MAIN/SMZ masing-masing. Mereka yang terpilih ini merupakan model bahawa melalui bimbingan dan sokongan material, asnaf-asnaf zakat berupaya untuk keluar dari kelompok kemiskinan dan seterusnya menukar status dari asnaf penerima zakat menjadi penyumbang zakat. Pada Majlis ini, dua tokoh telah dipilih iaitu Encik Mohd Tohid Sidek dari Selangor, seorang pengusaha kuih-muih tradisional dan kerepek. Seorang lagi pemenang ialah Pn. Rosnani Hj. Kassim Loh dari Pulau Pinang yang merupakan pengusaha hiasan dalam seperti pasu hiasan, set perkahwinan dan cenderahati. Kedua-dua mereka membawa pulang sijil penghargaan dan wang tunai RM3,000.00 setiap seorang.

Sebagaimana tahun lalu, program BZK tidak akan meriah tanpa penyertaan pameran-pameran dari MAIN/SMZ. Pameran pada tahun ini, telah menarik penyertaan dari pelbagai organisasi zakat antaranya ialah JAWHAR sendiri selaku tuan rumah, Lembaga Zakat Selangor (LZS), Pusat Pungutan Zakat (PPZ-



MAIWP), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAINP), Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS), Pusat Zakat Melaka (PZM) dan Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM). Pameran turut disertai oleh asnaf zakat dari Selangor yang menjual produk-produk kraftangan. YB Timbalan Menteri telah dibawa melawat gerai-gerai pameran dengan diiringi Ketua Pengarah JAWHAR, Presiden MATA serta para pegawai kanan dari agensi-agensi berkaitan dan YB Timbalan Menteri amat berpuas hati dengan pameran yang diadakan. Para peserta seminar turut mengambil peluang membeli buku dan cenderamata dari pusat-pusat zakat terlibat sebagai tanda kenang-kenangan.

#### Bulan Zakat Peringkat Negeri

Seperti mana lazimnya, aktiviti BZK turut melibatkan MAIN selaku badan yang bertanggungjawab ke atas zakat dina peringkat negeri dengan matlamat yang sama iaitu untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan berzakat selain mewar-warkan segala usaha institusi-institusi zakat dalam mengatur pelbagai program pembangunan asnaf demi kesejahteraan ummah.

#### Laman Web dan Kuiz Zakat Online

Laman Web dan Kuiz Zakat Online merupakan satu kaedah interaktif yang diperkenalkan dalam program BZK ini. Program ini merupakan kerjasama JAWHAR dan PZNS yang bertujuan untuk menghebahkan aktiviti dan perkembangan semasa BZK ini kepada masyarakat secara lebih meluas. Seiring dengan kadar celik ICT yang semakin meningkat, penggunaan kaedah interaktif seperti ini dapat menarik pelbagai golongan seperti pelajar institusi pengajian tinggi serta golongan kelas menengah yang berpotensi menjadi pembayar zakat. Malah, pengaplikasian kuiz secara online bukan sahaja membantu menerap kaedah pembelajaran terkini kepada generasi muda, tetapi juga memberi gambaran yang positif tentang usaha berterusan Kerajaan dalam membantu meningkatkan kesedaran dan pembudayaan zakat.

#### Seminar Zakat Kebangsaan 2009


Pada tahun 2008, Seminar Zakat hanya dibuat dalam skala kecil sahaja melibatkan peserta-peserta sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Mengambil kira maklum balas yang menggalakkan daripada peserta yang lalu, Seminar pada tahun ini telah ditingkatkan kualitinya menerusi kerjasama erat


di antara JAWHAR dan MATA dalam menganjurkan Seminar Zakat Kebangsaan 2009. Seminar yang berlangsung sejurus selepas peramian BZK ini berjaya menampilkan beberapa ahli panel dari beberapa agensi berkaitan. Antaranya ialah YBhg Dato' Aidit Ghazali (Pengerusi Eksekutif, Akademi Aidit Sdn. Bhd.), YBhg Profesor Madya Hj. Shawal Kaslam (Pensyarah, Institut Kajian Zakat Malaysia - IKAZ), YBhg Prof. Madya Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa (Pengarah Yayasan Canselor, UKM), YBhg Pn. Khodijah Abdullah (Timbalan Setiausaha Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan), YBhg Profesor Madya Hj. Musa Ahmad (Pensyarah, Institut Kajian Zakat Malaysia - IKAZ). Antara kertas kerja yang dibentangkan adalah Zakat Dalam Aliran Utama Ekonomi Negara, Prinsip Akauntabiliti Dalam Institusi Zakat dan Pemantapan Sistem Penyampaian Zakat Di Malaysia. Para peserta Seminar juga mengambil kesempatan membangkitkan pelbagai soalan berkaitan isu zakat dan ekonomi semasa. Interaksi dua hala ini secara tidak langsung memberi pemahaman yang lebih jelas kepada peserta khususnya yang melibatkan dasar dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat di dalam permasalahan zakat dan ekonomi.

#### JAWHAR Intellectual Discourse (JID)

Penganjuran JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil.2/2009 di Auditorium Parcel E pada 21 April 2009 adalah sebahagian daripada program pemantapan kefahaman masyarakat khususnya kakitangan awam terhadap bidang-bidang teras yang telah dipertanggungjawabkan kepada JAWHAR. JID yang bertemakan "Zakat Dihulur, Asnaf Bersyukur" telah mengemukakan dua penceramah yang mempunyai kepakaran di dalam bidang zakat iaitu YBhg Prof. Madya Dato' Dr. Hailani Mujtahir dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah membentangkan kertas bertajuk "Memantapkan Pelaksanaan Agihan Zakat di Institut Zakat Malaysia: Satu Saranan Penambahbaikan" dan YBhg Dr. Mujaini Tarimin dari Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) yang telah membentangkan kertas bertajuk "Konsep Agihan Zakat dan Aplikasi Semasa".

JID kali ini telah diadakan serentak dengan Hari Bersama Pelanggan JAWHAR turut diserikan dengan penyertaan booth pameran dan promosi oleh Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), PPZ, MAIWP dan beberapa pihak luar dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari seramai 350 orang yang menghadiri program ini.





### Lembaga Zakat Antarabangsa

Lembaga Zakat Antarabangsa (LZA) juga dikenali sebagai *International Zakat Organization* (IZO) merupakan satu organisasi antarabangsa yang diusulkan penubuhannya oleh Kerajaan dengan objektifnya untuk mengumpulkan dana zakat dari negara-negara anggota bagi membantu mengurangkan beban kemiskinan dalam kalangan penduduk Islam seluruh dunia.

Sekretariat LZA kini secara rasminya telah beroperasi di Tingkat 15, Menara Tabung Haji, Kuala Lumpur. LZA sedang giat menjalankan promosi keahliannya di kalangan negara-negara Timur Tengah dan Asia Tenggara bagi menarik penyertaan mereka. Antara negara dan organisasi yang telah menyatakan persetujuan bagi menyertai LZA sehingga ini ialah Djibouti, Mauritania, Libya, Pakistan, Guinea, National Council of Muslim Youth of Nigeria, NGO Zakat Indonesia, Rumah Rakyat Indonesia, BMB Islamic London Group of United Kingdom, Family Bank of Sudan, National Cooperative Union of Sudan, Unicorn Investment Bank Bahrain, dan Al-Faisal Private Bank (Switzerland). LZA akan terus berusaha bagi mendapatkan keahlian dari negara-negara kaya OIC untuk mengumpul dana bagi membolehkannya membantu umat Islam seluruh dunia khasnya dalam saat kecemasan.




### Dewan Zakat MABIMS

Malaysia merupakan anggota tetap Dewan Zakat MABIMS (DZM) yang diwujudkan khusus dengan kerjasama Indonesia, Singapura dan Brunei bertujuan untuk merancang dan melaksanakan program bersama khusus berkaitan zakat. Pada tahun 2009, DZM melalui sekretariat yang dilantik iaitu Indonesia telah menganjurkan Persidangan DZM bertempat di Bogor, Indonesia dari 5 hingga 7 Oktober 2009. Persidangan ini antara lain bertujuan untuk membincangkan perancangan-perancangan aktiviti untuk kebaikan umat Islam di negara-negara anggota DZM. Bagaimanapun atas sebab tertentu Malaysia tidak dapat menghadiri Persidangan ini namun telah pun menghantar kertas kerja berkaitan untuk perhatian negara-negara anggota lain. Modernisasi institusi-institusi zakat di Malaysia sering menjadi rujukan negara-negara serantau. Oleh itu, Malaysia akan terus komited dalam perancangan dan pelaksanaan program-program zakat serantau agar manfaatnya dapat dinikmati oleh golongan sasar yang terlibat.

### KESIMPULAN

Bahagian Zakat JAWHAR akan terus komited dalam membangun dan memartabatkan zakat sebagai instrumen penting ekonomi umat Islam. Pelbagai program yang sedang dan akan dilaksanakan dengan kerjasama MAIN bukan sahaja dapat mempromosi dan menyemai budaya berzakat dalam kehidupan masyarakat Islam di negara ini, malahan juga menjadikan zakat sebagai ikatan ukhuwah dalam kalangan umat Islam pelbagai lapisan masyarakat di negara ini.



**STATISTIK KUTIPAN ZAKAT MENGIKUT NEGERI DAN TAHUN**

<b>NEGERI</b>	<b>2004 (RM)</b>	<b>2005 (RM)</b>	<b>2006 (RM)</b>	<b>2007 (RM)</b>	<b>2008 (RM)</b>	<b>2009 (RM)</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
JOHOR	38,052,802.64	49,357,154.03	54,732,942.45	73,321,840.60	100,737,539.76	109,228,126.27	425,430,405.75
KEDAH	22,205,222.54	30,185,661.45	35,227,089.74	36,692,723.92	53,202,300.24	71,129,526.90	248,642,524.79
KELANTAN	22,440,931.30	29,372,551.46	35,641,537.75	40,199,886.62	58,167,095.10	66,522,450.31	252,344,452.54
MELAKA	14,238,492.58	17,692,093.97	19,464,653.26	22,067,022.30	26,905,934.29	30,723,139.52	131,091,335.92
N. SEMBILAN	19,037,286.24	23,098,180.81	25,821,205.04	29,356,271.66	37,409,710.68	38,569,850.39	173,292,504.82
P. PINANG	23,288,019.00	28,000,426.00	30,589,545.62	37,085,282.33	41,764,273.00	47,952,153.34	208,679,699.29
PAHANG	22,917,724.25	31,032,233.57	35,971,733.59	41,487,155.81	57,935,146.89	66,458,126.90	255,802,121.01
PERAK	25,724,715.39	27,543,535.48	33,848,479.38	41,276,179.92	56,962,446.06	66,949,439.60	252,304,795.83
PERLIS	6,406,109.00	6,564,465.08	11,847,141.66	16,699,600.00	23,134,583.00	29,631,858.00	94,283,756.74
SABAH	7,784,937.74	11,314,073.92	16,648,793.71	17,514,982.50	23,799,155.06	25,388,088.73	102,450,031.66
SARAWAK	15,566,982.51	15,299,300.04	20,548,322.81	23,132,088.56	36,099,969.34	36,915,094.91	147,561,758.17
SELANGOR	108,826,547.05	133,121,829.00	159,836,252.79	202,193,541.00	244,409,627.00	283,648,720.00	1,132,036,516.84
TERENGGANU	36,147,739.28	40,365,590.96	42,870,576.42	51,442,341.96	66,200,415.14	73,556,668.90	310,583,332.66
W. PERSEKUTUAN	110,631,584.04	130,141,209.97	147,587,898.48	173,815,154.35	211,364,697.68	245,935,866.21	1,019,476,410.73
Jumlah	<b>473,269,093.56</b>	<b>573,088,305.74</b>	<b>670,636,172.70</b>	<b>806,284,071.53</b>	<b>1,038,092,893.24</b>	<b>1,192,609,109.98</b>	
Peningkatan		<b>99,819,212.18</b>	<b>97,547,866.96</b>	<b>135,647,898.83</b>	<b>231,808,821.71</b>	<b>154,516,216.74</b>	
Peratus (%)		<b>21.09</b>	<b>17.02</b>	<b>20.23</b>	<b>28.75</b>	<b>14.88</b>	


\* Maklumat diperolehi dari Laporan Zakat 2008 daripada PPZ MAIWP (2004-2008)

**STATISTIK AGIHAN ZAKAT MENGIKUT NEGERI DAN TAHUN**


<b>NEGERI</b>	<b>2004 (RM)</b>	<b>2005 (RM)</b>	<b>2006 (RM)</b>	<b>2007 (RM)</b>	<b>2008 (RM)</b>	<b>2009 (RM)</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
JOHOR	29,869,688.47	37,472,092.94	43,407,348.96	64,822,119.99	74,296,449.99	95,265,547.86	345,133,248.21
KEDAH	19,785,607.26	20,208,371.53	27,449,471.23	36,062,046.00	42,133,197.23	56,000,795.90	201,639,489.15
KELANTAN	17,071,091.09	20,207,371.53	21,742,632.63	24,313,030.07	25,302,009.32	58,793,124.70	167,429,259.34
MELAKA	12,149,150.86	13,821,995.65		N/A	17,029,922.95	20,723,735.56	N/A
N. SEMBILAN	15,273,598.30	22,254,227.84	24,721,037.54	31,192,172.08	36,818,211.08		130,259,246.84
P. PINANG	20,568,448.06	21,340,846.00	26,253,904.27	30,014,842.80	45,602,321.00	51,816,561.23	195,596,923.36
PAHANG	8,179,886.00		18,546,514.93		22,227,762.00		48,954,162.93
PERAK	20,020,133.01	21,542,089.40	24,518,926.74	30,866,753.94	36,641,667.98	51,743,432.58	185,333,003.65
PERLIS		N/A	6,802,349.80	11,597,569.00	15,852,621.00	26,754,491.00	61,007,030.80
SABAH		N/A	8,986,021.58	12,219,804.93	18,826,422.19	19,377,446.77	24,365,661.48
SARAWAK	4,643,426.00	6,540,235.85	8,051,103.63	11,613,203.32	18,077,692.10	23,640,627.11	72,566,288.01
SELANGOR	100,780,664.77	101,536,521.16	135,654,172.31	174,520,057.27	188,998,771.00	275,896,857.00	977,387,043.51
TERENGGANU		N/A	28,052,565.11	28,695,239.72	31,759,421.50	35,808,596.88	52,578,584.77
W. PERSEKUTUAN	56,606,956.24	99,519,005.36	101,548,407.00	121,224,318.69	167,507,847.62	252,732,802.53	799,139,337.44
Jumlah	<b>304,948,650.06</b>	<b>401,481,343.95</b>	<b>479,610,913.69</b>	<b>603,841,879.80</b>	<b>749,368,329.53</b>	<b>969,588,486.16</b>	
Peningkatan		<b>96,532,693.89</b>	<b>78,129,569.74</b>	<b>124,230,966.11</b>	<b>145,526,449.73</b>	<b>220,220,156.63</b>	
Peratus (%)		<b>31.66</b>	<b>19.46</b>	<b>25.90</b>	<b>24.10</b>	<b>29.39</b>	

N/A = Maklumat tidak diperolehi


\* Maklumat diperolehi dari Laporan Zakat daripada PPZ MAIWP (2005-2008)



### STATISTIK KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT MENGIKUT TAHUN




### STATISTIK PENINGKATAN KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT MENGIKUT TAHUN





Tokoh Usahawan Asnaf 2009





## PENGENALAN

Bahagian Mal telah ditubuhkan pada 1 Januari 2007 bersamaan 11 Zulhijjah 1427H, diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M48 serta dibantu oleh seorang Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41, seorang PTD Gred M41 dan seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17.

Secara ringkasnya, fungsi Bahagian ini adalah untuk menyelaras tadbir urus harta sumber am MAIN selain wakaf dan zakat. Bahagian ini mengambil alih sebahagian peranan yang sebelum ini dilaksanakan di Unit Penyelaras Baitulmal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah dimansuhkan pada tahun 2004 tetapi tidak diwujudkan dalam fungsi JAWHAR sewaktu awal penubuhannya.

Justeru, menyedari kepentingan Bahagian ini yang mampu memberikan sumber dan dana yang besar kepada umat Islam di Malaysia, JAWHAR telah mewujudkan Bahagian Mal agar ia dapat membantu pertumbuhan ekonomi umat Islam secara menyeluruh.

Bahagian ini dipecahkan kepada dua unit utama iaitu Unit Pusaka dan Wasiat, dan Unit Sumber Am. Kedua-dua unit ini masing-masing diketuai oleh seorang Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 dan seorang PTD Gred M41.

## OBJEKTIF BAHAGIAN

“Mengukuhkan pengurusan institusi mal yang bertadbir urus terbaik selaras syariah dalam usaha untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah”.



## BAHAGIAN MAL

### PROGRAM-PROGRAM YANG DILAKSANAKAN

#### Lawatan Kerja Universiti Utara Malaysia

JAWHAR telah menerima satu lawatan kerja dari Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia (UUM) pada hari Jumaat, 6 Februari 2009 yang diketuai oleh Prof. Dr. Mahamad Tayib yang merupakan Penolong Naib Canselor, Kolej Perniagaan UUM. Beliau turut diiringi oleh En. Mohd Farihal Osman yang juga merupakan Pensyarah Kewangan dan Perbankan Islam.

Dalam ucapan aluan YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR, beliau menyatakan bahawa JAWHAR berbesar hati menerima kehadiran kedua-dua Pegawai Kanan UUM yang juga merupakan langkah awal membuka ruang bagi kerjasama yang lebih erat di masa akan datang.


Para tetamu turut disajikan dengan tayangan Video Korporat JAWHAR serta taklimat ringkas berkaitan latar belakang dan mercu tanda JAWHAR sehingga kini. Lawatan kerja ini turut membincangkan hal-hal berkaitan Baitulmal dan Kewangan Islam, berkisar peranan JAWHAR dalam usaha membantu memberi nilai tambah kepada peranan stakeholders utama Jabatan ini iaitu MAIN.

Prof. Dr. Mahamad Tayib di dalam ucapan balasnya juga menyatakan rasa gembira dengan penerimaan JAWHAR terhadap lawatan kerja ini dan berharap adanya kerjasama di masa akan datang di antara kedua-dua belah pihak. Program ini diakhiri dengan sesi penyampaian cenderamata kepada kedua-dua tetamu di atas kesudian mereka mewakili pihak universiti untuk berkunjung ke JAWHAR.

Sesi fotografi turut dilaksanakan di Sudut Kualiti JAWHAR bagi mengabadikan lawatan kerja yang amat bermakna ini. Semoga silaturahim ini membuka jalan kepada lebih banyak usaha bagi merealisasikan hasrat kedua-dua agensi dalam membangunkan sosio-ekonomi demi kemaslahatan ummah.

#### Mesyuarat dan Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan Harta Syubhab

Mesyuarat Penyediaan Manual Pengurusan Harta Syubhab (MPHS) telah diadakan pada 12 Mac 2009 bertempat di Bilik Gerakan, JAWHAR. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil dari MAIN di



MARA (UiTM), UM dan UKM, wakil-wakil dari Jabatan Peguam Negara (JPN), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Bank Negara Malaysia (BNM) dan IBFIM serta pegawai-pegawai JAWHAR selaku urus setia.

Kehadiran tokoh-tokoh dari pelbagai latar belakang iaitu akademik, pentadbiran, kewangan dan undang-undang yang telah berkumpul bersama-sama bagi menghasilkan satu manual yang seragam dan terbaik untuk diguna pakai serta dijadikan panduan kepada MAIN serta masyarakat awam berhubung kaedah penyaluran dan pengurusan terbaik harta syubhah di Baitulmal.

Oleh kerana pengurusan harta syubhah merupakan isu yang agak baru bagi pihak MAIN, maka penerbitan MPHS ini adalah relevan dalam membantu memberikan panduan dan tadbir urus terbaik serta komprehensif kepada mereka serta masyarakat awam.

MPHS telah dicetak dan seterusnya diedarkan kepada semua MAIN dan agensi-agensi yang berkaitan pada penghujung tahun 2009. Semoga dengan penerbitan MPHS ini akan menjadi satu garis panduan yang lengkap dan sistematik kepada MAIN dan juga umat Islam amnya dalam pengurusan harta syubhah di negara kita. Semoga ia dapat memberikan manfaat dalam perkembangan sosio-ekonomi umat Islam di negara kita.

#### Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009

JAWHAR dengan kerjasama MAIWP buat julung-julung kalinya telah menganjurkan Konvensyen Baitulmal Kebangsaan (KBK) 2009 pada 24 hingga

seluruh Malaysia, ahli-ahli akademik dari Universiti Malaya (UM) dan UKM serta wakil dari Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM). Turut hadir adalah para Pengarah Bahagian dan Ketua Unit serta pegawai-pegawai JAWHAR yang bertindak sebagai urus setia.

Mesyuarat ini diadakan bertujuan membincangkan tentang persiapan awal dalam usaha menerbitkan MPHS terutamanya tentang pembahagian tugas serta maklumat atau data yang perlu disediakan oleh semua pihak untuk digunakan dalam bengkel yang bakal diadakan.

Bengkel Penyediaan MPHS pula telah diadakan pada 30 Mac hingga 1 April 2009 bertempat di A'Famosa Resort, Melaka dan telah dihadiri oleh wakil-wakil dari MAIN, ahli-ahli akademik dari Universiti Teknologi



25 Jun 2009 bertempat di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Konvensyen selama dua hari ini yang bertemakan "Baitulmal: Masiukkah Relevan?" antara lainnya bertujuan menjana idea-idea yang baru dan lebih praktikal dalam memperkasa institusi Baitulmal serta menyemak kembali fungsi dan peranan Baitulmal yang sebenar seperti mana pada zaman kegemilangan Islam.

Majlis Perasmian Konvensyen ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 24 Jun jam 3.00 petang dan seterusnya menyampaikan ucaptama di Majlis Perasmian tersebut. Majlis Penutup pula telah disempurnakan oleh YB Senator Mejah Jeneral Dato' Sri Hj. Jamil Khir Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 25 Jun jam 3.00 petang.

YAB Perdana Menteri dalam ucaptama beliau telah mengemukakan lima saranan utama bagi memperkasakan peranan Baitulmal seperti berikut:

- i. Mengkaji keperluan mewujudkan entiti Baitulmal di peringkat Kebangsaan;
- ii. Memperbadankan Baitulmal;
- iii. Meneroka sumber-sumber baru sebagai dana Baitulmal;
- iv. Peranan yang lebih aktif dan proaktif oleh pihak Baitulmal dalam aktiviti pembangunan masyarakat; dan
- v. Menjenamakan semula produk-produk Baitulmal sedia ada.

Sepanjang Konvensyen ini berlangsung, sebanyak 13 kertas kerja telah dibentang, dibincang dan dirumuskan untuk menghasilkan gagasan resolusi yang akan dipanjangkan kepada agensi-agensi berkaitan untuk dikaji dan diambil tindakan susulan sewajarnya dalam memperkasa institusi Baitulmal di Malaysia. Selain itu, 10 kertas kerja sisipan berkaitan dengan Baitulmal juga disediakan untuk edaran kepada para peserta Konvensyen.

Para pembentang kertas kerja dipilih dari kalangan ahli-ahli akademik, wakil pentadbiran Baitulmal di negeri-negeri, agensi-agensi korporat serta pakar-pakar syariah dan perundangan. Konvensyen ini telah dihadiri oleh seramai 384 orang peserta dari seluruh negara yang terdiri daripada ahli-ahli akademik di institusi pengajian tinggi awam/swasta, agensi korporat, MAIN, Perbadanan/Tabung Baitulmal, SMZ, para Mufti dan pegawai-pegawai dari agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Para jemputan semasa Majlis Perasmian oleh YAB Perdana Menteri adalah dianggarkan seramai 1,000





orang, manakala jemputan semasa Majlis Penutup oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri pula adalah dianggarkan seramai 500 orang.

Di akhir Konvensyen, sebanyak enam resolusi utama telah dibentangkan oleh pengurus sesi pembentang resolusi yang dilantik iaitu Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda (Universiti Sains Islam Malaysia) berdasarkan intipati-intipati utama dalam pembentangan kertas-kertas kerja oleh para pembentang serta saranansaranan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucaptama beliau seperti berikut:

- i. Menjadikan baitulmal sebagai dana awam yang mempunyai hak untuk bertindak bagi pihak masyarakat Islam bagi melindungi kepentingan dan membangunkan ekonomi umat Islam di negara ini;
- ii. Memperkasa peranan baitulmal sebagai pemegang amanah khazanah harta umat Islam dengan lebih bersistematis melalui penubuhan Permodalan Baitulmal Kebangsaan (PBK);
- iii. Meningkatkan pelaksanaan wakaf tunai dan dijadikan sebagai sumber utama serta menerbitkan sukuk dan juga instrumen kewangan yang lain dalam jumlah yang besar bagi mengukuhkan dana PBK;
- iv. Melahirkan modal insan yang berintegriti dan profesional ke arah meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam pengurusan harta baitulmal;
- v. Memantapkan infrastruktur bantuan dengan mengadakan kajian yang menyeluruh dan mewujudkan pangkalan data maklumat yang komprehensif mengenai status sosio-ekonomi ummah; dan
- vi. Melibatkan cerdik pandai dan cendekiawan daripada pihak swasta mahupun awam serta mana-mana pihak atau individu yang boleh menyumbang bagi membantu merancang dan menggerakkan aktiviti sosio-ekonomi ummah.




#### Perhimpunan Bersama Dato' Ketua Pengarah, Jun 2009

Hari Bersama Dato' Ketua Pengarah bagi bulan Jun telah diadakan pada 30 Jun 2009 bertempat di Dataran Wakaf. Perhimpunan pada kali ini yang bermula pada jam 10 pagi diurussetiakan oleh Bahagian Mal.

Majlis perhimpunan dimulakan dengan amanat daripada YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR yang telah memulakan ucapan beliau dengan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga JAWHAR di atas komitmen jitu yang telah diberikan dalam penganjuran KBK 2009 pada 24 hingga 25 Jun yang lalu.

YBhg Dato' menekankan peri pentingnya semangat kerja berpasukan (teamwork) dalam sesbuah organisasi itu dan ia telah dibuktikan dalam penganjuran Konvensyen tersebut. Setiap warga JAWHAR hendaklah melakukan yang terbaik dan menjadikan diri masing-masing sebagai aset yang penting kepada Jabatan, bukan sebagai *the weakest link* yang hanya akan menjadi beban kepada organisasi.

YBhg Dato' mengingatkan supaya Mesyuarat Post-Mortem Konvensyen diadakan dalam masa yang terdekat supaya ia tidak *outdated*. Beliau juga menyentuh tentang Kursus Team Building yang akan diadakan pada 3 hingga 5 Julai supaya segala persediaan dibuat sewajarnya dan mengingatkan kepada warga JAWHAR yang menjadi peminjam PTPTN supaya membuat bayaran semula sewajarnya.





Majlis diteruskan dengan ceramah oleh Pn. Hjh. Norhazimah Che Hassan, Pengarah Bahagian Mal dengan ceramah beliau bertajuk "Teamwork". Dalam ceramah beliau, penekanan diberikan tentang kepentingan amalan kerja berpasukan dalam mencapai tahap organisasi yang cemerlang. Amalan teamwork penting kerana ia merupakan satu kemahiran untuk hidup selain ia juga merupakan satu fitrah manusia yang saling memerlukan antara satu sama lain di mana dalam sesuatu pasukan itu, setiap anggotanya mempunyai kelebihan yang tersendiri.

Teamwork dapat direalisasikan dengan bekerja secara kolektif iaitu secara berkumpulan dan seterusnya mencapai matlamat yang disasarkan. Kelebihan-kelebihan teamwork antara lainnya semangat bekerjasama, tugas dapat dilaksanakan dengan berkualiti, menjana semangat serta motivasi dan akhir sekali mencapai kepuasan dalam melakukan kerja. Kebersamaan, kesefahaman dan kebanggaan merupakan tonggak kepada teamwork, dan ceramah diakhiri dengan moto JAWHAR iaitu "Betulkan Yang Lazim, Lazimkan Yang Betul".

Majlis seterusnya memperkenalkan para pegawai dan kakitangan yang baru bertugas di JAWHAR serta penyampaian cenderahati kepada warga-warga JAWHAR yang baru mendirikan rumah tangga. Majlis kemudian diteruskan dengan acara yang menjadi debaran semua warga JAWHAR iaitu pengumuman Anugerah Pekerja Contoh bagi bulan Jun yang telah dianugerahkan kepada Pn. Rahayu Shafie (Penolong Pengarah Teknologi Maklumat) dan Anugerah Pemacu Pusat Sumber - "Miftahul Ilmi" yang telah disandang oleh Cik Siti Suhaila Md. Salleh (Pelajar Praktikal dari UKM).

Di penghujung acara, majlis telah diseri dan dimeriahkan dengan penyampaian kad ucapan hari lahir kepada warga JAWHAR yang meraikan ulang tahun kelahiran mereka dalam bulan Jun serta acara memotong kek dengan diiringi alunan lagu "Happy Birthday to You". Majlis berakhir pada jam 12 tengah hari dengan jamuan makan tengah hari.

#### Pusaka dan Wasiat: Harapan dan Keberkatan

JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil.4/2009 telah diadakan pada 20 Oktober bersamaan dengan 1 Zulkaedah 1430H bertempat di Auditorium EA, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. JID pada kali ini yang bertemakan "Pusaka dan Wasiat: Harapan dan Keberkatan" telah dihadiri oleh seramai 275 orang peserta dari kalangan para pegawai dan kakitangan Kerajaan di peringkat Persekutuan dan juga Negeri.

Majlis telah bermula seawal jam 9.00 pagi dengan acara perasmian yang telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd. Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR. Dalam ucapan perasmian beliau, YBhg Dato' telah menekankan bahawa ilmu mengenai pusaka dan wasiat amat penting kerana kedua-duanya merupakan instrumen dalam perancangan harta umat Islam yang berkuat kuasa selepas berlakunya kematian.

Majlis kemudian diteruskan dengan sesi pembentangan kertas kerja oleh dua tokoh yang sememangnya berkepakaran dalam bidang pusaka dan wasiat iaitu Ustaz Mohd Zamro b. Muda, Pensyarah di Jabatan Kesusasteraan dan Kebudayaan, Fakulti Pengajian





Islam, UKM dan Tn. Hj. Wan Abdul Halim b. Wan Harun, Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) Negeri Perak.

Setelah tamat kedua-dua sesi pembentangan, majlis dibuka pula untuk sesi soal jawab bagi memberi ruang kepada para peserta berinteraksi dengan para pembentang untuk melontarkan persoalan ataupun berkongsi pengalaman berhubung isu yang dibincangkan. Penglibatan para hadirin amatlah menggalakkan di mana selain daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan topik perbincangan iaitu pusaka dan wasiat, turut diajukan adalah soalan-soalan mengenai instrumen hibah yang mana juga berkait rapat dengan pusaka dan wasiat itu sendiri.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada para ahli panel yang telah disempurnakan oleh YBrs Ustaz Sabaruddin b. Hasan, Pengarah Bahagian Mal, JAWHAR. Majlis

berakhir pada jam 12.30 tengah hari dengan jamuan makan tengah hari.

#### Pengemaskinian Maklumat dan Data Bank Harta Sumber Am dan Tanah Baitulmal 2000 – 2008


JAWHAR telah membangunkan satu pangkalan data yang dikenali sebagai Sistem e-Bayanat yang memaparkan maklumat-maklumat terkini berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji untuk kegunaan pihak MAIN dan juga masyarakat awam umumnya. Sistem tersebut boleh diakses menerusi laman web JAWHAR di alamat <http://www.jawhar.gov.my/ebayanat/>.

Antara modul yang terdapat dalam Sistem e-Bayanat adalah modul Mal yang diselenggara dan dikemaskinikan oleh Bahagian Mal, JAWHAR. Modul Mal memaparkan tiga jenis maklumat utama iaitu Senarai Tanah Baitulmal, Statistik Sumber Am dan Kadar Fidyah Semasa.

Senarai Tanah Baitulmal mempamerkan jumlah keluasan dan nilai tanah Baitulmal yang terkini yang dimiliki oleh kesemua MAIN di setiap negeri. Statistik Sumber Am pula mempamerkan statistik terkini harta-harta sumber am di setiap negeri seperti pusaka, fidyah, kifarah, sedekah, luqatah, wang faedah, hutang lapuk dan lain-lain penerimaan sumber am yang diuruskan oleh Baitulmal dan MAIN. Kadar fidyah semasa pula mempamerkan kadar fidyah yang terkini bagi setiap negeri.

Sehingga penghujung tahun 2009, maklumat terkini harta sumber am dan tanah Baitulmal di seluruh negara dari tahun 2000 hingga 2008 telah berjaya dikumpulkan dan dikemas kini dalam Sistem e-Bayanat. Diharapkan semoga maklumat-maklumat yang dipaparkan dapat memberi manfaat demi kemajuan umat Islam di negara kita.






Sumber: <http://www.jawhar.gov.my/ebayanat/>

### STATISTIK SUMBER AM

Terimaan wang sumber am MAIN dari tahun 2000 hingga 2008 mengikut kategori:

BIL.	KATEGORI	JUMLAH (RM)
1	Hasil Pelaburan	158,525,204.80
2	Hasil Sewaan	82,466,727.50
3	Pusaka / Faraid	33,655,104.47
4	Dividen / Hibah	30,799,132.91
5	Pelbagai Terimaan / Serahan / Amanah	21,201,294.31
6	Pelbagai Jualan	6,586,200.92
7	Derma / Sedekah	4,368,323.39
8	Keuntungan Pelupusan Aset Tetap	3,544,891.75
9	Fidyah	3,008,836.33
10	Kutipan Nikah, Cerai dan Rujuk	2,717,542.84
11	Pajakan Tanah	2,611,143.55
12	Wang Faedah	1,563,664.47
13	Lain-lain	3,229,736.45
<b>JUMLAH</b>		<b>354,277,803.69</b>

Sumber: <http://www.jawhar.gov.my/ebayanat/>



Sumber: <http://www.jawhar.gov.my/ebayanat/>



### KADAR FIDYAH SEMASA


Kadar fidyah semasa bagi tahun 2009 mengikut negeri:

BIL.	NEGERI	KADAR FIDYAH (RM)
1	Johor	1.88
2	Kedah *	1.75
3	Kelantan	1.90
4	Melaka	1.58
5	Negeri Sembilan	1.63
6	Pahang	1.75
7	Perak *	2.50
8	Perlis	2.00
9	Pulau Pinang	1.75
10	Sabah **	2.20
11	Sarawak	1.50
12	Selangor	1.75
13	Terengganu	3.00
14	Wilayah Persekutuan	1.75

\* Kadar berubah mengikut harga beras semasa yang dimakan.

\*\* Kadar berubah mengikut harga beras semasa di pasaran.

### KADAR FIDYAH SEMASA (2009)



Sumber: <http://www.jawhar.gov.my/ebayanat/>





## BAHAGIAN HAJI

### PENGENALAN

Bahagian Haji adalah merupakan satu daripada 4 Bahagian teras JAWHAR yang bertindak untuk memantau dan menyelaras segala perkara yang berkaitan dengan pengurusan hal ehwal haji dan umrah di peringkat dasar.

Kewujudan Bahagian Haji ini adalah bermula dari penubuhan awal JAWHAR pada tahun 2004 dengan dikenali sebagai Unit Kawal Selia Haji. Pada Januari 2007, Unit Kawal Selia Haji telah diubah kepada Bahagian Haji. Bahagian ini mempunyai 11 perjawatan yang telah diisi sepenuhnya. Bagaimanapun 3 daripada 11 orang warga JAWHAR yang mengisi perjawatan tersebut telah ditempatkan di unit/bahagian lain.

### OBJEKTIF BAHAGIAN

Memantau dan mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap pengurusan haji dan umrah dalam usaha untuk meningkatkan tadbir urus terbaiknya ke tahap bertaraf dunia.

Bahagian bertanggungjawab untuk:

- Mengumpul, mengemaskini dan menganalisis maklumat pengurusan haji dan umrah;
- Mengkaji sistem pengurusan haji dan umrah di dalam dan luar negara;
- Memantau perkhidmatan agensi-agensi pengurusan haji dan umrah;
- Memantau isu-isu, menyediakan laporan dan perakuan-perakuan berkaitan haji dan umrah;
- Memantau dan menyelaras hal-hal dasar berkaitan pengurusan haji dan umrah;
- Mengurus setia mesyuarat bersama Lembaga Tabung Haji (LTH) dalam hal-hal berkaitan dasar dan persidangan haji/umrah; dan
- Mewakili negara bersama LTH dalam mesyuarat, perundingan dan forum rasmi berkaitan urusan haji/umrah.

### PROGRAM-PROGRAM YANG DILAKUKAN

Selaras dengan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) di bawah Teras Strategik 1: "Pengukuhan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji selaras dengan syariah demi peningkatan taraf sosioekonomi ummah", program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Program/Aktiviti	Status Pelaksanaan
Program Pengumpulan Maklumat Pengurusan Haji Dan Umrah	JAWHAR melalui Bahagian Haji mengemaskini maklumat dan data berkaitan pengurusan haji dan umrah dengan kerjasama LTH dan agensi-agensi lain yang berkenaan. Data-data ini dimasukkan dalam laman web JAWHAR dan dikemaskini dari semasa ke semasa.
Program Pengurusan Haji Dan Umrah	Bagi tahun 2009, JAWHAR telah mengambil langkah inisiatif dalam pengurusan hal ehwal umrah dengan mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri bagi melaksanakan penguatkuasaan ke atas pengurusan hal ehwal umrah di Malaysia.
Program Perkongsian Ilmu Pengurusan Wakaf, Zakat, Mal Dan Haji Dengan MAIN, SMZ, LTH, IPT Dan Agensi Lain	JAWHAR telah menyertai Seminar Haji Kebangsaan Kali Ke-3 yang diadakan oleh pihak Universiti Sains Malaysia yang bertempat di Hotel Vistana, Pulau Pinang pada 21 hingga 23 Julai 2009. Seminar tersebut bertujuan meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan haji.
Program Penerbitan Tadbir Urus Terbaik Pengurusan Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah	Bagi tahun 2009, Manual Pengurusan Dam Haji telah diterbitkan dengan kerjasama LTH, Andalusia Travel and Tours Sdn. Bhd. dan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
Program Jalinan Kerjasama Antarabangsa Dalam Bidang Wakaf, Zakat, Mal Dan Haji/ Umrah	JAWHAR telah menghadiri Mesyuarat Pengurusan Haji MABIMS yang diadakan di Jakarta, Indonesia pada 19 hingga 21 Ogos 2009. Mesyuarat tersebut bertujuan untuk berkongsi maklumat dan kaedah berkaitan pengurusan haji di kalangan anggota negara MABIMS. Selain itu, JAWHAR telah menerima kunjungan delegasi Indonesia, Myanmar dan Sudan yang bertujuan untuk mempelajari sistem pengurusan haji di Malaysia.
Program Pemantauan Pengurusan Haji Di Tanah Suci	Program Pemantauan Pengendalian Operasi Haji Bagi Musim 1430H/2009M tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.



## PROGRAM-PROGRAM LAIN YANG DILAKSANAKAN

### Kursus Intensif Bimbingan Haji Bersiri 1430H/2009M


JAWHAR berjaya menganjurkan Kursus Intensif Bimbingan Haji bagi musim 1430H/2009M Siri 1 pada 27 dan 28 Julai 2009 dan Siri 2 pada 4 dan 5 Ogos 2009 bertempat di Auditorium EA Kompleks E. Kursus ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta yang terdiri daripada penjawat awam dan keluarga.

Kursus ini merupakan salah satu inisiatif JAWHAR dalam melaksanakan tanggungjawab sosial (CSR) kepada masyarakat. Ia dibentuk secara profesional dan disampaikan dengan kemas, cepat dan mudah difahami oleh bakal jemaah haji dan memastikan segala persoalan berkenaan ibadat haji dijawab dan diterangkan dengan jelas semasa berkursus.

Dikendalikan oleh YBhg Dato' Hj. Md. Daud Che Ngah dan Tuan Haji Mohd Hasnil Abu Bakar selaku penceramah, kursus ini memberi peluang kepada penjawat awam khususnya di sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur yang merancang untuk menuaikan haji di masa hadapan mendapatkan pendedahan yang lengkap mengenai ibadah tersebut. Di samping itu, ceramah yang disampaikan berserta contoh-contoh berdasarkan pengalaman penceramah sendiri dapat memberi gambaran sebenar kepada bakal jemaah tentang situasi di Tanah Suci.

Kebanyakan peserta kursus berpuashati dengan penganjuran kursus ini oleh JAWHAR dan mencadangkan supaya ianya diadakan setiap tahun. Sambutan yang menggalakkan ini mencerminkan kesedaran di kalangan masyarakat hari ini terhadap pelaksanaan Rukun Islam Kelima semakin meningkat.





#### JAWHAR Intellectual Discourse: "Kesempurnaan Ibadat Haji: Tinjauan Dari Perspektif Syariah, Pengurusan dan Sains Teknologi".

JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil. 3/2009 telah berlangsung dengan jayanya pada 18 Ogos 2009 bersamaan dengan 27 Syaaban 1430H bertempat di Auditorium EA, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya dengan tema "Kesempurnaan Ibadah Haji: Tinjauan Dari Perspektif Syariah, Pengurusan dan Sains Teknologi". Program yang dihadiri seramai 300 orang peserta ini telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR. Dalam ucapan perasmianya, beliau telah menyentuh persoalan bagaimana ibadat haji yang dilaksanakan mampu mengubah sempadan mukmin. Kejayaan mencapai darjah ibadat haji yang mabruk sudah semestinya menjadi matlamat bagi setiap jemaah haji.


Dalam program ini, sebanyak dua kertas kerja telah dibentangkan iaitu daripada YBhg Prof. Kamarulazizi Ibrahim dari Kluster Penyelidikan Haji (CETREE), USM bertajuk "Arus Perkembangan Sains dan Teknologi dalam Ibadat Haji" dan "Travelog Haji Mengubah Sempadan Iman" oleh YBhg Prof. Dr. Hj. Muhd Kamil Ibrahim daripada UiTM Kampus Segamat.

#### Penyediaan Manual Pengurusan Dam Haji

Pelaksanaan ibadah haji berteraskan peraturan-peraturan yang telah disyariatkan oleh Allah SWT melalui rukun dan wajib haji, diikuti dengan penghayatan terhadap setiap amalan dalam ibadah tersebut amat penting bagi membolehkan para jemaah memperoleh haji yang mabruk. Ini termasuklah kefahaman terhadap kewajipan membayar Dam yang ditetapkan dalam ibadah haji. Penyertaan bakal jemaah haji dalam pelbagai siri Kursus Bimbingan Haji anjuran LTH berjaya meningkatkan kefahaman mereka terhadap ibadah tersebut. Namun demikian, tidak dinafikan juga masih ada jemaah yang mempunyai kekeliruan terhadap pelaksanaan ibadah khususnya mengenai Dam dalam ibadah haji sehingga mereka menjelaskan kaki ke Tanah Suci. Hal ini menjelaskan kesempurnaan ibadah haji yang dilakukan.

Justeru, JAWHAR telah mengambil inisiatif dengan menyediakan Manual Pengurusan Dam Haji (MPDH) yang bertindak sebagai instrumen bagi menyalurkan informasi sebagai rujukan, bukan sahaja oleh jemaah haji malahan agensi pengelola haji dan umrah juga. Ini memandangkan tidak banyak bahan penerbitan yang mengetengahkan Dam dalam ibadah haji dan umrah sebagai isu utama. Penyediaan Manual ini juga membolehkan para jemaah mengetahui kaedah pengurusan Dam yang diuruskan oleh LTH dan agensi pengelola masing-masing.

Empat orang pakar rujuk telah dilantik sebagai panel dalam penyediaan MPDH iaitu YBhg Dato' Hj. Md. Daud Che Ngah ( Andalusia Travel and Tours Sdn. Bhd.), YM Tengku Aziz bin Abdullah (LTH), Tuan Hj. Mohd Hasnil Abu Bakar (Penceramah LTH) dan Tuan Muhammad Hanif Al-Razin Abdul Kadir (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan).





## BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PENYELARASAN

### PENGENALAN

Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasian (P&P), JAWHAR telah ditubuhkan pada 1 Januari 2007 mengikut waran perjawatan yang baru. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pengarah dengan dibantu oleh seorang Ketua Penolong Pengarah dan dua orang Penolong Pengarah. Pegawai sokongan pula terdiri daripada lima orang Pembantu Tadbir. Pewujudan Bahagian ini adalah bertujuan agar institusi wakaf, zakat, mal dan haji dapat dimantapkan dengan kajian-kajian dan mempunyai penyelarasan yang berkesan.

### FUNGSI BAHAGIAN

Bahagian ini bertanggungjawab untuk:

- Merancang dan melaksanakan penyelidikan terhadap bidang berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji;
- Menjalankan kerjasama pintar dengan institusi pengajian tinggi atau institusi penyelidikan di dalam bidang berkaitan;
- Melaksanakan tugas-tugas keurusetiaan ke atas Pelan Strategik JAWHAR dan menjalankan kajian strategik keperluan Jabatan;
- Menyelaraskan kertas cadangan berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji untuk dibawa ke Majlis Fatwa Kebangsaan;
- Merancang dan menjalankan modul-modul latihan dan kursus;
- Melaksanakan tugas-tugas penerbitan jurnal dan makalah JAWHAR;
- Menyelaras program-program Gerakan Pemantapan Baitulmal Kebangsaan, kertas pembentangan di Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam dan sebagainya; dan
- Menyelaras urusan tugas di Parlimen.

### AKTIVITI-AKTIVITI BAHAGIAN

#### JAWHAR Intellectual Discourse (JID)

JID merupakan satu sesi perkongsian ilmu yang dianjurkan oleh Bahagian P&P bersama Bahagian Wakaf, Zakat, Mal dan Haji secara bergilir-gilir setiap dua bulan sekali. JID diadakan di Auditorium EA, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya dan disertai oleh hampir


200 orang peserta yang terdiri daripada penjawat awam sekitar Putrajaya, wakil-wakil daripada MAIN dan pusat-pusat Islam lain. Sepanjang tahun 2009, Bahagian P&P dengan kerjasama bidang teras JAWHAR yang lain telah berjaya menganjurkan JID sebanyak lima kali sebagaimana berikut:

TARIKH / BIL	TEMA
24 Februari 2009 JID Bil.1/2009	Institusi Wakaf Melestarikan Hadharah Ummah
21 April 2009 JID Bil.2/2009	Zakat Dihulur, Asnaf Bersyukur
18 Ogos 2009 JID Bil.3/2009	Kesempurnaan Ibadah Haji
20 Oktober 2009 JID Bil.4/2009	Pusaka dan Wasiat: Harapan dan Keberkatan
22 Disember 2009 JID Bil.5/2009	Wakaf Melestarikan Hadharah Ummah

#### Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan (JPBK)

JPBK diadakan bagi memberi peluang kepada MAIN untuk membangkitkan isu-isu yang ingin diketengahkan kepada Kerajaan Persekutuan. JPBK yang diadakan dua kali setahun ini turut menyaksikan pembentangan kertas kerja oleh MAIN. Di samping itu, upacara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan pusat-pusat kecemerlangan juga turut dilaksanakan semasa JPBK berlangsung. Berikut merupakan senarai penganjuran JPBK dan majlis menandatangani MoU:

TARIKH / BIL	PERKARA
19 Januari 2009	JPBK Bil.1/2009 & MoU dengan UM dan IBFIM Sdn. Bhd.
19 Mei 2009	JPBK Bil.2/2009 & MoU dengan UKM Holdings Sdn. Bhd.



Bahagian ini turut bertanggungjawab untuk memilih beberapa kursus yang sesuai untuk penglibatan kakitangan MAIN khususnya dan Jabatan amnya. Bagi tahun 2009, satu kursus di INTAN Wilayah Tengah telah berjaya diaturkan dengan penyertaan peserta daripada MAIN seramai lapan orang. Kursus berkaitan Pengurusan Perolehan Awam itu telah diadakan pada 6-8 Jun 2009.

#### **Bengkel**

Bahagian P&P telah menganjurkan dua bengkel untuk tujuan memperolehi sijil MS ISO 9001:2000 versi 2008 dan MS 1900:2005. Bengkel Dokumentasi MS ISO 9001:2000 versi 2008 telah diadakan pada 27-29 Julai 2009 bertempat di Ancasa All Suites Resort & Spa, Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel Audit Dalam dan Penyediaan Laporan MS 1900:2005 pula telah diadakan pada 29 September - 1 Oktober 2009 bertempat di Bilik Gerakan, JAWHAR.

#### **Urusan Parlimen**

Urusan Parlimen Jabatan diuruskan oleh Bahagian P&P. Pegawai-pegawai Bahagian telah menghadiri kesemua mesyuarat penggal yang telah diadakan sepanjang tahun 2009. Soalan-soalan bertulis yang dikenal pasti semasa mesyuarat telah diedarkan kepada bahagian berkaitan untuk memperolehi maklum balas bertulis bagi penyelarasan sebelum dihantar ke pejabat YB Menteri. Selain itu, kakitangan Bahagian turut bertanggungjawab menyediakan jadual dan senarai nama pegawai Jabatan yang terlibat dengan sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara mengikut penggal. Kakitangan Bahagian turut memegang amanah mengemaskinikan buku statistik Jabatan dan maklumat-maklumat berkaitan bidang teras Jabatan bagi tujuan rujukan pegawai yang bertugas.

#### **Keurusetiaan & Penyediaan Maklum balas Mesyuarat**

Bahagian P&P antara lainnya turut menyelaraskan maklum balas bagi mesyuarat-mesyuarat Jabatan. Bahagian ini menjadi urusetia Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian bersama Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR pada setiap hari Rabu. Selain itu, Bahagian ini terlibat dalam penyelarasan maklum balas dan mengurusetiakan Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan bersama Timbalan Ketua Setiausaha setiap tiga bulan sekali dan Mesyuarat Bersama Timbalan

Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri yang merupakan Pegawai Pengawal Jabatan. Pada 24 Julai 2009, Bahagian P&P telah menjadi urusetia Perhimpunan Bulanan bersama Ketua Pengarah JAWHAR. Manakala, pada hujung tahun 2009, Bahagian P&P telah menyelaraskan maklum balas Kajian Piagam Pelanggan JAWHAR untuk dipaparkan di dalam laman sesawang JAWHAR.

#### **Penerbitan**

JAWHAR sentiasa melebarkan sayapnya dalam bidang penerbitan. Sepanjang tahun 2009, Bahagian P&P telah menyelaraskan penerbitan dua Jurnal Pengurusan yang mengandungi artikel-artikel hebat berkaitan bidang teras JAWHAR menerusi nukilan pembentang-pembentang tersohor negara. Selain itu, Bahagian ini telah berjaya menerbitkan empat buah Manual Pengurusan JAWHAR dengan kerjasama Bahagian Wakaf, Zakat, Mal dan Haji serta agensi yang terlibat. Bersempena dengan Konvensyen Baitulmal Kebangsaan (KBK) yang telah diadakan secara gilang-gemilang di Masjid Wilayah pada bulan Jun 2009, Bahagian ini telah menyelaras dan membukukan kertas kerja para pembentang di dalam Buku Prosiding KBK 2009. Bahagian P&P turut diamanahkan untuk menerbitkan Buletin JAWHAR dengan sasaran empat penerbitan setahun yang mengabadikan aktiviti-aktiviti yang berlangsung serta suka duka warga JAWHAR. Makalah-makalah lain seperti Sari Tinta, Sari Nurani dan sebagainya bersempena Majlis anjuran JAWHAR turut diselaras dan diterbitkan oleh Bahagian P&P.

#### **Kajian / Penyelidikan**

Bahagian P&P antara lainnya bertanggungjawabkan untuk menyelaraskan kajian/penyelidikan berkaitan bidang teras JAWHAR. Kajian dijalankan dengan kerjasama daripada pusat-pusat kecemerlangan yang telah menandatangani MoU bersama JAWHAR. Bagi tahun 2009, dua penyelidikan telah dibuat iaitu Kajian Keberkesanan Agihan Zakat antara JAWHAR dengan Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ, UiTM Melaka) dan Kajian Penubuhan Permodalan Baitulmal Kebangsaan antara JAWHAR dan UiTM Johor Bahru. Pelaksanaan kedua-dua Kajian ini akan melahirkan impak yang positif ke arah pembangunan ummah di Malaysia.

## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

### PENGENALAN

Bahagian ini bertanggungjawab memberikan perkhidmatan sokongan menerusi pengurusan teknologi maklumat kepada semua warga JAWHAR yang meliputi perkara-perkara berikut:

- Memastikan pembangunan sistem sokongan dalaman/luaran beroperasi dengan baik dan sempurna;
- Memastikan laman web sentiasa informatif dan terkini;
- Mengkaji keperluan penyediaan prasarana dari segi perkakasan, perisian dan rangkaian serta memastikan sistem komputer berfungsi dengan baik dan berkesan; dan
- Memberi perkhidmatan teknikal, menyelenggara kemudahan ICT serta memberi khidmat nasihat berkaitan ICT.

### PROGRAM-PROGRAM YANG DILAKUKAN

Menyedari kepentingan bagi menyokong perkhidmatan Jabatan, beberapa sistem sokongan dalaman serta luaran telah dibangun dan dilaksanakan pada tahun 2009 bertujuan bagi perkongsian sumber dan maklumat di antara staf, stakeholders dan orang awam.



**Sistem e-Bayanat**

Sistem e-Bayanat merupakan satu sistem berbentuk pelaporan dengan data maklumat diperolehi secara dinamik dari pangkalan data. Ia dapat memaparkan maklumat dan statistik wakaf, zakat, mal dan haji yang direkodkan melalui Sistem e-Bayanat. Maklumat tersebut diolah pada pelbagai peringkat, diringkaskan dan dipersembahkan dalam pelbagai bentuk seperti graf bar, carta pai, graf perbandingan, dan ‘query’. Ini bermaksud laporan-laporan yang dipaparkan adalah terkini sehingga masa dijana. Maklumat-maklumat ini dapat dikongsi bersama dengan jabatan lain dan masyarakat umum.




Paparan Utama Sistem e-Bayanat



Sistem e-Bayanat :Haji



Sistem e-Bayanat : Mal




## Laporan Tahunan JAWHAR 2009

62

### Sistem e-Wakaf

Sistem e-Wakaf adalah singkatan untuk Sistem Pengurusan Maklumat Wakaf Bersepadu pada peringkat nasional yang terdiri dari empat subsistem iaitu Portal Pengurusan Maklumat Wakaf, Sistem Pengurusan Maklumat Wakaf, Sistem Antara Muka Maklumat Wakaf dan Pusat Data Wakaf.

Sistem e-Wakaf ini merupakan inisiatif JAWHAR dengan usahasama MAIN. Ianya adalah sebahagian dari usaha untuk mendapat, mengumpul, mengendali, menyimpan dan mengurus semua maklumat wakaf dari seluruh negeri secara berpusat, terkini dan bersepadu. Laporan-laporan yang dijana pada peringkat JAWHAR adalah ‘dinamik’ berdasarkan data yang terkini. Semua maklumat wakaf ini akan diintegrasikan secara komprehensif dan berupaya memberikan satu gambaran mengenai harta tanah wakaf secara menyeluruh pada peringkat nasional.




Paparan Utama Portal Pengurusan Maklumat : Baitul mal

### Perluasan sistem e-Wakaf Fasa 2

Perluasan sistem e-Wakaf Fasa 2 telah dilaksanakan bagi tempoh 14 bulan bermula Oktober 2009 sehingga Disember 2010 meliputi 7 buah negeri iaitu Johor, Wilayah Persekutuan KL, Terengganu, Perlis, Kedah, Perak dan Sabah. Mesyuarat Perluasan Sistem e-Wakaf telah diadakan pada 8 Oktober 2009 bertempat di Bilik Gerakan JAWHAR. Bagi tahun 2009, empat MAIN iaitu Majlis Agama Islam Negeri Perlis (MAIP), MAIWP, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) akan menggunakan sistem e-wakaf ini.

Tiga lawatan telah diadakan iaitu lawatan ke MAIJ telah diadakan pada 20hb Oktober 2009, MAIDAM telah diadakan pada 22hb Oktober 2009 dan MAIWP pada 8 Disember 2009 yang bertujuan untuk membincangkan kajian keperluan bagi pelaksanaan perluasan sistem e-Wakaf.



Paparan Utama Portal Pengurusan Maklumat : Wakaf




Latihan penggunaan sistem e-Wakaf telah diadakan di Bilik Latihan ICT, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM), Kuala Terengganu



### SisParlimen


SisParlimen merupakan singkatan bagi sistem Parlimen yang dibangunkan bertujuan untuk membantu pengurusan dan penyimpanan maklumat yang diperoleh daripada catatan oleh pegawai bertugas seterusnya bagi proses penyediaan laporan semasa persidangan berlangsung di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Sistem ini diperkenalkan bagi meningkatkan mutu urusan parliment di JAWHAR supaya lebih efisien dan berkesan.



Latihan penggunaan sistem e-Wakaf telah diadakan di Bilik Latihan ICT, MAIDAM, Kuala Terengganu pada 17-18 November 2009. Latihan ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pengguna untuk memasukkan data berkaitan dengan tanah wakaf dan baitulmal menerusi sistem e-wakaf serta keperluan teknikal pegawai ICT.

Seramai 10 orang peserta telah mengikuti latihan ini terdiri daripada MAIWP, MAIDAM dan MAIP yang terlibat dalam perlaksanaan perluasan sistem e-Wakaf selepas Kelantan, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka. Latihan pengguna sistem e-Wakaf dikendalikan oleh Bahagian Teknologi Maklumat JAWHAR dengan kerjasama Unit ICT MAIDAM. Turut hadir Puan Norbayiah binti Sukor, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat JAWHAR.







## Laporan Tahunan JAWHAR 2009

64





### SisHelp

SisHelp adalah singkatan bagi Sistem Meja Bantuan ICT yang merupakan satu alternatif kepada sistem aduan pelanggan khusus untuk masalah berkaitan kerosakan peralatan komputer dan masalah penggunaan sistem. Dengan adanya sistem ini ia dapat membantu pegawai dan kakitangan JAWHAR melaporkan sebarang aduan mengenai masalah yang berkaitan.




### Sistem Perkongsian Ilmu

Ia merupakan satu sistem di mana aktiviti muat naik dan muat turun dokumen dalam bentuk format pdf, microsoft words dan sebagainya boleh dilakukan sama ada untuk penerbitan JAWHAR, jurnal, artikel, manual, buletin dan juga kertas kerja pembentangan untuk dikongsikan bersama. Sistem ini bertujuan untuk memudahkan perkongsian ilmu dan mencari maklumat yang diperlukan.




### Laman Web/Portal

Laman Web/Portal merupakan medium mempromosikan JAWHAR kepada orang ramai disamping penyampaikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi-agensi sektor awam kepada orang ramai. Melalui laman web/portal, penggunaan ICT dapat dimanfaatkan ke arah menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap, tepat dan pantas. Oleh itu, BTM sentiasa mengambil usaha memperbaiki dan mempercikaskan lagi laman web JAWHAR untuk mencapai hasrat tersebut. Laman web JAWHAR telah dinilai dan dianalisa oleh Multimedia Development Corporation (MdeC) di mana laman web ini telah mencapai tahap empat bintang.



NO.	RANK	AGENCY NAME	SCORE	STAR	PILLA CI	CIG
132	19	Malaysian Qualifications Agency (MQA)	62	4	18	15
133	19	Manpower Department	62	4	20	11
134	19	Ministry of Defence	62	4	18	15
135	19	Ministry of Youth and Sports, Malaysia	62	4	17	9
136	19	National Sports Institute	62	4	23	13
137	19	Nilai Municipal Council	62	4	22	11
138	19	Pahang Town and Rural Planning Department	62	4	24	11
139	19	Seremban Municipal Council	62	4	19	9
140	19	Sungai Petani Municipal Council	62	4	20	17
141	19	Tanah Merah District Council	62	4	19	11
142	19	Temerloh Municipal Council	62	4	20	13
143	19	Universiti Darul Iman (UDM)	62	4	17	14
144	20	Bachok District Council	61	4	20	11
145	20	District Council of Dungun	61	4	17	11
146	20	District Council of Kota Tinggi	61	4	20	11
147	20	District Council of Mersing	61	4	19	11
148	20	Federal Development Department of Kelantan	61	4	21	9
149	20	Forestry Department of Malaysia	61	4	22	13
150	20	Kajang Municipal Council	61	4	20	8
151	20	Labour Department (Peninsular Malaysia)	61	4	16	13
152	20	Malaysian Federal Court	61	4	15	15
153	20	Malaysian Maritime Enforcement Agency	61	4	21	10
154	20	Malaysian Peninsular Commercial Vehicle Licensing Board	61	4	22	7
155	20	Municipal Council of Batu Pahat	61	4	20	11
156	20	Pasir Mas District Council	61	4	18	11
157	20	Perak Islamic Religious Affairs Department	61	4	19	8
158	20	Teluk Intan Community College	61	4	23	8
159	20	Ungku Omar Polytechnic (IPO)	61	4	21	11
160	20	Universiti Sains Malaysia	61	4	18	16
161	21	Bentong Municipal Council	60	4	20	11
162	21	Companies Commission of Malaysia	60	3	17	11
163	21	Department of Waqaf, Zakat & Hajj	60	3	24	9
164	21	District Council of Setiu	60	4	18	15


Laman web JAWHAR telah mencapai tahap empat bintang.




Laman utama web versi Bahasa Malaysia



Laman web versi Bahasa Inggeris



Laman web versi bahasa Arab



## Laporan Tahunan JAWHAR 2009

66

Agenzia Kerajaan Rakyat

[Isi buku pelawat](#)

aini 12 Oktober 2009 11:07   batu pahat	hai...cantik website ni, ada kartun 3d..good job..
miza 12 Oktober 2009 10:57   johor	tahniah atas penimbahaikan yang lbh menarik....
Shikin 12 Oktober 2009 10:33   Putrajaya	Banyak membantu untuk rujukan wakaf di Malaysia

Antara pujian dan komen daripada pelanggan mengenai laman web menerusi email, maklum balas dan buku pelawat.

Perkhidmatan MySMS	Keterangan
ADUAN	Aduan Umum berkaitan Wakaf, Zakat, Mal dan Haji
ALAMAT	ALAMAT JAWHAR
ALAMAT MAIN	Senarai alamat Majlis Agama Islam Negeri-negeri Seluruh Malaysia
MAIN SARAWAK	Alamat MAIN Sarawak
MAIN SELANGOR	Alamat MAIN Selangor
NISABMELAKA	Kadar nisab zakat harta bagi negeri Melaka tahun 2009

## Gerbang SMS Kerajaan Malaysia

Gerbang SMS Kerajaan yang lebih dikenali sebagai mySMS adalah satu usaha yang membolehkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan dan maklumat dengan mudah dan ringkas melalui satu nombor SMS iaitu 15888.



Pengguna akan dikenakan caj apabila menggunakan perkhidmatan SMS. Bentuk caj yang dikenakan adalah:

- Setiap SMS yang dihantar akan dikenakan caj sebanyak RM0.15;
- Setiap SMS yang diterima dikenakan bayaran sebanyak RM0.20; dan
- Setiap SMS Hebah yang diterima adalah percuma.



Sesi taklimat 1 di Bilik Gerakan

## Taklimat dan Latihan Intranet, Protime dan MyAsset

Taklimat dan latihan penggunaan sistem SisCar, SisMeet, SisResume, Protime, MyAsset dan Intranet telah diberikan kepada warga JAWHAR yang baru. Tiga sesi latihan mengenai sistem berikut telah dilaksanakan pada 15 Julai 2009, 27 Oktober 2009, 9 Disember 2009.

Sesi taklimat dan latihan yang telah dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat ini telah dihadiri seramai 50 warga baru iaitu seramai 25 warga JAWHAR pada 15 Julai 2009, 13 warga JAWHAR pada 27 Oktober 2009 dan seramai 12 warga JAWHAR pada 9 Disember 2009.





### Kapsul Wakaf, Zakat, Mal dan Haji

Kapsul Wakaf, Zakat, Mal dan Haji juga merupakan salah satu cara penyebaran ilmu disamping memudahkan orang ramai mendapatkan rujukan mengenai hal-hal wakaf, zakat, mal dan juga haji. Iklan Kapsul ini ke udara pada jam 8.15 pagi di radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIMfm). Kapsul ini ke udara setiap hari Isnin hingga Jumaat bermula 1 September hingga 30 November 2009.



### Iklan Radio Wakaf, Zakat, Mal dan Haji

Iklan Radio Wakaf, Zakat, Mal dan Haji merupakan medium mengenangkan JAWHAR sebagai tempat pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji di mana masyarakat dapat memahami dengan jelas fungsi dan urusan yang dilaksanakan di JAWHAR. Iklan radio ini juga ke udara di radio IKIMfm sejurus selepas Iklan Kapsul Wakaf, Zakat, Mal dan Haji ke udara.



### Iklan Televisyen Wakaf, Zakat, Mal dan Haji

Iklan Televisyen Wakaf, Zakat, Mal dan Haji juga merupakan medium untuk mengenangkan JAWHAR sebagai tempat pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji disamping untuk memperlihatkan usaha yang dilakukan oleh JAWHAR dalam memastikan urusan wakaf, zakat, mal dan haji dilaksanakan dengan betul dan efisien. Iklan ini disiarkan di Selamat Pagi Malaysia RTM1 pada setiap hari bermula 22 November 2009.



## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

### PENGENALAN

Bahagian BKPSM bertanggungjawab memberikan khidmat sokongan kepada semua warga JAWHAR yang meliputi perkara-perkara berikut:

- Menguruskan pentadbiran am Jabatan merangkumi pengurusan perolehan, harta modal, inventori, stor, kenderaan, suratmenyurat serta kebersihan dan keselamatan Jabatan;
- Menguruskan kewangan Jabatan merangkumi pengurusan waran peruntukan, hal ehwal emolumen, anggaran belanjawan, pelaksanaan sistem e-SPKB (Sistem Perancangan Kawalan Belanjawan) dan Sistem e-Perolehan Jabatan, Panjar Wang Runcit, bauar bayaran dan prestasi perbelanjaan mengurus; dan
- Menguruskan sumber manusia merangkumi aspek-aspek pengurusan perkhidmatan, penyusunan semula struktur organisasi Jabatan, urusan kenaikan pangkat, latihan, pemantauan dan pembangunan prestasi.

### PROGRAM-PROGRAM YANG DILAKUKAN

Menyedari pentingnya usaha-usaha pembangunan sumber manusia dalam organisasi, BKPSM telah mengadakan pelbagai latihan dalam Jabatan atau luaran untuk warga JAWHAR sepanjang tahun ke arah meningkatkan kompetensi dan integriti warga berdasarkan keperluan tugas jawatan. Ini bagi membolehkan fungsi JAWHAR dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.



### Program Hari Bersama Pelanggan

Program Hari Bersama Pelanggan JAWHAR (HBPJ) telah diadakan sebanyak tiga kali sepanjang tahun 2009 iaitu pada 21 April bersamaan 25 Rabiul Akhir 1430H, 18 Ogos 2009 bersamaan 27 Syaaban 1430H dan 20 Oktober 2009 bersamaan 1 Zulkaedah 1430H di Auditorium EA, Kompleks E dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Program ini bertujuan untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan luas kepada masyarakat berkenaan fungsi dan peranan JAWHAR dalam membantu memperkasakan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia.

Program HBPJ diadakan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Mempromosikan JAWHAR sebagai agensi Kerajaan yang berperanan sebagai policy formulator and facilitator dalam hal ehwal berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji yang sentiasa dinamik dan proaktif untuk memajukan taraf sosio-ekonomi ummah melalui bidang-bidang tersebut;
- ii. Mengenangkan bidang teras dan usaha JAWHAR untuk memajukan bidang wakaf, zakat, mal dan haji yang merupakan potensi besar untuk menjana kekuatan ekonomi ummah di masa hadapan; dan
- iii. Memberikan peluang kepada orang ramai untuk memahami konsep wakaf, zakat, mal dan haji dengan lebih jelas mengikut keadaan semasa dan bernilai tambah.

JAWHAR menyediakan meja maklumat yang berfungsi sebagai wadah yang boleh digunakan



oleh pengunjung untuk mendapatkan maklumat berkenaan perkara-perkara berikut:

- i. Maklumat wakaf seperti pembangunan tanah wakaf dan model hotel wakaf;
- ii. Maklumat zakat dari segi pelaksanaan zakat kontemporari dan kaedah pengiraan;
- iii. Maklumat mal dan harta sumber am; dan
- iv. Maklumat pengurusan haji dari segi jumlah jemaah haji, aktiviti pelaburan LTH, kejayaan LTH dan maklumat pengendalian haji dan umrah swasta.

#### Program 5S


Pada jam 11.00 pagi, 10 Jun 2009 merupakan detik permulaan proses pengauditan semula bagi Pensijilan Amalan 5S JAWHAR oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).


Proses pengauditan semula telah dimulakan dengan bacaan doa dan diikuti dengan ucapan aluan YBrs En. Abd. Ghafar Yusof, Timbalan Ketua Pengarah, JAWHAR serta ucapan balas oleh En. Muhammad Omar dan diikuti dengan penerangan mengenai pelaksanaan Amalan 5S JAWHAR serta lawatan ke seluruh kawasan pejabat. Setelah tamat sesi pengauditan dan keputusan audit telah dimaklumkan setelah laporan ringkas disediakan oleh pihak MPC pada sebelah petangnya. Alhamdulillah dan tahniah kepada seluruh warga JAWHAR atas kejayaan meraih Pensijilan Amalan 5S pada 10 Jun 2009, Persekitaran Berkualiti JAWHAR yang telah dianugerahkan oleh MPC.



#### Lawatan 5S 2009

BIL	BAHAGIAN/JABATAN	DARI	TARIKH
1	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur dan Putrajaya	15/10/2009
2	Sub Unit Pengurusan Sekolah, Kementerian Pelajaran Wilayah Persekutuan	Putrajaya	6/10/2009
3	Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim, Jabatan Perdana Menteri	Putrajaya	30/7/2009
4	Seksyen Pemetaan dan Utiliti, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)	Kuala Lumpur	14/7/2009





## Program Latihan Praktikal Mahasiswa Bagi Tahun 2009

Sepanjang tahun 2009, seramai 14 orang pelajar dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sama ada daripada awam atau swasta telah menjalani latihan praktikal mereka di JAWHAR. Jumlah pelajar mengikut IPT adalah seperti berikut:

BIL.	IPTA/IPTS	JUMLAH PELAJAR
1	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	3
2	Universiti Utara Malaysia (UUM)	2
3	Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)	1
4	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	1
5	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	2
6	Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)	3
7	Kolej Darul Hikmah	2
JUMLAH		14

Para pelajar yang menjalani latihan praktikal di JAWHAR majoritinya mengambil jurusan-jurusan berkaitan Pengajian Islam, Ekonomi dan Teknologi Maklumat. Mereka telah ditempatkan di Bahagian Zakat, Bahagian Mal, Bahagian Haji, Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasaran, Bahagian Teknologi Maklumat serta Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia. Seramai 12 orang adalah pelajar perempuan manakala hanya 2 orang sahaja pelajar lelaki.

Tempoh untuk mereka melaksanakan tugas praktikal adalah selama tiga bulan sahaja. Penempatan mereka di JAWHAR berlaku sepanjang tahun berdasarkan kepada waktu cuti semester sewaktu berada di tahun tiga dan tahun empat pengajian.

Program latihan praktikal oleh mahasiswa/mahasiswi di JAWHAR adalah seperti berikut:

BIL	PRAKTIKAL	DARI	BAHAGIAN	TARIKH MULA – TARIKH TAMAT
1	Mohd Mazlan b. Hussin	UUM Sintok, Kedah	BTM	07.12.2009 sehingga 06.06.2010
2	Md. Affif Firdouse b. Md. Affindi	UUM Sintok, Kedah	Mal	07.12.2009 sehingga 06.04.2010
3	Nurhayati bt. Azahir	UUM Sintok, Kedah	BTM	06.07.2009 sehingga 30.11.2009
4	Nadzariah bt. Amin	UiTM	BTM	06.07.2009 sehingga 16.10.2009
5	Norasyikin bt. Amin	UUM Sintok, Kedah	BTM	01.06.2009 sehingga 30.11.2009
6	Mohd Hassan Nawawi b. Nusu	Darul Hikmah	Zakat	04.05.2009 sehingga 05.07.2009
7	Siti Amirah bt Ayub	Darul Hikmah	Mal	04.05.2009 sehingga 05.07.2009
8	Nurul Atiqah bt. Shoib	USIM	Mal	04.05.2009 sehingga 10.07.2009
9	Maziah bt. Musa	USIM	Mal	04.05.2009 sehingga 10.07.2009
10	Wan Naimah bt. Wan Mohd Ali	Universiti Darul Iman	Haji	11.05.2009 sehingga 05.07.2009
11	Fatimah Aishah bt. Mohd Zawawi	UKM, Bangi	P&P	11.05.2009 sehingga 05.07.2009
12	Siti Suhaila bt. Mohamad Salleh	UKM, Bangi	BKPSM	11.05.2009 sehingga 05.07.2009
13	Nuraiddah bt. Mohd Nor	UKM, Bangi	P&P	11.05.2009 sehingga 05.07.2009
14	Muhd Faris b. Rusihan Anuar	KUIS, Selangor	BKPSM	16.03.2009 sehingga 15.05.2009
15	Nurul Hazwani bt. Abdul Hadi	KUIS, Selangor	Zakat	16.03.2009 sehingga 15.05.2009
16	Nur Amella bt. Ahmad	KUIS, Selangor	Mal	16.03.2009 sehingga 15.05.2009



## PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

### PENGENALAN

Bahagian ini diketuai oleh seorang seorang Penasihat Undang-Undang dengan dibantu oleh seorang Pembantu Tadbir. Pewujudan Bahagian Perundungan ini adalah bertujuan agar institusi wakaf, zakat, mal dan haji dapat dimantapkan dengan penyelaras dan penyeragaman perundungan yang terbaik, cekap dan berkesan .

### OBJEKTIF BAHAGIAN

Menjadi sumber rujukan yang berkesan dan terbaik dalam aspek perundungan ke arah penyelaras dan penyeragaman wakaf, zakat, mal dan haji di Malaysia, di samping member khidmat sokongan terbaik, cekap dan berkesan yang bertarikh dunia dalam aspek perundungan kepada Jabatan dan stakeholders.

### FUNGSI BAHAGIAN

Bahagian ini bertanggungjawab untuk :

- Memberi khidmat nasihat dan pandangan undang-undang kepada Jabatan dan stakeholders berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji;
- Menyemak, menggubal dan menyelaras undang-undang berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji serta perundungan subsidiary;
- Menyelidik, mengkaji dan menganalisis kepeluan undang-undang berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji ; dan
- Menyediakan memorandum Jemaah Menteri serta ulasan perjanjian, MoU, triti antarabangsa dan lain-lain dokumen perundungan berkaitan fungsi teras Jabatan.

### AKTIVITI-AKTIVITI BAHAGIAN UNDANG-UNDANG


#### Menyemak Dokumen Perjanjian Pajakan dan Pembangunan Projek



Bahagian ini telah dipertanggungjawab untuk membuat semakan Dokumen Perjanjian Pajakan dan Pembangunan Projek. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 6 Dokumen Perjanjian Pajakan dan Pembangunan Projek telah disemak iaitu ;

- i. Perjanjian Projek Pembinaan Asrama Anak Yatim, Mukim Derga, Kedah Darul Aman;
- ii. Perjanjian Pajakan Projek Pembinaan Unit Kediaman Kos Sederhana Rendah Sg. Nibong, Pulau Pinang;
- iii. Projek Pembinaan Pusat Kegiatan Saudara Baru, Seremban, Negeri Sembilan;
- v. Perjanjian Projek Pembinaan Hotel Wakaf dan Baitul Hilal, Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan;
- vi. Perjanjian Projek Pembinaan Kompleks Wakaf, Kajang, Ulu Langkat, Selangor; dan
- vii. Perjanjian Projek Pembinaan Rumah Kedai Mukim Utan Aji, Kangar, Perlis.

#### Memorandum Persefahaman (MoU)

Bahagian Undang-Undang juga turut menyemak Memorandum Persefahaman (MoU). Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani oleh JAWHAR bagi tahun 2009 adalah sebanyak dua MoU iaitu ;





- i. Memorandum Persefahaman antara JAWHAR dan Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd. untuk program Memartabatkan Ummah Melalui Kecemerlangan Wakaf, Zakat, Mal dan Haji pada 19 Januari 2009 bersamaan 22 Muharram 1430H.
- ii. Memorandum Persefahaman antara JAWHAR dan UKM Holdings Sdn. Bhd. pada 19 Mei 2009 bersamaan 25 Jamadilawal 1430H.

**Perhimpunan Bersama Dato' Ketua Pengarah,  
Disember 2009**

Hari Bersama Dato' Ketua Pengarah bagi bulan Disember telah diadakan pada 24 Disember 2009 bertempat di Dataran Wakaf. Perhimpunan pada kali ini yang bermula pada jam 3 petang diurussetiakan oleh Bahagian Undang-Undang. Majlis perhimpunan dimulakan dengan amanat daripada YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi bin Hj Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR yang telah memulakan ucapan beliau dengan perkongsian maklumat terkini mengenai isu Agama Islam yang hangat diperkatakan pada masa sekarang. Antara amanatnya lagi ialah berkenaan sambutan Maal Hijrah bertema "Memantap Ukhwah Memperkasa Ummah" yang disambut oleh seluruh Umat Islam pada 1 Muharram 1431H. "Integriti, Isu dan Cabaran" merupakan tajuk ceramah yang disampaikan oleh Pegawai Undang-Undang sebagai pengisian perhimpunan pada kali ini. Antara isi

kandungan ceramah tersebut adalah berkenaan integriti Penjawat Awam yang mempunyai integriti yang baik boleh mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa di kalangan kakitangan awam. Di antara usaha-usaha kerajaan untuk menangani masalah ini dengan menubuhkan Plan Integriti Nasional, Sistem Akauntabiliti dan Integriti, Tapisan keutuhan, Laporan Pengistiharan Harta, Penubuhan Pelbagai Jawatankuasa dan memberi penerapan nilai-nilai Islam. Agenda diteruskan lagi dengan memperkenalkan warga baru JAWHAR dan penyampaian sijil tamat kursus 7 hari. Anugerah Miftahul Ilmi (Pemacu Ilmu Pusat Sumber JAWHAR) kali ini diberikan kepada Encik Murid Fadzli Musa daripada Bahagian Mal serta Anugerah Pekerja Contoh bulan November 2009 dianugerahkan kepada Puan Siti Najwa Shafie daripada Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia. Selepas itu majlis dimeriahkan lagi dengan sambutan Ulang Tahun Kelahiran Warga JAWHAR bagi bulan Disember dan kelahiran Permata JAWHAR yang diraikan dengan upacara memotong kek. Perhimpunan berakhir sekitar jam 5.00 petang.





### Perjanjian Perkhidmatan Perundingan


Bahagian Undang-Undang juga telah menyemak sebanyak dua dokumen Perjanjian Perkhidmatan Perundingan iaitu :


- i. Perjanjian Perkhidmatan Perundingan antara Kerajaan Malaysia dan Universiti Teknologi Mara pada 18 November 2009 bersamaan 1 Zulhijjah 1430H bertajuk "Kajian Penubuhan Permodalan Baitulmal Kebangsaan"; dan
- ii. Perjanjian Perkhidmatan Perundingan Antara Kerajaan Malaysia bertarikh 18 November 2009 bersamaan 1 Zulhijjah 1430H bertajuk "Kajian Keberkesanan Agihan Zakat Di Malaysia".



### Manual Pengurusan Model Perundangan Zakat

Cetakan Pertama manual ini adalah pada tahun 2009 yang diterbitkan oleh JAWHAR. Manual Pengurusan Model Perundangan Zakat (MPMPZ) ini dapat dijadikan panduan oleh MAIN dalam menggubal mahupun mempermaksa perundangan zakat di negeri masing-masing dan seterusnya meningkatkan tadbir urus terbaik pengurusan zakat diseluruh negara.





## YAYASAN WAQAF MALAYSIA

### PROGRAM KESEDARAN WAKAF TUNAI MALAYSIA

Program ini merupakan aktiviti berangkai yang bertujuan memberi maklumat kepada masyarakat luar mengenai hikmah berwakaf seterusnya memperbetulkan segala persepsi negatif dan salah anggap terhadap ibadat wakaf. Di samping itu, program kesedaran ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat Islam mengenai peranan dan kejayaan wakaf di dalam memperkasakan ekonomi ummah dalam sejarah masyarakat Islam.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah Program Kesedaran WTM ini adalah:

- Taklimat ke Jabatan dan Agensi Kerajaan/Bukan Kerajaan; dan
- Booth pameran

#### Taklimat ke Jabatan dan Agensi Kerajaan/Bukan Kerajaan

Sesi taklimat ini merupakan sesi penyampaian maklumat berbentuk informasi mengenai latar belakang kewujudan YWM dan perannya, definisi wakaf, dalil pensyariatannya, definisi wakaf tunai dan hikmah serta kehebatan wakaf. Sesi taklimat ini disampaikan sendiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif YWM dan juga pengurus-pengurus bahagian yang lain.

#### Taklimat WTM sepanjang 2009

##### Taklimat ke Jabatan dan Agensi Kerajaan

Bil	Agensi	Tarikh
1	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)	25 Februari 2009
2	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)	6 Mac 2009
3	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	6 Mac 2009
4	Lembaga Tabung Haji (LTH)	17 Mac 2009
5	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	27 Mac 2009
6	Jabatan Kemajuan Masyarakat Melaka	3 April 2009
7	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)	3 April 2009
8	Mahkamah Persekutuan Putrajaya	24 April 2009
9	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	31 Julai 2009
10	Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)	20 Ogos 2009



### Taklimat ke Agensi Bukan Kerajaan

Bil	Agensi	Tarikh
1	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)	1 April 2009
2	Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)	2 April 2009
3	Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP)	3 April 2009
4	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)	10 April 2009
5	Halal Industry Development Corporation	10 April 2009

### Booth Pameran

YWM telah membuka booth pameran di beberapa program anjuran agensi Kerajaan/bukan Kerajaan. Booth pameran ini bertujuan mempromosi WTM, di samping memperkenalkan YWM sebagai entiti wakaf di peringkat Kebangsaan.




Pegawai-pegawai YWM memberi penerangan kepada pengunjung-pengunjung booth pameran YWM

### Jadual booth pameran YWM sepanjang 2009

Bil	Aktiviti	Anjuran	Tarikh
1	Karnival Ekonomi Islam 2009 (i-Fest '09)	YaPEIM	22-26 Januari 2009
2	Pelancaran Bulan Dakwah	YADIM	19 Februari 2009
3	JAWHAR Intellectual Discourse	JAWHAR	24 Februari & 21 April 2009
4	Program Kesedaran & Pendidikan Ekonomi Umat	YaPEIM	19-22 Mac 2009
5	Promosi Sempena Perhimpunan Agung UMNO 2009	UMNO	24-26 Mac 2009
6	Hari Bersama Pelanggan JAWHAR	JAWHAR	16 April 2009
7	Konvensyen Baitulmal Kebangsaan	JAWHAR	24-25 Jun 2009





## PROGRAM PROMOSI WAKAF TUNAI MALAYSIA

Selain menjalankan Program Kesedaran WTM, YWM juga giat merancang beberapa aktiviti bagi tujuan mempromosi WTM. Aktiviti promosi yang dijalankan bertujuan untuk memperkenalkan WTM sebagai manhaj baru kepada masyarakat luar untuk berwakaf, di samping menyalurkan maklumat tambahan mengenai hikmah pelaksanaan ibadat yang mulia ini.

### Media Cetak dan Elektronik

Bagi mempromosi WTM melalui media cetak dan elektronik, YWM telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

### Promosi Media Cetak

Bil	Aktiviti	Tarikh
1	Keratan akhbar bertajuk Skim Wakaf Tunai dilancarkan maju tanah RM1.9b - Berita Harian	8 Februari 2009
2	Wawancara oleh Majalah Ekonomi	20 Julai 2009
3	Temuramah Ketua Pegawai Eksekutif YWM dan Pengurus Bahagian penyelidikan dan Produk Wakaf oleh Majalah Millenia	Keluaran September

### Promosi Media Elektronik

Bil	Aktiviti	Tarikh
1	Temuramah Ketua Pegawai Eksekutif YWM di RTM1 dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia	16 Mac 2009 (jam 7.30 pagi)
2	Temuramah bersama radio Salam Fm a. Bahagian I; dan b. Bahagian II	2 Oktober 2009 9 Oktober 2009 (jam 7.30 pagi)
3	Temuramah Pengurus Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf oleh Radio Ikim.Fm dalam Slot Syariah dan Perundungan	2 September 2009 (jam 9.15 pagi)
4	Slot Kapsul - Wakaf Tunai di IKIM dengan kerjasama JAWHAR	Disiarkan pada Jumaat, Isnin & Selasa jam 8.15 pagi

WAWANCARA

## Potensi Wakaf Secara Kontemporari



Ajay Arora  
OLAH SURIA JANIS

**S**elama ini tumpuan institusi wakaf di Malaysia terhad dengan tempi ihadah dan kebijakan masyarakat bingung apakah ketinggalan dalam memenuhi wakaf. Apakah sebenarnya sekiranya institusi wakaf mampu dipercasakan, misalnya tarikh wakaf di peruntukan untuk tujuan non-komersial, umat Islam berpuhing mendorong pendidikan seseorang

Israfil, seorang lelaki tapak perniagaan segara harta akik yang dikatakan disambangkan serta urut Islam tidak pernah berfungsi ekonomi pada masa yang lalu.

Dalam Malaysia, 894.7 hektar tanah wakaf yang dimiliki oleh institusi wakaf masih belum dibangunkan setelah 10 tahun mendapat status wakaf (B449). Berbezarkan laporan Jatawan Wakaf, Zakat dan Ifal (JAZIF) yang dikeluarkan pada 7 Januari 2009, peratusan tanah wakaf berjaya dimanfaatkan untuk tujuan non-komersial adalah 62.22 peratus dan 37.78 peratus untuk tujuan komersial.

YWM berterima kasih sebagaimana untuk wakaf yang dimiliki oleh institusi wakaf selepas mendapat persetujuan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Pengembangan (JPP) yang diadakan di Kuala Terengganu pada 25 Mei 2008. JPP ini merupakan hasil kerjasama antara Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 16 Julai 2007.

14 | DEWAN EKONOMI September 2009



### Kaunter Luar Wakaf Tunai Malaysia

Pada Ramadhan 1430H yang lalu, YWM telah membuka kaunter luar WTM di PPZ-MAIWP di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kaunter luar ini bertujuan memberi ruang kepada umat Islam yang membayar zakat untuk turut serta berwakaf tunai. Kaunter luar ini bertemakan "Wakaf: 1 Pelaburan Abadi".

Di antara kaunter luar YWM adalah:



Bil	Aktiviti	Tarikh
1	PPZ -MAIWP Cawangan Taman Shamelin Perkasa	5 hari seminggu sepanjang Ramadhan (9.00 pagi – 5.00 petang)
2	PPZ -MAIWP Seksyen 5 Wangsa Maju	5 hari seminggu sepanjang Ramadhan (9.00 pagi – 5.00 petang)
3	PPZ- MAIWP Daruzzakah, Kg. Baru	5 hari seminggu sepanjang Ramadhan (9.00 pagi – 5.00 petang)

## PROJEK DAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

### Penubuhan Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB)

PWNB, sebuah syarikat milik penuh YWM telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 2 Jun 2009 dengan objektif utamanya adalah untuk menjadi agen pelaksana pembangunan tanah-tanah wakaf di bawah pentadbiran MAIN di seluruh negara dengan cekap dan terancang.

Sepertimana penubuhan YWM, PWNB berfungsi sebagai pelengkap kepada usaha memperkasakan institusi wakaf dan tidak akan mengambil alih pengurusan tanah-tanah wakaf di setiap negeri yang kekal di dalam MAIN.

### Perancangan Projek Ikon Wakaf

YWM, sebagai sebuah entiti wakaf di peringkat Kebangsaan yang baru ditubuhkan, telah merancang untuk melaksana program pembangunan projek ikon wakaf bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat Islam khususnya di Malaysia mengenai kepentingan amalan berwakaf.





## Laporan Tahunan JAWHAR 2009

78

Bagi tujuan mengenalpasti projek-projek ikon yang berpotensi untuk dilaksanakan, YWM telah mengadakan siri kunjungan hormat dan lawatan tapak ke MAIN seperti berikut:

BIL	TARIKH	MAIN	PERKARA/CADANGAN PROJEK
1	20 Mei 2009	Perlis	Kedai 1 Tingkat di Jalan Kangar
2	4 Jun 2009	Selangor	5 unit kedai 2 tingkat di Meru, Klang
3	20 Julai 2009	Terengganu	Kunjungan hormat ke pejabat MAIDAM
4	2 Ogos 2009	Negeri Sembilan	Food court di Taman Tasik Seremban
5	10 Ogos 2009	Kedah	Kunjungan hormat ke pejabat MAIK dan lawatan ke tapak cadangan Pusat Perlindungan Saudara Baru di Sungai Petani
6	19 & 20 Ogos 2009	Melaka	Kunjungan hormat ke pejabat MAIM dan lawatan kerja bersama KP JAWHAR ke tapak projek RMKe-9 JAWHAR
7	21 Ogos 2009	Johor	Kunjungan hormat ke pejabat MAIJ dan lawatan kerja bersama KP JAWHAR ke tapak projek RMKe-9 JAWHAR
8	4 September 2009	Negeri Sembilan	Kunjungan hormat ke pejabat MAINS dan lawatan kerja bersama KP JAWHAR ke tapak projek RMKe-9 JAWHAR
9	11 November 2009	Terengganu	Kunjungan hormat ke pejabat MAIDAM dan lawatan kerja bersama KP JAWHAR ke tapak projek RMKe-9 JAWHAR
10	12 November 2009	Kelantan	Kunjungan hormat ke pejabat MAIK dan lawatan kerja bersama KP JAWHAR ke tapak projek RMKe-9 JAWHAR





## PROJEK WAQAF MART DAN BAZAR RAKYAT MAIN MELALUI PERUNTUKAN BAJET 2010

Pada pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan (2010) di Dewan Rakyat pada 23 Oktober 2009, Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak dalam Ucapan Bajet 2010 telah menyatakan bahawa *"Kerajaan akan membangunkan harta tanah wakaf di seluruh negara bagi tujuan khairat dan amal jariah. Untuk ini, YWM akan melaksanakan program pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan ummah terutamanya projek kecil berbentuk ekonomi yang berimpak besar kepada masyarakat. Fokus utamanya adalah untuk membasmi kemiskinan tegar serta meningkatkan taraf sosio-ekonomi umat Islam. Antara projek yang dirancang adalah membina Kedai Wakaf Rakyat di kawasan masjid terpilih dan bazar peniaga kecil untuk orang ramai, termasuk golongan asnaf. Sebagai permulaan, bagi menjayakan inisiatif yang penuh barakah ini, sejumlah 20 juta ringgit akan disediakan".*

Selaras dengan kelulusan tersebut, YWM mencadangkan pembangunan projek-projek kecil berimpak besar di atas harta tanah wakaf bagi menyumbang kepada usaha peningkatan sosio-ekonomi masyarakat setempat serta menyediakan peluang bermiaga secara kecil-kecilan di tempat

strategik sebagai usaha untuk mengurangkan kemiskinan tegar. YWM telah merancang untuk melaksanakan dua bentuk projek rakyat centric iaitu:

### Waqaf Mart


- Perniagaan runcit di dalam kawasan-kawasan masjid yang strategik dengan kedapatan penduduk yang tinggi; dan
- Berkonsepkan harga borong atau harga kompetitif supaya manfaat dapat disalurkan secara langsung kepada masyarakat.

### Bazar Rakyat MAIN


- Ruang niaga bazar berpusat yang dibangunkan di atas tanah-tanah wakaf yang strategik; dan
- Disewakan pada kadar yang minima kepada peniaga kecil dari kalangan fakir miskin.

Sehingga ke tarikh laporan, YWM telah membuat tinjauan, menganalisa dan mengenalpasti 40 tapak di 11 buah negeri yang bersesuaian untuk dibangunkan sebagai Wakaf Mart dan Bazar Rakyat MAIN seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah:

Bil	Negeri	Tarikh Lawatan (Dis 2009)	Bil. Tapak Dilawati	Tapak Sesuai	Tapak Ditolak	Projek Bazar Rakyat	Projek Wakaf Mart
1.	Negeri Sembilan	3 & 4	9	5	4	2	3
2.	Kedah	9	4	2	2	2	-
3.	Perlis	10	10	5	5	5	-
4.	Pulau Pinang	11	2	-	2	-	-
5.	Melaka	22	4	3	1	3	-
6.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	22 & 23	11	4	7	4	-
7.	Johor	23 & 24	10	7	3	7	-
8.	Selangor	24	7	3	4	3	-
9.	Pahang	28 & 29	5	3	2	3	-
10.	Terengganu	30	2	1	1	1	-
11.	Kelantan	31	8	3	5	3	-
12.	Sabah	28 & 29	5	4	1	4	-
JUMLAH			77	40	37	37	3



Kesemua projek ini akan dilaksanakan di dalam tahun 2010 selaras dengan kelulusan Bajet 2010 tersebut. Pada ketika ini, YWM dan MAIN yang terlibat sedang dalam proses menyediakan reka bentuk, membuat pengiraan kos pembangunan dan melantik kontraktor-kontraktor bagi melaksanakan pembangunan projek ini.



Gambar di beberapa lokasi tapak projek-projek kecii berimpak besar di seluruh negara

## KERJASAMA STRATEGIK ANTARA YWM DENGAN INSTITUSI PERBANKAN ISLAM

WTM, skim wakaf tunai yang dilaksanakan oleh YWM merupakan produk utama YWM yang bertujuan untuk mengumpul dana bagi membiayai aktiviti-aktiviti pembangunan dan kebajikan demi kemaslahatan ummah. Kaedah pelaksanaan WTM oleh YWM telah dibentangkan pada Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Bil.1/2009 pada 30 Januari 2009.

Namun, daripada soft *launch* yang telah dilaksanakan melalui taklimat kepada agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal agama Islam, YWM mendapati bahawa tahap pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap institusi wakaf, peranannya dan amalan pewakafan masih lagi di peringkat yang rendah.

Pendekatan dan strategi yang berkesan perlu digunakan supaya penyebaran dan pencapaian (*reach*) ke pasaran dapat diperluaskan. Bagi mencapai tujuan murni ini, YWM telah mengadakan kerjasama strategik dengan beberapa Institusi Perbankan Islam untuk melaksanakan beberapa program antaranya:

### Program Ejen Kutipan Wakaf Tunai Malaysia

Program ini merupakan perancangan sistematik dan teratur yang telah diusahakan oleh YWM untuk menyediakan kaedah pewakafan yang sistematik, efisien dan *customer-friendly* sebagai kemudahan kepada masyarakat Islam untuk melaksanakan ibadat wakaf.

Pembentukan kerjasama strategik antara YWM dan institusi-institusi Perbankan Islam disebabkan oleh beberapa faktor-faktor antaranya adalah:

- i. Setiap institusi Perbankan Islam mempunyai rangkaian cawangan di seluruh negara;
- ii. Institusi-institusi Perbankan Islam mempunyai kumpulan pelanggan tersendiri yang boleh membantu pencapaian ‘*quick win*’; dan
- iii. Saluran kutipan yang tersedia ada dan boleh diguna pakai oleh YWM dengan segera.




Sebagai langkah proaktif, perbincangan antara YWM dengan institusi-institusi Perbankan Islam sebagai rakan kerjasama strategik telah diadakan dan agenda perbincangan kedua-dua pihak adalah mengenai:

- i. Perlantikan institusi Perbankan Islam sebagai ejen kutipan dan pemasaran WTM; dan
- ii. Menyediakan *Memorandum of Understanding* (MoU) dan/atau *Agency Agreement*.

Status kerjasama strategik antara YWM dengan institusi-institusi Perbankan Islam adalah seperti berikut:

Bil	Nama Institusi	Status
1.	EONCAP Islamic Bank Berhad	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembukaan akaun selesai;</li><li>• Perbincangan awal telah diadakan pada Jun 2009; dan</li><li>• Peringkat penyediaan dokumen MoU dan/atau “Agency Agreement”.</li></ul>
2.	Maybank Islamic Berhad	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembukaan akaun selesai;</li><li>• Perbincangan awal telah diadakan pada September 2009; dan</li><li>• Peringkat penyediaan dokumen MoU.</li></ul>
3.	Public Islamic Bank Berhad	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembukaan akaun selesai; dan</li><li>• Peringkat perbincangan awal Jun 2009.</li></ul>
4.	RHB Islamic Bank Berhad	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembukaan akaun selesai;</li><li>• Perbincangan awal telah diadakan pada September 2009; dan</li><li>• Peringkat penyediaan dokumen MoU.</li></ul>
5.	AmlIslamic Bank Berhad	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembukaan akaun selesai; dan</li><li>• Peringkat perbincangan awal May 2009.</li></ul>
6.	Kuwait Finance	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembukaan akaun belum House selesai; dan</li><li>• Peringkat perbincangan awal Oktober 2009</li></ul>
7.	Al-Rajhi Bank (M)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembukaan akaun belum Berhad selesai; dan</li><li>• Peringkat perbincangan awal November 2009</li></ul>





EONCAP Islamic Bank Berhad adalah institusi Perbankan Islam yang terawal menunjukkan minat untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan YWM. Perbincangan kedua-dua pihak telah diadakan dan persetujuan awal membawa kepada penyediaan Memorandum Persefahaman (MoU) yang bertujuan untuk merangka hala tuju dan peranan yang jelas bagi kedua-dua pihak dalam usaha menjayakan kerjasama ini.

Draf MoU berkenaan telah dirujuk kepada Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Gubalan menasihati YWM supaya menyediakan "Agency Agreement" kerana ianya lebih komprehensif dan dapat menjamin hak-hak YWM.

Perbincangan lanjut telah diadakan antara YWM, EONCAP Islamic Bank Berhad dan wakil dari Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara, namun dokumen rasmi belum dimuktamadkan.

Dokumen rasmi yang akan dimuktamadkan antara YWM dan EONCAP Islamic Bank Berhad akan diaplikasikan pemakaianya dalam usaha mewujudkan kerjasama strategik dengan institusi-institusi Perbankan Islam lain yang berminat.

#### Program Pemasaran Dan Promosi WTM

Institusi Perbankan Islam akan memberi kebenaran kepada YWM untuk mengguna pakai kemudahan-kemudahan sedia ada untuk melancarkan operasi kutipan dan promosi Wakaf Tunai Malaysia.

Antara kemudahan yang dimaksudkan adalah:

- i. Promosi dan kutipan melalui perbankan internet (e-banking);
- ii. Promosi dan kutipan melalui mesin ATM;
- iii. Urusan wakaf tunai di kaunter bank;
- iv. Promosi di permukaan "Debit Card";
- v. Promosi melalui "Billing Statement";
- vi. Promosi melalui "Road Show" kedua-dua pihak; dan
- vii. Mempamerkan notis boleh berwakaf tunai di pintu masuk utama premis bank.

#### Program Ejen Pelaburan Dana Wakaf Tunai

Selain menjadi ejen kutipan dan pemasaran WTM, Institusi-institusi Perbankan Islam juga berminat untuk menjadi ejen pelaburan dana wakaf tunai. Oleh yang demikian, YWM akan mendapatkan khidmat nasihat Bahagian Gubalan, JPN dan satu perjanjian

berasingan perlu disediakan bagi memastikan kepentingan YWM diberi perhatian sepenuhnya.



YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR membuat sumbangan wakaf melalui Wakaf Tunai Malaysia



YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri membaca risalah Wakaf Tunai Malaysia di gerai pameran YWM



YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menandatangani buku pelawat YWM



## KURSUS DAN AKTIVITI ANJURAN YWM DAN AGENSI LUAR

### Penyertaan Festival Pembangunan Ekonomi Islam (I-Fest 2009) Anjuran Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)

Pada 22 hingga 26 Januari 2009; YaPEIM menganjurkan Festival Pembangunan Ekonomi Islam 2009 atau dikenali sebagai i-Fest 2009 bertempat di Mid Valley Exhibition Centre (MVEC), Kuala Lumpur. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan isteri serta dihadiri oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Objektif penganjuran Festival ini adalah sebagai platform untuk menyampaikan maklumat dan mempromosikan perkhidmatan/produk, pencapaian semasa dan potensi dalam bidang keusahawanan yang disediakan oleh institusi/badan-badan/syarikat yang terbabit kepada masyarakat. Di samping itu juga, ia merupakan medan yang sesuai untuk pemadanan (match making) sekaligus mewujudkan jaringan perniagaan di kalangan usahawan Muslim dan institusi atau badan yang menawarkan produk dan perkhidmatan usahawan. Tambahan pula, program ini merupakan medium yang sesuai ke arah pembinaan budaya keusahawanan khususnya di kalangan generasi muda dengan memberi suntikan semangat serta garis panduan untuk memulakan ses sebuah perniagaan.

Justeru itu, ia merupakan satu peluang yang besar kepada YWM untuk menguar-uarkan kewujudan dan peranan YWM sebagai sebuah entiti wakaf di peringkat Kebangsaan kepada masyarakat umum dengan lebih dekat lagi. Program tersebut juga turut disertai oleh agensi Kerajaan terutamanya agensi Islam/Badan Kerajaan/institusi kewangan/persatuan dan pertubuhan dari seluruh Malaysia. Di samping itu juga, YWM dapat memperkenalkan produk pertamanya iaitu "Wakaf Tunai Malaysia". Pelbagai strategi disusun bagi menarik minat pengunjung untuk menyertainya yang bertujuan untuk mengumpul dana bagi menjana pembangunan hartanah wakaf di Malaysia secara amnya.

### Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah (Malpa) YWM Tahun 2009

Pada 30 Januari 2009; Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah (MALPA), YWM Bil. 1/2009 telah diadakan di Dewan Syura, JAKIM dan dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh tokoh-tokoh korporat, wakil daripada MAIN dan wakil pegawai Kerajaan. Sebanyak lapan (8) kertas cadangan telah dibentangkan dan hasilnya beberapa cadangan telah diluluskan untuk dilaksanakan.

Pada 5 November 2009; Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah (MALPA), YWM Bil.2/2009 telah diadakan di Hotel Grand Season, Kuala Lumpur.



Koleksi gambar-gambar sepanjang i-Fest 2009





Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah (MALPA) Yayasan Waqaf Malaysia Bil.1/2009 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Mesyuarat kali ke-2 bagi tahun 2009 dipengerusikan buat julung kalinya oleh Pengurus YWM yang baru, YB Senator Mejaz Jeneral Dato' Seri Hj. Jamil Khir Hj. Baharom (B) selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat kali ini mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan ahli yang hadir. Antara tokoh korporat yang hadir ialah YBhg Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation, Yang Dipertua dan Setiausaha MAIN serta wakil daripada agensi Kerajaan.

YB Senator Mejaz Jeneral Dato' Seri Hj. Jamil Khir Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengurus YWM menandatangani buku kehadiran Mesyuarat MALPA YWM Bil.2/2009



YB Senator Mejaz Jeneral Dato' Seri Hj. Jamil Khir Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengurus YWM menandatangani buku kehadiran Mesyuarat MALPA YWM Bil.2/2009

Mesyuarat tersebut yang bermula pada jam 2.30 petang membentangkan sebanyak tujuh kertas cadangan. Kesemua kertas cadangan yang dibentangkan diluluskan oleh ahli Lembaga Pemegang Amanah dan mesyuarat berakhir pada jam 5.30 petang.

#### **Seminar Pembangunan Hartanah Wakaf Pegawai Wakaf Majlis Agama Islam Negeri**

Pada 24 - 27 April 2009; Dalam konteks negara Malaysia, kefahaman tentang peranan wakaf dalam menjana sumber ekonomi yang signifikan masih belum menyeluruh dan bersepada. Lantaran itu, YWM telah menganjurkan sebuah seminar bertajuk "Pembangunan Hartanah Wakaf Pegawai Wakaf Majlis Agama Islam Negeri-negeri" yang berlangsung selama 4 hari 3 malam bertempat di Mayang Sari Resort, Port Dickson bermula 24 hingga 27 April 2009. Seminar tersebut dirasmikan oleh YBrs Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR, En. Abd. Ghafar Yusof.

Seminar telah dihadiri oleh peserta yang terdiri daripada pegawai wakaf MAIN, pegawai JAWHAR, pegawai Tabung Haji Technologies Sdn. Bhd dan pegawai YWM. Objektif utama seminar adalah untuk merangka strategi dan susun galur pembangunan hartaanah wakaf di samping memperkuatkannya ukhuwah dan menyatukan fikrah seterusnya mengeratkan hubungan kerjasama dua hala antara pegawai YWM dan pegawai wakaf MAIN. Sesi seminar ini dibahagikan antara bengkel dan ceramah yang melibatkan pakar-pakar motivasi dan juga jemputan khas daripada WAREES bagi berkongsi pengalaman kejayaan pembangunan wakaf di Singapura.

Berakhirnya seminar diharap ianya dapat menjadi wadah membuka minda dan berkongsi percambahan fikiran antara YWM dan pegawai wakaf MAIN seterusnya dapat merealisasikan penubuhan YWM itu sendiri di dalam memajukan pembangunan wakaf seiring dengan arus perdana.

#### **Majlis Perasmian Pejabat Yayasan Waqaf Malaysia**

Pada 14 Ogos 2009; Adalah merupakan hari yang bersejarah kepada YWM di atas penyempurnaan perasmian pejabatnya oleh YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR merangkap Naib Pengurus YWM. Majlis ini disambut dengan penuh meriah serentak dengan Hari Bersama Ketua Pengarah JAWHAR bagi bulan Ogos 2009 dan



Sesi bergambar bersama peserta Seminar Pembangunan Hartanah Wakaf Pegawai Wakaf MAIN

telah dihadiri seramai 150 orang tetamu yang terdiri daripada warga JAWHAR dan wakil daripada pejabat-pejabat berhampiran.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa daripada Us. Mohd Fazlly Rosli dan diikuti dengan acara memperkenalkan seluruh warga kerja YWM kepada tetamu yang hadir. Majlis seterusnya mendengar ucapan aluan daripada En. Azri Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif YWM dan dalam ucapan beliau menyatakan hasrat agar YWM terus berkembang dan berdaya saing dalam membangunkan hartaanah wakaf di Malaysia. Beliau juga berharap selepas Majlis ini, YWM akan lebih dikenali oleh masyarakat di negara ini. Selaras dengan itu juga satu taklimat Perlaksanaan WTM oleh En. Syarqawi Muhammad, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Wakaf Tunai telah disampaikan. Tetamu telah diberi input serba sedikit berkenaan perlaksanaan wakaf tunai di Malaysia dan beberapa contoh kejayaan hasil daripada pengumpulan dana wakaf.



Ucapan aluan oleh En. Azri Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif YWM sempena Majlis Perasmian Pejabat YWM


Acara kemuncak bagi majlis ini adalah upacara memotong reben dan menandatangani plak perasmian oleh YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd. Salleh, Naib Pengurus YWM. YBhg Dato' juga telah meluangkan masa untuk mengadakan lawatan sekitar pejabat YWM. Majlis ini terus meriah dengan sambutan hari ulang tahun warga YWM dan JAWHAR.



YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR menandatangani plak perasmian pejabat YWM

#### Kursus Manual Prosedur Kerja (MPK) Dan Fail Meja Dan Kursus Pengucapan Awam Anjuran Yayasan Waqaf Malaysia

Pada 29 hingga 30 Jun 2009; bertempat di JAWHAR, YWM telah berlangsung kursus Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja yang disertai oleh semua warga kerja YWM dan beberapa wakil daripada JAWHAR. Objektif utama kursus ini dianjurkan adalah sebagai langkah awal bagi memberi pendedahan mengenai kaedah-kaedah penyediaan MPK dan fail meja kepada warga YWM serta dijadikan sumber rujukan pejabat bagi meningkatkan produktiviti sebagai



sebuah entiti wakaf di peringkat Kebangsaan. YWM telah menjemput dua orang penceramah daripada Institut Tadbir Awam (INTAN) untuk menyampaikan ceramah bagi kursus tersebut.

Dalam usaha bagi memastikan setiap pegawai YWM mempunyai kemahiran berkomunikasi YWM telah mengambil langkah inisiatif untuk menganjurkan Kursus Pengucapan Awam yang diadakan di pejabat YWM pada 17 hingga 19 Jun 2009. Selain itu, YWM berharap pada hujung kursus tersebut, para pegawai YWM mempunyai keyakinan *interpersonal* dan *intrapersonal* bagi berhadapan dan bersemuka dengan masyarakat luar dalam memberi kesedaran untuk melaksanakan ibadat wakaf. YWM telah menjemput seorang tokoh yang telah lama mengukir nama dalam bidang pidato di Malaysia iaitu YBhg Dato' Dr. Syed Ahmad Syed Syamsuddin, Pengetua Persatuan Pidato Nusantara. Sepanjang dua hari kursus ini dijalankan, peserta kursus diajar dan dilatih untuk berkomunikasi secara berkesan dan boleh memberi impak yang besar kepada audiensi yang mendengar.



Pegawai-pegawai YWM khusuk mendengar ceramah daripada penceramah



Ketua Pegawai Eksekutif YWM menyampaikan cenderahati kepada penceramah





## LEMBAGA ZAKAT ANTARABANGSA



### Majlis Perjanjian Kumpulan BMB Dan IZO Bagi Melantik BMB Sebagai Pengurus Bersama Dana Zakat IZO

Pada 18 Februari 2009; jam 10.00 pagi, Tn. Hj. Mat Hassan Esa dan pihak pengurusan BMB Group telah mengadakan kunjungan hormat kepada YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kunjungan ini adalah untuk memperkenalkan BMB dan menjelaskan bentuk kerjasama yang bakal dijalankan antara BMB dengan IZO. Pada pukul 3.00 petang hari yang sama, majlis menandatangani perjanjian *Co-Fund Management and Distribution* di antara IZO dan BMB Group telah diadakan di Hotel Sri West Pan Pacific, Kuala Lumpur yang telah disaksikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Hasil daripada perjanjian ini, BMB akan membantu IZO bagi mensasarkan kutipan tahunan sebanyak RM2 bilion untuk dana zakat dan wakaf sebaik saja ditubuhkan. Dalam tempoh lima tahun, BMB mensasarkan sebanyak RM10 bilion akan dapat dijanakan hasil daripada kerjasama ini. Dana zakat ini akan disalurkan bagi menjalankan projek-projek pembasmian kemiskinan, pembangunan ekonomi dan bantuan bencana di negara-negara yang terpilih. Majlis ini mendapat liputan yang baik daripada pihak media tempatan dan antarabangsa.



Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa (kiri), Dr. Humayon Dar, CEO BMB Islamic (kanan) disaksikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (tengah) dan YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh (belakang)

### Lawatan Promosi Dan Pemasaran IZO Ke Negara-Negara Timur Tengah

Pada 22 Mac 2009; Tn. Hj. Mat Hassan Esa dan dua orang kakitangan IZO (En. Humaid Ahmad dan Dr. Abdul Qadir) telah berangkat ke Doha, Qatar bagi memulakan Lawatan Pemasaran ke Negara-negara Timur Tengah. Lawatan ini telah berakhir pada 18 April 2009.

Senarai negara yang telah dikunjungi sepanjang lawatan tersebut seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Negara
1.	22 - 25 Mac	Doha, Qatar
2.	25 - 27 Mac	Bandar Manama, Bahrain
3.	27 - 31 Mac	Bandar Kuwait, Kuwait
4.	31 Mac - 4 April	Bandar Muscat, Oman
5.	4 - 9 April	Bandar Abu Dhabi, United Arab Emirates
6.	9 - 15 April	Bandar Riyadh, Arab Saudi



Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa (dua dari kiri) dan kakitangan IZO bergambar bersama Ulama terkemuka Sheikh Dr. Yusof Qaradhawi (tengah)



Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa (kiri) mengadakan perbincangan bersama Dr. Fareed Yaacub Al-Muftah, Timbalan Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Islam Bahrain (kanan)



Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa (dua dari kiri) mengadakan perbincangan bersama Dr. Abdul Qadir Al-Qyeal, Ketua Pengarah Zakat House Kuwait (kanan)



Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa (kiri) bersama Sheikh Abdullah Muhammad As-Salamy, Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Agama Oman (kanan)



Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa (kiri) bersalaman dengan Sheikh Dr. Wahbah As-Zuhaili, Ulama terkemuka (kanan) sebagai tanda sokongan dan bersetuju menjadi ahli IZO.



Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa (dua dari kiri) berjabat tangan Dr. Hadif Jaw'aan Athohiry, Menteri Undang-Undang dan Zakat UAE (tengah)



Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa (kiri) mengadakan perbincangan bersama Sheikh Dr. Abdul Aziz Abdullah Al-Anwar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Islam Arab Saudi (kanan)

#### Lawatan Kerja YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim Ke Ibu Pejabat IZO

Pada 26 April 2009; YB Senator Dato' Mashitah Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan lawatan kerja ke ibu pejabat IZO di Bangunan Tabung Haji. Taklimat ini turut dihadiri oleh Ketua Pengawai Eksekutif BMB Islamic UK Ltd., Dr. Humayon Dar. Taklimat tentang perkembangan IZO telah disampaikan oleh Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa, Ketua Pengawai Eksekutif IZO. Intipati utama taklimat tersebut adalah berkisar mengenai tahap perkembangan operasi IZO dan hasil dari lawatan Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa ke negara-negara Timur Tengah baru-baru ini. Dr. Humayon Dar juga telah memberi taklimat pada mesyuarat tersebut mengenai BMB Group dan peranan BMB dalam pengurusan dana zakat IZO-BMB yang bakal diwujudkan kelak.



### Lawatan Kerja Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa Ke Ibu Pejabat Sekretariat OIC Di Jeddah, Arab Saudi

Pada 11 - 14 Julai 2009; Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa dan pegawainya iaitu En. Mohamed Nazri Taib telah mengadakan lawatan kerja ke Sekretariat Persidangan Islam (OIC) di Jeddah. Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa telah mengadakan kunjungan hormat kepada Setiausaha Agung OIC iaitu YBhg Tan Sri Prof. Ekmeleddin Ihsanoglu. Hasil daripada pertemuan tersebut, YBhg Tan Sri Prof. Ekmeleddin Ihsanoglu bersetuju dengan konsep dan mekanisme zakat IZO dan seterusnya beliau memberikan sokongan terhadap IZO inisiatif Malaysia. Beliau juga bersedia untuk membantu IZO Malaysia bagi mendapatkan pengiktirafan dari negara-negara OIC yang lain. Pada keesokan harinya, Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Bahagian "Humanitarian Affairs" OIC, saudara Attar El Manani Baksit. Hasil daripada pertemuan itu, IZO dan bahagian Humanitarian Affairs OIC bersetuju bagi mengadakan kerjasama jangka panjang untuk membantu OIC dalam bantuan kemanusiaan sejagat.

### Lawatan Kerja YBhg Dato' Prof. Dato Sanu Kano Mustaffa Ke Ibu Pejabat IZO

Pada 17 Ogos 2009; Menteri Agama Republik of Guinea, YBhg Dato' Prof. Dr. Sanu Kano Mustaffa telah mengadakan lawatan kerja ke IZO. Dalam lawatan tersebut, Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa telah memberi taklimat serta mengadakan perbincangan mengenai fungsi dan operasi IZO. Dato' Dr. Sanu Kano Mustaffa berasa sangat gembira dan berpuas hati dengan lawatan tersebut.



Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa (kanan) bersalaman dengan Attar El Manani Baksit (kiri)



Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa (kiri) memberi taklimat kepada YBhg Dato' Dr. Sanu Mustaffa (kanan)



Tn. Hj. Mohammad Hassan Esa (kiri) bersama YBhg Tan Sri Prof. Ekmeleddin Ihsanoglu (kanan)





## Santapan Minda



### Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

*"Tidakkah mereka mengetahui bahwa sesungguhnya Allah membuat rezeki bagi sesiapa yang berkehendakkan-Nya, dan ia juga yang menyampaikan-Nya, sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan yang jelas bagi orang-orang yang percaya (ilmu dan kebijaksanaan Allah) ."*

*(Surah Al-Zumar: Ayat 52)*



### Sabda Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Abdullah Ibn Umar R.A.:

*"Sesungguhnya yang halal itu nyata dan yang haram itu nyata dan antara kedua-duanya perkara-perkara yang kesamaran, yang tidak diketahuinya oleh kebanyakan manusia. Maka barang siapa memelihara (dirinya dari) segala yang kesamaran, sesungguhnya ia memelihara bagi agamanya dan kehormatannya. Dan barang siapa jatuh ke dalam perkara kesamaran, jatuhlah ia ke dalam yang haram seperti seorang penggembala yang menggembala di sekeliling kawasan larangan, hampir sangat (ternaknya) makan di dalamnya. Ketahuilah! Bahawa di dalam badan ada seketul daging, apabila ia baik, baiklah badan seluruhnya dan apabila ia rosak, rosaklah sekaliannya. Ketahuilah! Itulah yang dikatakan hati."*

*(Riwayat Imam Bukhari dan Muslim)*





# Majlis Majlis Utama JAWHAR 2009



## MAJLIS-MAJLIS UTAMA JAWHAR 2009

### JANUARI

15 Januari 2009

Lawatan Kerja Department Agama Indonesia



19 Januari 2009

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan (JPBK) Bil.1/2009, Hotel Equatorial Bangi

Sembilan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Kebangsaan Bil.1/2009 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat JPBK ini merupakan satu wadah untuk MAIN bertemu dan berbincang berhubung urusan dan hal ehwal baitulmal. Sebanyak lima kertas makluman dan cadangan telah dibentang dan dibincangkan semasa Mesyuarat tersebut.



Pada JPBK kali ini juga telah diadakan Majlis Menandatangi Perjanjian Persefahaman (MOU) antara JAWHAR dengan Universiti Malaya (UM) & Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd. (IBFIM)

**22 – 26 Januari 2009**

**Penglibatan JAWHAR dalam Festival Pembangunan Ekonomi Islam (i-Fest) 09, MidValley Kuala Lumpur**

**29 Januari 2009**

**Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin**

Majlis Penyerahan sumbangan Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin diadakan di Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri.

Penyerahan cek tersebut telah disampaikan oleh YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh kepada YBhg Dato' Zainol Othman, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir menyampaikan sumbangan tersebut ialah wakil daripada Jabatan Audit Negara.

Sumbangan tersebut menunjukkan keprihatinan warga kerja JAWHAR terhadap peristiwa yang dialami oleh rakyat Palestin.

**30 Januari 2009**

**Mesyuarat Ahli Lembaga Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) Bil.1/2009**



## FEBRUARI

**6 Februari 2009**

**Lawatan Kerja Universiti Utara Malaysia (UUM) ke JAWHAR**

Ketua Pengarah JAWHAR telah menerima satu lawatan kerja dari Kolej Perniagaan UUM yang diketuai oleh Prof. Dr. Mahamad Tayib, Penolong Naib Canselor, Kolej Perniagaan UUM. Lawatan ini merupakan langkah awal dalam membuka ruang bagi kerjasama yang lebih erat di masa akan datang. Lawatan kerja ini turut membincangkan hal-hal berkaitan baitulmal dan kewangan Islam berkisarkan peranan JAWHAR dalam usaha membantu memberi nilai tambah kepada peranan stakeholders utama Jabatan.

**13 Februari 2009**

**Majlis Perasmian Projek Pusat Kegiatan Saudara Baru**

Majlis Perasmian Projek Pusat Kegiatan Saudara Baru telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Utama Hj. Mohamad Hj. Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan bersama YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bertempat di Seremban, Negeri Sembilan.





Pembinaan Pusat Kegiatan Saudara Baru, Seremban, Negeri Sembilan merupakan salah satu projek Program Pembangunan Harta Wakaf di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) yang dilaksanakan oleh JAWHAR dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

Pusat Kegiatan Saudara Baru ini akan memberikan peluang kepada masyarakat Muslim Cina untuk mendalami ilmu-ilmu agama Islam dan secara tidak langsung ia akan dapat menarik minat masyarakat Cina yang bukan Muslim untuk memeluk agama Islam.

#### 17 Februari 2009

**Lawatan Sambil Belajar Berkaitan Amalan 5S dari Kementerian Kewangan**

#### 19 Februari 2009

**Lawatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**

#### 23 Februari 2009

**Majlis Pecah Tanah Hotel Wakaf Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)**


Majlis Perasmian Projek Hotel Wakaf Majlis Agama Islam Melaka telah disempurnakan oleh YB Tn. Hj. Ghazale b. Mohamad, Timbalan Pengerusi Majlis

Agama Islam Melaka mewakili YAB Dato' Sri Hj. Mohd Ali b. Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka bersama YB Dato' Seri Dr. Hj. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Melaka. Pembinaan Hotel Wakaf Majlis Agama Islam Melaka di Tg. Kling, Melaka Tengah, Melaka merupakan salah satu projek di bawah Program Pembangunan Harta Wakaf, Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) yang dilaksanakan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama MAIM.

Hotel Wakaf MAIM ini dibina bagi memenuhi tuntutan fardhu kifayah dengan menyediakan keperluan penginapan kepada umat Islam yang bermusafir dengan bayaran yang setimpal, selain meningkatkan sosioekonomi umat Islam melalui cabang-cabang perniagaan yang diwujudkan dalam operasi pengurusan hotel.

#### 24 Februari 2009

**JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil.1/2009 dengan tema "Institusi Wakaf Melestarikan Hadharah Ummah" telah diadakan di Auditorium E, Kompleks E Putrajaya dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasian serta Bahagian Wakaf.**



MAC



### 9 Mac 2009

#### Penyertaan JAWHAR dalam Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1430H

Sambutan Maulidur Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1430H telah diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Majlis telah dirasmikan oleh DYMM Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin. Seramai 100,000 peserta telah menyertai perarakan tersebut.

Tema sambutan kali ini bertepatan dengan tuntutan dan cabaran alaf ke-21, umat Islam diseru untuk menghayati sejarah kehidupan Nabi Muhammad SAW yang menekankan kepentingan kesatuan di kalangan manusia sebagai pemangkin khaira ummah.

### 19 - 22 Mac 2009

#### JAWHAR menyertai Mini Fest Changkat Jering 2009 sempena Program Gerakan Kesedaran dan Pendidikan Ekonomi Umat bertempat di Changkat Jering, Perak

JAWHAR telah menyertai Program Gerakan Kesedaran dan Pendidikan Ekonomi Umat selama empat hari yang diadakan di Dewan Bunga Raya, Changkat Jering, Perak. Program ini dianjurkan oleh

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPEIM) dengan kerjasama JAWHAR, JAKIM dan JKSM telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Penganjuran program tersebut adalah sempena aktiviti Bulan Dakwah Peringkat Kebangsaan yang telah dirasmikan oleh DYMM Yang Di-Pertuan Agong yang lalu.



### 30 Mac - 1 April 2009

#### Mesyuarat Penyediaan Manual Pengurusan Harta Syubhah (MPHS), Hotel A'Famosa Melaka

Manual Pengurusan Wang Syubhah merupakan salah satu terbitan Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang menyediakan panduan dan tadbir urus terbaik kepada MAIN dan masyarakat awam berkaitan pengurusan hal ehwal harta syubhah (tidak patuh syariah).

Penyediaan MPHS ini dilaksanakan dengan komitmen padu beberapa orang ahli akademik dari institut pengajian tinggi awam serta pegawai-pegawai MAIN seluruh negara bagi mendapatkan satu manual yang seragam untuk diguna pakai bersama.



**APRIL**

**12 - 14 April 2009**

#### **Kursus Pemantapan Sahsiah dan Kerja Berpasukan (Team Building) JAWHAR 2009**

Kursus Pemantapan Sahsiah dan Kerja Berpasukan (Team Building) 2009 bagi Kumpulan Sokongan JAWHAR telah diadakan pada 12 hingga 14 April 2009 di Institut Tadbiran Awam Negara Wilayah Utara (INTURA). Pelaksanaan kursus ini telah dirancang sejak awal tahun 2009 lagi oleh Unit Sumber Manusia, BKPSM. Ia bertujuan untuk memupuk sikap esprit de corps di kalangan warga JAWHAR dalam usaha menjadi sebuah organisasi yang kuat, bekerjasama dan bersatu padu. Seramai 30 orang warga JAWHAR telah menyertai kursus ini iaitu seorang daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala selebihnya seramai 29 orang adalah daripada Kumpulan Sokongan.



14.04.2009

**16 April 2009**

#### **Lawatan Kemboja ke JAWHAR**



JAWHAR telah menerima kunjungan hormat daripada pemimpin-pemimpin Islam Kemboja. Rombongan ini terdiri daripada ahli-ahli Majlis Muafakat Dakwah Malaysia Kemboja yang diketuai oleh H.E. Dr. Sos Mousine, Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama Kemboja. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai pengurusan institusi haji di Malaysia dan juga untuk melihat prospek bagaimana JAWHAR dapat membantu ke arah penubuhan sebuah institusi haji di Kemboja.

Majlis sambutan tersebut turut dihadiri oleh wakil-wakil dari Lembaga Tabung Haji (LTH), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan kakitangan JAWHAR. Pihak rombongan Kemboja telah menyatakan harapan agar dapat mewujudkan kerjasama serantau dengan Malaysia untuk mewujudkan sistem pengurusan haji di Kemboja.

**21 April 2009**

#### **Hari Bersama Pelanggan JAWHAR Bil.1/2009 di Auditorium Kompleks E**



14.04.2009



**21 April 2009****JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil.2/2009 dengan tema “Zakat Dihulur, Asnaf Bersyukur”**

Penganjuran JID Bil.2/2009 di Auditorium Parcel E pada 21 April 2009 adalah sebahagian daripada program pemantapan kefahaman masyarakat terhadap bidang-bidang teras yang telah dipertanggungjawabkan kepada JAWHAR. JID pada kali ini yang bertemakan “Zakat Dihulur, Asnaf Bersyukur” telah menemukan dua penceramah yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut iaitu Prof. Madya Dato’ Dr. Hailani Muji Tahir dari UKM yang telah membentangkan kertas bertajuk “Memantapkan Pelaksanaan Agihan Zakat di Institusi Zakat di Malaysia: Satu Saranan Penambahbaikan” dan Dr. Mujaini Tarimin dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang telah membentangkan kertas bertajuk “Konsep Agihan Zakat dan Aplikasi Semasa”. Seramai 350 orang jemputan telah hadir dalam pembentangan ini.

**21 April 2009****Lawatan Kerja YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

JAWHAR telah menerima kunjungan dari YB Senator Mejar Jeneral Dato’ Seri Hj. Jamil Khir Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri berserta pegawai-pegawai dari pejabat beliau sempena lawatan kerja YB Menteri ke agensi di bawah seliaannya. Ini merupakan lawatan julung-julung kalinya YB Menteri ke JAWHAR sepanjang pelantikan beliau sebagai Menteri di JPM yang dipertanggungjawabkan terhadap hal ehwal agama Islam.

Lawatan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai peranan dan program/aktiviti-aktiviti di JAWHAR kepada YB Menteri serta bertukar-tukar pandangan tentang bidang teras Jabatan ini. Majlis lawatan kerja ini turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YWM, Ketua Pengarah JAWHAR, pegawai-pegawai kanan JAWHAR dan YWM.





**25 April 2009**  
**JAWHAR Menyertai Pertandingan Congkak Peringkat JPM**



**26 - 27 April 2009**  
**JAWHAR Menyertai Konvensyen Kumpulan Meningkat Mutu Kerja Peringkat JPM**



## MEI

**19 Mei 2009**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan (JPBK) Bil. 2/2009.**

Mesyuarat JPBK Bil. 2/2009 telah diadakan di Hotel Palace of The Golden Horses pada 19 Mei 2009. Mesyuarat dipengerusikan oleh YB Mejah Jeneral Dato' Seri Hj. Jamil Khir Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim, wakil-wakil dari MAIN, SMZ/Baitulmal Negeri, agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri serta agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

Sebanyak tujuh kertas kerja cadangan dan makluman telah dibentangkan dalam Mesyuarat berkenaan. Turut dibincangkan adalah cadangan memperkasakan institusi zakat dan pengurusan wang zakat di negara ini.

Sempena JPBK ini, Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) antara JAWHAR dan UKM Pakarunding Sdn. Bhd. telah diadakan.





**21 Mei 2009  
Perasmian Minimart JAWHAR**

Majlis perasmian sudut Minimart JAWHAR telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAWHAR, YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh. Minimart ini diusahakan oleh Biro Ekonomi, KKSJ. Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan seterusnya acara memotong reben sebagai gimik perasmian.




**JUN**

**10 Jun 2009  
Pensijilan Persekutaran Kualiti JAWHAR 2009**

Pengauditan semula bagi pensijilan Amalan 5S JAWHAR telah dilaksanakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 10 Jun 2009. Proses pengauditan dimulakan dengan ucapan aluan YBrs Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR serta ucapan balas oleh Encik Muhammad Omar. Taklimat mengenai Pelaksanaan Amalan 5S telah disampaikan oleh Penyelaras Amalan 5S JAWHAR dan disusuli dengan pengauditan dokumen termasuk fail-fail Jawatankuasa Audit Dalam, Jawatankuasa Promosi, Jawatankuasa Latihan dan Jawatankuasa Induk Amalan 5S.

Aktiviti kemuncak pengauditan iaitu lawatan tapak telah diadakan oleh pihak MPC yang diiringi oleh Penyelaras 5S, Ketua-Ketua Jawatankuasa serta Ketua-ketua Zon. Pihak MPC telah mengadakan pembentangan penemuan audit yang telah dilaksanakan. Pelbagai syor telah dikemukakan untuk tujuan penambahan persekitaran kualiti Jabatan.





**11 Jun 2009**

Taklimat JAWHAR kepada MAMPU mengenai Dasar-Dasar dan Usaha-Usaha Penambahbaikan Berkaitan MAIN

Taklimat ringkas yang dipengerusikan oleh YBhg Dato' Ketua Pengarah JAWHAR ini bertujuan untuk memberikan gambaran lebih jelas tentang visi, misi, objektif dan fungsi utama Jabatan ini kepada empat orang wakil MAMPU dalam usaha mereka menjalankan Kajian Dasar-dasar dan Usaha-usaha Penambahbaikan Berkaitan MAIN.

**24 - 25 Jun 2009**

Konvensyen Baitulmal Kebangsaan (KBK) 1430H/2009

Buat julung-julung kalinya JAWHAR dengan kerjasama MAIWP telah menganjurkan Konvensyen Baitulmal Kebangsaan (KBK) 2009 dengan tema "Baitulmal: Masihkah Relevan?" bertempat di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Konvensyen selama dua hari ini adalah bertujuan untuk menjana idea-idea baru dalam memperkasa institusi dan peranan baitulmal yang sebenar seperti mana pada zaman kegemilangan Islam.

Konvensyen yang dihadiri oleh seramai 381 peserta dari pelbagai golongan dan sektor - agamawan, ahli akademik, ahli korporat, pemimpin NGO, pentadbir dan pegawai Kerajaan, pegawai MAIN dan SMZ telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Sepanjang Konvensyen ini berlangsung, sebanyak 13 kertas kerja telah dibentang dan dibincangkan oleh para cendekiawan Islam dari pelbagai latar belakang

berkaitan pemerkasaan institusi baitulmal yang mempunyai potensi besar dalam memajukan taraf sosioekonomi umat Islam di negara kita. Selain itu, sebanyak 10 kertas kerja sisipan juga telah diedarkan kepada para peserta.





## JULAI

**6 Julai 2009**

### Pengauditan Tahap 1 Pensijilan MS 1900:2005

JAWHAR telah menjalani pengauditan Tahap 1 bagi Pensijilan MS 1900:2005 (Quality Management System From Islamic Perspective) yang dijalankan oleh SIRIM QAS International.

Pihak SIRIM QAS telah mengadakan pembentangan hasil penemuan audit yang telah dilaksanakan pada sebelah petangnya. Berdasarkan pengauditan yang dilakukan, JAWHAR telah berjaya melepas pengauditan Tahap 1 pensijilan tersebut dengan cemerlang. SIRIM QAS juga telah mengemukakan beberapa penambahbaikan manual kualiti dan prosedur kualiti untuk Pengauditan Tahap 2.

**11 Julai 2009**

### Lawatan ke Majlis Agama Islam Negeri Melaka (MAIM)

**14 Julai 2009**

### Lawatan 5S Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) ke JAWHAR

Seramai 16 orang warga daripada Seksyen Pemetaan dan Utiliti, JUPEM telah mengadakan lawatan ke JAWHAR bagi melihat pengamalan Persekitaran Berkualiti 5S dan berkongsi pendapat mengenai perkara tersebut. Rombongan ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Ukur, Dr. Mohd Yunus Mohd Yusoff.



**18 Julai 2009**

### Pertandingan Bowling Tertutup Warga JAWHAR


**27 hingga 28 Julai 2009**

### Kursus Intensif Bimbingan Haji (Siri 1) JAWHAR

Kursus Intensif Bimbingan Haji bagi musim 1430H/2009M Siri 1 telah diadakan dengan jayanya pada 27 dan 28 Julai 2009 bertempat di Auditorium EA Kompleks E. Kursus selama dua hari ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran seramai 300 orang peserta. Kursus ini adalah kesinambungan program tanggungjawab sosial JAWHAR. Kursus ini disasarkan kepada semua penjawat awam di sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur khususnya bagi mereka yang akan menunaikan haji pada tahun ini.

Tujuan utama kursus ini diadakan sebagai pelunasan tanggungjawab sosial (CSR) JAWHAR kepada masyarakat dengan menyediakan satu bentuk kursus haji secara profesional yang disampaikan dengan kemas, cepat dan mudah difahami kepada bakal jemaah haji dan memastikan segala persoalan berkenaan ibadat haji dapat dijawab dan diterangkan dengan jelas semasa kursus.

Bagi kursus ini, dua orang penceramah profesional dalam bidang haji telah diundang khas iaitu YBhg Dato' Md. Daud Che Ngah dan YBrs Ustaz Haji Mohd Hasnil Abu Bakar.





## Laporan Tahunan JAWHAR 2009

102

27 hingga 29 Julai 2009  
Bengkel Dokumentasi MS ISO 9001 Versi 2008

Bengkel Dokumentasi MS ISO 9001 Versi 2008 telah berlangsung selama tiga hari bermula 27 hingga 29 Julai 2009 bertempat di Ancasa All Suites Resorts & Spa, Port Dickson. Bengkel ini merupakan persiapan bagi menghadapi audit pematuhan oleh SIRIM QAS International pada bulan Ogos 2009.



30 Julai 2009  
Lawatan 5S MARITIM ke JAWHAR



## OGOS

3 Ogos 2009  
Audit Pematuhan MS ISO 9001 Versi 2008

Pengauditan pematuhan MS ISO 9001 versi 2008 untuk tahun kedua seterusnya telah dijalankan oleh pihak SIRIM QAS International.

YBrs En. Abd. Ghafar Yusof, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR memulakan majlis dengan ucapan aluan diikuti dengan ucapan balas oleh wakil dari SIRIM QAS International. Sesi audit telah bermula seawal jam 10 pagi dan telah berakhir pada lewat petang. Hasil audit tersebut, pihak SIRIM QAS telah berpuashati dengan pematuhan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di JAWHAR dan telah berjaya mengekalkan rekod tanpa ketidakakuruan seterusnya mendapat pensijilan MS ISO 9001 versi 2008.



4 - 5 Ogos 2009  
Kursus Intensif Bimbingan Haji (Siri 2) JAWHAR

JAWHAR telah berjaya menganjurkan Kursus Intensif Bimbingan Haji Siri 2 yang merupakan kesinambungan kepada Kursus Siri 1 yang telah



diadakan pada bulan Julai 2009. Kursus ini turut mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada penjawat awam dan keluarga.



#### 11 Ogos 2009

Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan (BZK) dan Seminar Zakat Kebangsaan (SZK) 2009



Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2009 telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Majlis sambutan ini diadakan di Dewan Tun Dr. Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Serentak dengan majlis ini, turut diadakan Seminar Zakat Kebangsaan 2009 dengan tema "1 Zakat, 1 Juta Harapan" yang dihadiri oleh hampir 400 orang tetamu jemputan dan peserta dari pelbagai agensi berkaitan zakat, antaranya ialah MAIN, Pusat-Pusat Zakat, Agensi Kerajaan dan Swasta. Sebanyak tiga kertas pembentangan berkaitan bidang zakat telah dibentangkan dalam seminar tersebut.





15 - 16 Ogos 2009

Lawatan ke Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)



17 - 19 Ogos 2009

Mesyuarat Penyediaan Manual Pengurusan Wakaf Tunai (MPWT)



Bengkel Manual Pengurusan Wakaf Tunai (MPWT) telah diadakan di A'Famosa Resort Melaka pada 17 hingga 19 Ogos 2009. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs En. Abd Ghafar Yusof, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR. Bengkel ini turut dihadiri oleh pakar rujuk JAWHAR iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Redzuan Awang (UKM) dan Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh Mahmood (UM). Bengkel ini telah dihadiri oleh 28 orang peserta yang terdiri daripada pegawai kanan JAWHAR, wakil setiap MAIN dan YWM.

Penganjuran bengkel ini selaras dengan usaha Jabatan dalam menerbitkan satu lagi siri pemantapan tadbir urus terbaik melalui penyebaran maklumat mengenai pengurusan wakaf tunai. Kertas-kertas kerja yang dibentangkan dalam bengkel ini akan dijadikan rujukan dalam proses menghasilkan MPWT. Manual ini akan dijadikan sumber rujukan oleh MAIN dan orang awam dalam pelaksanaan dan pengurusan wakaf tunai.



18 Ogos 2009

JAWHAR Intellectual Discourse Bil.3/2009 dengan tema “Kesempurnaan Ibadah Haji: Tinjauan Dari Perspektif Syariah, Pengurusan dan Sains Teknologi”

Sesi wacana minda kali ini telah dianjurkan pada 18 Ogos 2009 bertempat di Auditorium EA, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

Seminar yang dianjurkan ini bersempena dengan musim haji yang bakal tiba dengan bertemakan “Kesempurnaan Ibadat Haji: Tinjauan Dari Perspektif Syariah, Pengurusan dan Sains Teknologi”. Seramai 300 orang tetamu telah menghadiri majlis ilmu



tersebut yang sudah pasti dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan penghayatan mereka berkaitan haji.

Dua orang penceramah telah dijemput bagi mengupas topik tersebut iaitu YBhg Prof. Kamarulazizi Ibrahim dari Kluster Penyelidikan Haji (CETREE), USM dengan kertas kerja beliau yang bertajuk "Arus Perkembangan Sains dan Teknologi dalam Ibadat Haji" dan YBhg Prof. Dr. Hj. Muhd Kamil Ibrahim daripada UiTM Kampus Segamat yang membentangkan tajuk "Travelog Haji Mengubah Sempadan Iman".



**28 Ogos 2009**  
**Lawatan Delegasi Sudan ke JAWHAR**




## SEPTEMBER

**11 September 2009**  
**Majlis Iftar Ramadhan Anjuran JAWHAR dan YWM**



Majlis Iftar Ramadhan anjuran JAWHAR dan YWM telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya dengan menjemput anak-anak yatim seramai 20 orang bersama seorang penyelia daripada Maahad Tahfiz Darul Fuqaha yang berlokasi di Sg. Merab Luar, Kajang.





Majlis diserikan lagi dengan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim oleh YBrs Encik Abd. Ghafar Yusof, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR dengan diiringi oleh Encik Azri Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif YWM. Sumbangan hamper berserta sumbangan beras turut disampaikan kepada Ustaz Mohd Khairuddin Aman Razali At-Takiri, wakil pihak pengurusan Maahad Tahfiz Darul Fuqaha.

**29 September - 01 Oktober 2009**  
**Bengkel Audit Dalaman dan Penyediaan Laporan MS 1900:2005**

Satu Bengkel Audit Dalaman MS 1900:2005 telah diadakan di Bilik Gerakan JAWHAR dengan dihadiri oleh Ahli Pasukan Audit Dalaman MS 1900:2005. Bengkel yang berlangsung selama tiga hari ini diakhiri dengan penyediaan Laporan MS 1900:2005. Bengkel ini merupakan langkah persiapan yang dilakukan oleh JAWHAR dalam menghadapi pengauditan pematuhan oleh pihak SIRIM yang dijangka akan diadakan pada penghujung tahun 2009.

## OKTOBER

### 6 Oktober 2009

Lawatan 5S oleh Sub Unit Pengurusan Sekolah, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Putrajaya

Seramai 11 orang warga kerja dari Sub Unit Pengurusan Sekolah, Kementerian Pelajaran Wilayah Persekutuan Putrajaya telah mengadakan lawatan ke JAWHAR bagi melihat sendiri Persekitaran Berkualiti 5S dan berkongsi pendapat mengenai perkara tersebut. Rombongan ini diketuai oleh Ketua Unit Pengurusan Akademik Sekolah dan Pembangunan Kemanusiaan, YBrs Pn. Hjh. Farizah Ahmad. Taklimat mengenai pengamalan dan pengalaman



Persekitaran Berkualiti 5S Jabatan telah disampaikan oleh Penolong Penyelaras Amalan 5S JAWHAR.

**9 Oktober 2009**  
**Bengkel Audit Susulan MS 1900:2005**

Bengkel Audit Susulan ini merupakan bengkel lanjutan kepada Bengkel Audit Dalaman yang telah diadakan pada 30 September hingga 1 Oktober 2009. Bengkel ini telah dihadiri oleh 14 pegawai bagi membuat semakan pembetulan berdasarkan laporan audit tersebut.

Berdasarkan laporan Bengkel Audit Susulan ini, semua ketidakpatuhan yang dikenalpasti telah diambil tindakan pembetulan sewajarnya. JAWHAR telah bersedia sepenuhnya untuk melalui Audit Pematuhan Tahap 2 oleh SIRIM yang dijadualkan pada bulan Disember 2009.

**10 Oktober 2009**  
**JAWHAR menyertai Pertandingan Badminton, Karnival Sukan JPM 2009.**



14 Oktober 2009  
Lawatan 5S Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
ke JAWHAR



16 Oktober 2009  
Jamuan Hari Raya Aidilfitri JAWHAR 2009



#### 19 Oktober 2009 Mesyuarat Penasihat Syariah Bil.2/2009

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg Dato' Ketua Pengarah JAWHAR dan telah dihadiri oleh YBrs Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR, Pengarap-pengarah Bahagian dan pegawai-pegawai Gred 41 ke atas serta ahli-ahli Jawatankuasa penasihat Syariah JAWHAR. Mesyuarat diadakan bagi membentangkan laporan berkaitan audit MS 1900:2005 serta membincangkan langkah penambahbaikan sebagai persiapan terakhir sebelum menghadapi audit pematuhan Tahap 2 yang dijadualkan pada bulan Disember 2009.

#### 20 Oktober 2009 JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil.4/2009 dengan tema "Pusaka dan Wasiat: Harapan dan Keberkatan"

JID Bil.4/2009 telah diadakan pada 20 Oktober 2009 bersamaan dengan 1 Zulkaedah 1430H bertempat di Auditorium EA, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. JID pada kali ini yang bertemakan "Pusaka dan Wasiat: Harapan dan Keberkatan" telah dihadiri oleh seramai 275 orang peserta dari kalangan para pegawai dan kakitangan kerajaan di peringkat Persekutuan dan juga Negeri.

Dua tokoh yang sememangnya berkepakaran dalam bidang pusaka dan wasiat telah membentangkan kertas kerja mereka. Kertas kerja pertama dibentangkan oleh Ustaz Mohd Zamro Muda, Pensyarah di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM melalui tajuk "Wasiat: Aplikasi di Malaysia". Manakala pembentang kedua iaitu Tn. Hj. Wan Abdul Halim Wan Harun, Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) Negeri Perak melalui tajuk



"Penyelesaian dan Pembahagian Harta Pusaka: Isu dan Masalah".



## NOVEMBER

11 November 2009

Lawatan Dari Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), USM

Bahagian Zakat JAWHAR telah menerima kunjungan dari Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), USM. Delegasi yang disertai oleh empat orang ahli akademik universiti yang terdiri daripada Prof. Muhamad Syukri Salleh, Dr. Zahari Hamat, Dr. Zakaria Bahari dan En. Razali Othman adalah bertujuan untuk memahami serba sedikit mengenai perkembangan zakat di Malaysia serta peranan yang dimainkan oleh JAWHAR dalam tadbir urus zakat di Malaysia. Sesi perbincangan turut menyentuh mengenai pengaruh dan bidang kuasa pengurusan zakat ke atas kaedah perakaunan zakat serta faktor-faktor yang mempengaruhi kaedah perakaunan zakat.



12 November 2009

Lawatan Dari Indonesia Magnificence of Zakat (IMZ)

JAWHAR sekali lagi menerima kehadiran delegasi badan zakat dari negara Indonesia. Delegasi yang hadir pada kali ini ialah dari Badan Amil Zakat (BAZ),



Provinsi Riau serta Indonesia Magnificence of Zakat (IMZ). Delegasi seramai enam orang ini diketuai oleh M. Kushardanta S dari IMZ. Tujuan kunjungan ini adalah sebagai sebahagian dari siri lawatan anjuran IMZ ke pusat zakat negeri-negeri bagi memahami pengurusan pentadbiran dan zakat oleh negeri-negeri di Malaysia.

YBrs En. Abd Ghafar Yusof merangkap Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR dalam ucapan beliau berharap agar sesi lawatan ini dapat memberi gambaran kepada delegasi Indonesia tentang pengurusan zakat di negeri-negeri yang dilawati. Wakil delegasi mengharapkan agar sesi ini akan dapat menjalankan hubungan baik antara JAWHAR dengan agensi-agensi zakat di Indonesia.



**17 - 18 November 2009**  
**Latihan Penggunaan Sistem e-Wakaf Kepada MAIN**




Latihan penggunaan sistem e-Wakaf telah diadakan di Bilik Latihan ICT, MAIDAM, Kuala Terengganu pada 17 hingga 18 November 2009. Latihan ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pengguna untuk memasukkan data berkaitan tanah wakaf dan baitulmal menerusi sistem e-Wakaf serta keperluan teknikal pegawai ICT.

Seramai 10 orang peserta telah mengikuti latihan ini terdiri daripada MAIWP, MAIDAM dan MAIP yang terlibat dalam pelaksanaan perluasan sistem e-Wakaf selepas Kelantan, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka. Latihan penggunaan sistem e-Wakaf dikendalikan oleh Bahagian Teknologi Maklumat JAWHAR dengan kerjasama Unit ICT MAIDAM.

## DISEMBER

**2 Disember**  
**Lawatan Kajian Pembangunan Sistem Kementerian Kesihatan Malaysia**





**4 Disember 2009**

**Lawatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ke JAWHAR**

Fakulti Undang-Undang UIAM dengan kerjasama UN-HABITAT (NAIROBI) telah mengadakan lawatan ke JAWHAR. Kunjungan tersebut diadakan sempena menghadiri "Pilot Trainers Course on Land Administration and Development in Islam" di UIAM. Rombongan lawatan seramai 20 orang itu telah diketuai YBrs Dr. Salamon Haile.



Dua orang penceramah telah diundang bagi mengupas isu tersebut iaitu Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Hj. Ibrahim, Pensyarah Kanan Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam UM yang menyampaikan pembentangan bertajuk "Institusi Al-Azhar: Keunggulan Pengurusan Dana Wakaf Dalam Sejarah Tamadun Islam" dan Prof. Madya Dr. Ridzuan Awang, Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam UKM dengan tajuknya "Konsep Istibdal: Sejauhmana Amalannya di Malaysia".



**21 Disember 2009**

**Pengauditan dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia**



**22 Disember 2009**

**JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil.5/2009 dengan tema "Wakaf Melestarikan Hadharah Ummah"**

JID Bil.5/2009 telah berlangsung dengan jayanya pada 22 Disember 2009 bertempat di Auditorium EA, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Seramai 250 orang tetamu telah menghadiri majlis ilmu ini. Seminar kali ini bertemakan "Wakaf Melestarikan Hadharah Ummah" membicarakan tentang peranan Institusi Al-Azhar dalam menjaga dan mengembangkan dana wakaf, sehingga Institusi ini menjadi tersohor di persada dunia.





# Ceritera JAWHAR



- Penerbitan
- Modal Insan
- Mo U
- Anugerah
- Khidmat Nasihat





## PENERBITAN

### Jurnal Pengurusan



Laporan Tahunan



## Manual Pengurusan





The collage consists of several issues of the Buletin JAWHAR magazine from 2009, arranged in a grid-like fashion. The covers feature various events and themes:

- Top Cover:** Majlis Perasmian Projek Pusat Kegiatan Saudara Baru, Seremban, Negeri Sembilan.
- Middle Left Cover:** Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009.
- Middle Right Cover:** Bulan Zakat Kebangsaan 2009.
- Bottom Left Cover:** JAWHAR INTELLECTUAL DISCOURSE.
- Bottom Right Cover:** Buletin JAWHAR 2009.

Each cover includes the magazine's title "Buletin JAWHAR", the subtitle "Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji", and the tagline "PRAGMATIK • RESPONSIF • OLEHNT". The ISSN number "ISSN 1868-0029" is also present on some covers.

## Ujana Wakaf 2009

The collage consists of five magazine covers for 'Ujana WAKAF' from 2009, each featuring different headlines and images of officials. The covers are:

- Issue 1 BIL. 1/2009:** Headline: "Prawacana Ketua Pengarah". It features a portrait of a man in a suit and includes a flowchart diagram: PTP → Perjanjian Pajakan Tanah → Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-9; MAIN → Perjanjian Pembangunan Tanah; JAWHAR.
- Issue 2 BIL. 2/2009:** Headline: "PRAWACANA KETUA PENGARAH". It features a portrait of a man in a blue uniform and includes a text box about the establishment of SWTM.
- Issue 3 BIL. 3/2009:** Headline: "PRAWACANA KETUA PENGARAH". It features a portrait of a man in a blue uniform.
- Issue 4 BIL. 4/2009:** Headline: "PRAWACANA KETUA PENGARAH". It features a portrait of a man in a light blue shirt.
- Issue 5 BIL. 5/2009:** Headline: "Prawacana Ketua Pengarah". It features a portrait of a man in a suit.



## Tinta JAWHAR 20009



**SARI TINTA**  
**Konvensyen**  
MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR

**UCAPAMA PERDANA MENTERI**

**SARI TINTA**  
**Konvensyen**  
MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR

**UCAPAN PENUTUP MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**SARI MINDA**  
Beramal Jariah melalui wakaf,  
Cangan pahala yang berterusan

**Sabda Rasulullah S.A.W. :**  
Apabila mati anak Adam, akan terentihant amalannya kecuali tiga perkara:  
sedekah jariah (hartaz yang dilwakkikan), ilmu yang dimanfaatkannya dan  
anak yang soleh yang mendoakannya.

**HADITH RIWAYAT MUSLIM**

**UCAPAN PERASMIAN**

**BERAKHLAQI DAN BERAKHLAKI**

**SARI NURANI**  
LEMBAGA ZAKAT ANTARABANGSA  
"MEMPERKASAKAN UMMAH, MENYEBARKAN MESEJ ISLAM"  
Enriching The Ummah and Spreading The Message of Islam



## MODAL INSAN

### LAPORAN PELAKSANAAN LATIHAN

#### Tujuan

Kertas ini disediakan bertujuan membuat analisa pemantauan kehadiran seluruh warga JAWHAR sepanjang tahun 2009. Ia adalah analisa penuh bagi tahun 2009 untuk memantau aktiviti latihan warga JAWHAR dalam usaha memenuhi kehendak Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (PP Bil. 6/2005) yang menetapkan bahawa setiap anggota sektor awam perlu menghadiri kursus dengan tempoh minimum selama tujuh hari setahun.

#### Latar Belakang

Analisa ini dilakukan dengan mengumpulkan segala maklumat dan rekod kehadiran kursus seluruh warga JAWHAR yang disimpan oleh Unit Sumber Manusia, BKPSM bermula pada 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2009.

Objektif analisa ini dibuat adalah untuk mengkaji sejauh mana pematuhan terhadap Pekeliling tersebut dilaksanakan oleh warga JAWHAR dan keberkesanannya dari segi kualiti, produktiviti, kompetensi, prestasi, sahsiah dan nilai tambah terhadap diri setiap warganya.

Oleh yang demikian, adalah amat penting untuk memastikan agar setiap warga kerja mematuhi Pekeliling tersebut agar dapat merealisasikan hasrat JAWHAR yang mahu melahirkan warga kerja bertaraf dunia dalam usaha mencapai hasrat Kerajaan agar sistem penyampaian perkhidmatan mencapai tahap cemerlang, gemilang dan terbilang.

Matlamat akhir laporan ini adalah untuk melakukan penambahbaikan berterusan terhadap pelaksanaan kursus/latihan yang boleh digunakan sebagai penandaarasan (benchmarking) ke arah melahirkan warga JAWHAR yang berkualiti sejajar dengan visi dan misi JAWHAR melalui Pelan Strategik JAWHAR 2007-2011 (Teras Strategik Kedua - Pembangunan berterusan warga kerja yang kompeten, berprestasi tinggi dan tauhidik).

Hasil laporan ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada mana-mana warga JAWHAR yang belum menyempurnakan arahan tujuh hari berkursus pada tahun 2008 agar bersikap proaktif untuk mematuhi pekeliling tersebut pada tahun ini.


#### Pencapaian Kursus

Terdapat sebanyak 82 perjawatan di JAWHAR yang terdiri daripada satu Jawatan Utama C, 27 jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 54 jawatan Kumpulan Sokongan.

Dalam tempoh tersebut, sebanyak 76 perjawatan telah diisi manakala bakinya sebanyak enam perjawatan masih kosong. Di samping itu, terdapat seramai 6 orang warga JAWHAR yang berkhidmat sebagai pegawai dan kakitangan kontrak. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan warga JAWHAR adalah seramai 82 orang.

Daripada 82 orang warga JAWHAR yang sedang berkhidmat, seramai 81 orang telah menghadiri kursus selama tujuh hari atau pun lebih, manakala hanya seorang sahaja yang tidak dapat mencapai sasaran tersebut kerana beliau merupakan warga baru.





BIL	KUMPULAN GRED	BILANGAN PEGAWAI MENGIKUT HARI BERKURSUS BERDASARKAN TEMPOH PENEMPATAN DI JAWHAR							JUMLAH PEGAWAI	
		TEMPOH PENEMPATAN KURANG 3 BULAN			TEMPOH PENEMPATAN 7 – 12 BULAN			TEMPOH PENEMPATAN 1 TAHUN @ LEBIH		
		(BIL HARI KURSUS)	(BIL HARI KURSUS)	(BIL HARI KURSUS)	(BIL HARI KURSUS)	(BIL HARI KURSUS)	(BIL HARI KURSUS)			
1	JUSA	1	2	3	4	5	6	7	>7	1
2	P&P 54									1
2	P&P 52	1								3
4	P&P 48				1					4
5	P&P 44				1					1
6	P&P 41				1			2		5
7	SOKONGAN GRED 32				1	1				5
8	SOKONGAN GRED 29				1	1				8
9	SOKONGAN GRED 27				1	2				9
10	SOKONGAN GRED 22									2
11	SOKONGAN GRED 17					1				1
12	SOKONGAN GRED 11									1
13	SOKONGAN GRED 4				2		3			4
14	SOKONGAN GRED 3									4
15	SOKONGAN GRED 1						1			1
	JUMLAH	1		2	1		3	7		14
	CUKUP TUJUH HARI						2	5		47
	TIDAK CUKUP TUJUH HARI									82
										81
										1

\*MAKLUMAT DIKEMASKINI SEHINGGA : 31 DISEMBER 2009



## MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

### MoU JAWHAR BERSAMA UNIVERSITI MALAYA (UM) & ISLAMIC BANKING AND FINANCE INSTITUTE MALAYSIA SDN. BHD. (IBFIM)

Satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara JAWHAR dengan UM dan IBFIM telah diadakan pada 19 Januari 2009 bersamaan 22 Muharram 1430H bertempat di Hotel Equatorial, Bangi. Majlis yang dihadiri oleh 200 orang tetamu ini bermula jam 12.00 tengah hari dengan ucapan aluan dari wakil UM dan IBFIM serta ucapan balas oleh YBhg Dato' Dr. Hj. Sohaimi

Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR. MoU ini adalah bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dalam bidang latihan dan penyelidikan khususnya dalam aspek kewangan Islam dan peningkatan penyelidikan dalam pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji di Malaysia dan seterusnya di peringkat global.





### MoU JAWHAR BERSAMA UKM PAKARUNDING SDN. BHD.

Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara JAWHAR dan UKM Pakarunding Sdn. Bhd. telah diadakan di Hotel Palace of The Golden Horses pada 19 Mei 2009 bersamaan 24 Jamadilawal 1430H dalam Program Memartabatkan Ummah Melalui Kecemerlangan Wakaf, Zakat, Mal dan Haji. Majlis ini diadakan serentak dengan Mesyuarat JPBK Bil.2/2009 yang telah dihadiri oleh

wakil-wakil daripada MAIN, SMZ/Baitulmal Negeri, agensi-agensi di bawah JPM serta agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan. MoU ini amatlah bermakna kepada JAWHAR kerana ini merupakan hubungan kerjasama yang mewujudkan banyak penyelidikan dan latihan dalam usaha memartabatkan ummah melalui kecemerlangan bidang wakaf, zakat, mal dan haji.





## ANUGERAH PENCAPAIAN KUALITI JAWHAR




Dianugerahkan Pensijilan Persekitaran Berkualiti (5S) pada 10 Jun 2009 untuk tahun kedua oleh MPC.



Bagi tahun 2009, JAWHAR telah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan. Antaranya:

Menerima penghargaan daripada JAKIM kerana telah menyertai perarakan dan perhimpunan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1430H/2009M pada 9 Mac 2009.




Dianugerahkan Pensijilan  
MS ISO 9001:2008 pada 3  
Ogos 2009. SIRIM QAS telah  
mengiktiraf Sistem Kualiti  
JAWHAR dengan memberikan  
pensijilan tanpa syarat.





## KHIDMAT NASIHAT

BIL.	PEMBENTANG/ PENULIS	SEMINAR/PERSIDANGAN/ PROGRAM LATIHAN/ ARTIKEL	TAJUK
1.	Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh	Mesyuarat Pre-Council Majlis Raja-Raja Yang Ke-218 di Kuching	Pentadbiran dan Pengurusan Ekonomi Tanah Wakaf di Malaysia
2.	Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh	Seminar di Vistana Hotel, Pulau Pinang	Pembentang Keynote Address di National Seminar On Hajj Best Practices Through Advances in Science Technology
3.	Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh	Persidangan di UIAM, Gombak	Pembentang Keynote di International Conference on "Waqf Laws & Management Reality & Prospect 2009"
4.	Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh	Panel Forum/Wacana Ilmu di UIAM, Gombak	Pentadbiran dan Pengurusan Pembangunan Ekonomi Tanah Wakaf di Malaysia
5.	Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh	Persidangan di Sime Darby Convention Centre Kuala Lumpur	Pelan Tindakan Terhadap Isu-Isu Utama Konvensyen Sekretariat Pembelaan dan Pemerksaan Wanita Islam (SENADA) 2009
6.	Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh	Advanced Leadership and Management Programme 2008, National Institute of Public Administration (INTAN)	National Service Programme (PLKN)
7.	Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh	Advanced Leadership and Management Programme 2008, National Institute of Public Administration (INTAN)	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
8.	En. Mohd Bakri b. Ibrahim	Taklimat pada 30 & 31 Mei 2009	Penyelarasan Pengurusan Wakaf Dan Zakat Di Peringkat Persekutuan
9.	Nikhat bt. Niaz Ahmad	Utusan Malaysia (8 Julai 2009)	Pengurusan Sumber Manusia: Seni yang Kompleks
10.	Nikhat bt. Niaz Ahmad	Ceramah Kursus Induksi Khusus JPM	Pengurusan Wakaf, Zakat, Mal dan Haji
11.	Tn. Hj. Hasan Hafizi b. Hanapi	Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol.3, No.1, 2009	Sistem Negara Islam
12.	Pn. Wan Najmiah bt. Wan Mohamad Ali	Utusan Malaysia (28 Oktober 2009)	Haji Sempurnakan Islam Muslim
13.	Pn. Wan Najmiah bt. Wan Mohamad Ali	Utusan Malaysia (18 November 2009)	Erti Berkemampuan Dalam Haji
14.	Pn. Wan Najmiah bt. Wan Mohamad Ali	Utusan Malaysia (25 November 2009)	Tunai Haji Lebih Dari Sekali
15.			



**Sambungan**

BIL.	PEMBENTANG/ PENULIS	SEMINAR/PERSIDANGAN/ PROGRAM LATIHAN/ ARTIKEL	TAJUK
15.	Pn. Wan Najmiah bt. Wan Mohamad Ali	Utusan Malaysia (9 Disember 2009)	Memilih Agensi Pengelola Umrah
16.	En. Murid Fadzli b. Musa	Utusan Malaysia (4 Mac 2009)	Kaedah Melupus Wang Syubhab
17.	En. Murid Fadzli b. Musa	Utusan Malaysia (24 Jun 2009)	Lupus Harta Tidak Patuh Syariah di Baitulmal
18.	En. Murid Fadzli b. Musa	Buletin JAWHAR Bil.1/2009	Ilmu Faraid: Bukti Keadilan Dalam Islam
19.	En. Murid Fadzli b. Musa	Buletin JAWHAR Bil.2/2009	Antara Pusaka, Wasiat dan Hibah
20.	En. Murid Fadzli b. Musa	Buletin JAWHAR Bil.3/2009	Sedekah Membawa Keberkatan
21.	En. Murid Fadzli b. Musa	Ceramah Kursus Induksi Khusus JPM	Pengurusan Wakaf, Zakat, Mal dan Haji
22.	Pn. Maslinda Sherliza bt. Ma'aris	Utusan Malaysia (2 Disember 2009)	Elak Tangguh Kerja





# Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK)





## MENINGKAT MUTU KERJA (KMK)


### PENGENALAN


Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) JAWHAR telah ditubuhkan pada 3 Oktober 2007 selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 7 Tahun 1991 dan hasrat YBhg Ketua Pengarah JAWHAR, Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh untuk mempertingkatkan mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan Jabatan bertaraf dunia. Kumpulan KMK ini kemudiannya diberi nama KMK JAWHARI AN NAJWA.

### LATAR BELAKANG

KMK JAWHARI AN NAJWA terdiri daripada 11 orang anggota dari bahagian-bahagian di JAWHAR yang iktuai oleh En. Zainal b. Hj. Mohd Yusoh sebagai Ketua KMK dan dibimbing oleh En. Mohd Gunawan b. Che Ab. Aziz, Ketua Penolong Pengarah (KPP) Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasian yang bertindak sebagai fasilitator dan Pengurus KMK.

**Carta Organisasi**  
**Kumpulan KMK JAWHARI AN-NAJWA**





## PROJEK KMK JAWHARI AN NAJWA 2009

KMK JAWHARI AN NAJWA telah menyiapkan projeknya yang pertama bertajuk Kesukaran Untuk Mendapat Profil Personel JAWHAR Yang Lengkap. Projek ini telah menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh BKPSM JAWHAR dalam urusan mendapatkan profil personel. Ianya telah meningkatkan produktiviti kerja dengan lebih cekap dan efisien. Pada tahun 2009, KMK JAWHARI AN NAJWA telah meneruskan projek KMK yang bertajuk Masalah Penyeliaan Urusan Sidang Parlimen di Peringkat Jabatan. Butiran keterangan projek adalah seperti di bawah:

- i. **Tajuk Projek:** Masalah Penyeliaan Urusan Sidang Parlimen di Peringkat Jabatan;
- ii. **Kategori Projek:** Pengurusan;
- iii. **Tempoh Pelaksanaan Projek:** 38 minggu (9 bulan 2 minggu);
- iv. **Huraian Ringkas Masalah Projek:**  
Kesukaran Jabatan menyelia jawapan kepada soalan-soalan parlimen, pelaporan dan penyeliaan terhadap pegawai yang bertugas di parlimen. Masalah yang dihadapi adalah penyediaan jawapan soalan-soalan parlimen mengambil masa lama dan hanya dapat dikemukakan pada saat-saat akhir pada tarikh yang ditetapkan. Di samping itu, penyediaan laporan parlimen oleh pegawai bertugas lambat diterima manakala pemantauan Jabatan menjadi sukar dan tidak cekap. Ini memberi impak yang negatif kepada imej jabatan khususnya dan pentadbiran Kerajaan amnya;
- v. **Punca-Punca Utama Masalah:**  
Lima punca utama masalah telah dikenalpasti oleh ahli KMK semasa siri sesi pencambahan fikiran seperti berikut:

- a. Sikap menganggap remeh terhadap urusan penyediaan soalan-soalan parlimen. Sense of *urgency* di kalangan pegawai/kakitangan adalah lemah;
- b. Maklumat yang dicari untuk penyediaan jawapan kepada soalan-soalan parlimen masih secara manual;
- c. Banyak pindaan semasa penyediaan draf kepada jawapan soalan-soalan

- d. parlimen menyebabkan berlaku pembaziran kertas;
- e. Sistem sedia ada tidak efisien menyebabkan pemantauan urusan parlimen menjadi tidak cekap; dan
- f. Beberapa langkah dalam proses kerja didapati ketinggalan zaman dan mengambil masa yang panjang.

### vi. Cadangan Penyelesaian:

Satu sistem yang dinamakan Sistem Parlimen (SisParlimen) telah dibangunkan sebagai penyelesaian kepada masalah yang dipilih. Sistem ini telah berjaya membantu Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasan JAWHAR mempertingkatkan produktiviti kerja dan kecekapan perkhidmatan Jabatan;

### vii. Faedah-faedah Projek:

- a. **Pengurangan Kos Operasi** - Kajian menunjukkan daripada 60 orang warga JAWHAR yang menggunakan Sistem SisParlimen telah berpuas hati dan sebanyak RM501,300.00 berjaya dijimatkan;
- b. **Penjimatan Masa** - Sebanyak 557 minit dapat dijimatkan dalam setahun;
- c. **Peningkatan Hasil Kerja** - Pelaporan pegawai bertugas dapat disediakan dengan pantas;
- d. **Peningkatan Kepuasan Pelangan** - Daripada kajian yang dijalankan 2/3 warga JAWHAR telah memberikan skor 9 dan 10 iaitu memuaskan dan sangat memuaskan; dan
- e. **Faedah kepada ahli KMK** - Kefahaman ahli KMK telah meningkat dengan mendadak. Setiap ahli telah memahami setiap proses dalam KMK dan kaedah-kaedah yang digunakan dengan jayanya.

## LATIHAN DAN KEMAHIRAN

Ahli-ahli KMK JAWHARI AN NAJWA telah didedahkan beberapa siri kursus/bengkel dan lawatan bertujuan meningkatkan kefahaman dan kemahiran dengan lebih mendalam berkaitan dengan menggunakan kaedah-kaedah KMK, antaranya seperti berikut:

- i. Kursus Pengenalan KMK pada 21 Februari dan 23 Februari 2008 di Dynasty Hotel, Kuala Lumpur;





Aktiviti brainstorming ahli KMK JAWHARI AN NAJWA

- ii. Bengkel KMK pada 12 Mei hingga 15 Mei 2008 di Hillcity, Ipoh, Perak;
- iii. Lawatan kerja dengan KMK MASSA (Johan KMK Peringkat Kebangsaan) pada 13 Mei 2008 di Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Perak; dan
- iv. Perbincangan dengan fasilitator KMK dan pihak pengurusan JAWHAR dari semasa ke semasa.

## KONVENSYEN KMK

Konvensyen KMK peringkat JPM telah diadakan pada 26 dan 27 Mei 2009 di PICC, Putrajaya.

Dalam Konvensyen tersebut, KMK JAWHARI AN NAJWA telah membentangkan projek yang bertajuk Masalah Penyeliaan Urusan Sidang Parlimen di Peringkat Jabatan. Projek ini telah dilaksanakan dengan jayanya di JAWHAR. Justeru itu Ajensi/Jabatan Kerajaan yang mempunyai banyak soalan-




Konvensyen KMK, JPM



soalan Parliment amat sesuai mengaplikasikan sistem ini di jabatan mereka.

## PENUTUP

Di bawah kepimpinan YBhg Ketua Pengarah JAWHAR yang dinamik dan komited untuk mempertingkatkan sistem penyampaian Kerajaan yang bertaraf dunia, KMK JAWHARI AN NAJWA akan terus mendokong aspirasi keterbilangan JAWHAR seperti yang termetri di dalam Plan Strategik JAWHAR 2007-2011. Insya-Allah.



Projek KMK JAWHARI AN NAJWA



## Santapan Minda

### Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

*“Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan kebaikan) sebahagian daripada harta benda (pemberian Allah) yang dijadikan-Nya kamu menguasai-Nya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian daripada harta itu pada jalan Allah), mereka tetap beroleh pahala yang besar.”*

(Surah Al-Hadid: Ayat 7)

### Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

*“Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, kami akan memberinya pendapatan tambahan pada faedah yang dikehendakinya itu; sesiapa menginginkan kebaikan di dunia semata-mata, kami berikan kepadanya dari kebaikan sunia, dan ia tidak akan beroleh sesuatu pun di akhirat kelak.”*

(Surah Al-Syura: Ayat 20)



# Laporan Prestasi Kewangan





## LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN 2005 – 2009

### PENDAHULUAN

Prestasi perbelanjaan JAWHAR adalah di bawah tanggungjawab Unit Kewangan, BKPSM. Pada awal penubuhan JAWHAR segala perbelanjaannya adalah menggunakan peruntukan JPM. Mulai tahun 2005, JAWHAR diberi tanggungjawab untuk menguruskan sendiri perbelanjaan mengurusnya.

Bagi projek Pembangunan RMKe-9 pula, peruntukan hanya disalurkan mulai tahun 2007.

### PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN TAHUN 2005 - 2008

Prestasi perbelanjaan dikira berdasarkan peruntukan kemaskini. Secara keseluruhannya prestasi perbelanjaan mengurus JAWHAR menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun.

Prestasi perbelanjaan mengurus pada tahun 2005 adalah 52.29%, meningkat kepada 86.80% pada tahun 2006 dan terus menunjukkan prestasi yang membanggakan dengan pencapaian 97.95% pada tahun 2007 dan 99.51% pada tahun 2008.

Prestasi perbelanjaan pembangunan pula mencapai 99.99% pada tahun 2007 manakala prestasi ini menurun kepada 92.21% pada tahun 2008.

### PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS, PEMBANGUNAN DAN AMANAH TAHUN 2009

Prestasi perbelanjaan mengurus pada tahun 2009 masih dikekalkan pada aras yang tinggi iaitu 99.19%

berbanding peruntukan kemas kini. Prestasi ini sedikit rendah berbanding tahun sebelum kerana menyahut dasar penjimatan yang dibuat oleh Kerajaan pada tahun 2009.

Prestasi perbelanjaan pembangunan sedikit tersasar berbanding tahun sebelumnya iaitu 46.68%. Segala usaha telah diambil oleh JAWHAR bagi memastikan prestasi perbelanjaan pembangunan mencapai 100%, bagaimana pun Jabatan terpaksa akur kerana bayaran yang dibuat adalah berdasarkan kemajuan sebenar projek yang disahkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku pengurus projek. Lebihan peruntukan telah dikemukakan kepada JPM untuk ditarik balik tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana tiada keperluan oleh agensi lain di bawah JPM.

Akaun Amanah Pemantapan Institusi Wakaf Zakat Maldan Haji telah ditubuhkan pada 11 Februari 2009 dengan tujuan untuk memperakaunkan terimaan sumbangan dari dalam dan luar negara serta bayaran bagi aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pengurusan penyelidikan dan kajian yang dilaksanakan oleh JAWHAR. Walaubagaimanapun, sumbangan yang diterima masih belum mencukupi untuk dibelanjakan bagi tujuan kajian dan penyelidikan. Sehubungan itu, JAWHAR sedang berusaha mengumpulkan sumbangan sebanyak yang mungkin untuk kegunaan pengurusan penyelidikan dan kajian.


### PENUTUP

Diharapkan semoga JAWHAR akan terus mengekalkan kecemerlangan dalam pengurusan prestasi perbelanjaannya pada masa akan datang. Kecemerlangan ini dapat direalisasikan kerana adanya komitmen yang tinggi daripada setiap individu warga JAWHAR. Syabas diucapkan.

TAHUN	PERUNTUKAN	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	% PERBELANJAAN
2005	MENGURUS	4,596,088.00	2,403,175.26	52.29
	PEMBANGUNAN	-	-	-
2006	MENGURUS	6,440,883.75	5,590,933.28	86.80
	PEMBANGUNAN	-	-	-
2007	MENGURUS	5,693,995.78	5,577,256.84	97.95
	PEMBANGUNAN	2,845,250.00	2,845,212.09	99.99
2008	MENGURUS	9,266,100.00	9,220,352.01	99.51
	PEMBANGUNAN	14,786,000.00	13,634,599.32	92.21
2009	MENGURUS	12,078,860.00	11,981,476.69	99.19
	PEMBANGUNAN	73,400,000.00	34,262,636.48	46.68



### Peruntukan Mengurus



### Peruntukan Pembangunan





## Santapan Minda



### Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal salih dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada keimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.”

(Surah Al-Baqarah: Ayat 277)



### Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya engkau membersihkan mereka dan mensucikan mereka dan doakanlah untuk mereka, sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

(Surah At-Taubah: Ayat 103)





# Laporan Kebajikan, Sosial & Sukan





## LAPORAN TAHUNAN KKS JAWHAR (KKSJ) 2009

### PENGENALAN

KKSJ ini disediakan bertujuan untuk menerangkan secara ringkas mengenai aktiviti-aktiviti dan program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2009 oleh warga JAWHAR.

Penglibatan dan komitmen yang diberikan oleh setiap warga JAWHAR dalam aktiviti dan program yang telah diadakan baik secara dalaman maupun luaran dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan keakraban antara warga KKSJ yang juga merupakan warga JAWHAR.

Objektif penubuhan Kelab ini adalah:

- i. Mengadakan aktiviti-aktiviti kebajikan, rekreasi dan sukan di kalangan warga JAWHAR;
- ii. Memberi peluang kepada ahli-ahli untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kebajikan, rekreasi dan sukan dalam usaha memelihara dan memupuk persefahaman, semangat kerjasama, mewujudkan suasana kemesraan dan mengeratkan perhubungan antara satu sama lain menerusi aktiviti-aktiviti tersebut;
- iii. Mempertingkatkan penganjuran aktiviti-aktiviti Kelab secara persendirian atau bersama dengan lain-lain Kelab Rekreasi dengan mengadakan pertandingan serta perlawanan;
- iv. Melakukan perkara-perkara yang sah di sisi undang-undang selaras dengan tujuan bagi mencapai tujuan-tujuan Kelab di atas;
- v. Mengadakan kutipan sumbangan; dan

- vi. Menganjurkan kegiatan pembelajaran, muhibah, kebudayaan dan rekreasi.

### LAPORAN JAWATANKUASA

#### Laporan Biro Sosial Dan Kebajikan 2009

##### Program/Aktiviti Utama

Sehingga Disember 2009, terdapat pelbagai aktiviti dan program yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Biro Sosial dan Biro Kebajikan. Program-program tersebut adalah:

##### i. Majlis Berbuka Puasa JAWHAR


Majlis Berbuka Puasa JAWHAR telah diadakan pada 11 September 2009 bertempat di PICC anjuran KKSJ dan PUSPANITA JAWHAR dengan kerjasama YWM. Majlis yang diadakan ini diserikan dengan kehadiran dan persembahan rumah anak yatim dari Maahad Tahfiz Darul Fuqaha.

##### ii. Majlis Sambutan Hari Raya JAWHAR

Majlis Sambutan Hari Raya JAWHAR yang dianjurkan oleh BKPSM dan KKSJ dengan kerjasama PUSPANITA JAWHAR, YWM dan LZA ini telah diadakan pada 16 Oktober 2009 yang bertempat di Dataran Wakaf, JAWHAR. Majlis sambutan ini dihadiri oleh kesemua warga JAWHAR termasuk kakitangan warga JAWHAR yang telah bertukar ke agensi atau Jabatan/Kementerian lain bagi tujuan meraikan khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh mereka semasa bertugas di JAWHAR.

#### Lain-lain Aktiviti

Tarikh	Aktiviti
April – November	Penyediaan & Pemberian Kad Untuk Warga JAWHAR- kelahiran, ulang tahun kelahiran, perkahwinan. (Biro Kebajikan & Sosial)
April – November	Meraikan warga JAWHAR yang menyambut ulang tahun kelahiran (Hari Bersama KP-kek). (Biro Kebajikan & Sosial)
April – November	Melawat dan memberi sumbangan kepada warga JAWHAR yang mendapat cahaya mata. (Biro Kebajikan & Sosial/PUSPANITA)



Tarikh	Aktiviti
April – November	Memenuhi Undangan Perkahwinan dan Sumbangan Perkahwinan. (Biro Kebajikan & Sosial/PUSPANITA)
April – November	Pemberian Cenderahati kepada warga JAWHAR yang bersara/bertukar. (Biro Kebajikan & Sosial)
Setiap Jumaat	Mengadakan Majlis Bacaan Yassin. (Biro Kebajikan & Sosial/PUSPANITA/BKPSM)
Ramadhan 1430H	Mengadakan Ceramah Agama. (Biro Kebajikan & Sosial/PUSPANITA)
Ramadhan 1430H	Mengadakan Aktiviti Tadarus Al-Quran sepanjang bulan Ramadhan bagi seluruh warga JAWHAR.
11 September	Menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran. (Biro Kebajikan & Sosial/PUSPANITA)
12 November & 2 Disember	Menziarahi dan memberi sumbangan kepada ahli KKSJ yang kehilangan ahli keluarga terdekat. (Biro Kebajikan & Sosial/PUSPANITA)

#### Laporan Biro Kebudayaan 2009

Aktiviti
Sesi uji bakat ahli kumpulan nasyid JAWHAR untuk mewakili Jabatan dalam Festival Nasyid Peringkat Jabatan Perdana Menteri (JPM).
Penubuhan Kumpulan Nasyid JAWHAR “Jawharul Munir” dan “Syajaratu Dur” yang mewakili Jabatan dalam Festival Nasyid Peringkat Jabatan Perdana Menteri Sempena Ma’al Hijrah yang bertempat di Auditorium Blok B, JPM pada 30 Mei 2009.

#### Laporan Biro Ekonomi 2009

##### Program/Aktiviti Utama

Sehingga Disember 2009, Biro Ekonomi telah melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut:

Tarikh	Aktiviti
21 Mei	Penubuhan KIOSK JAWHAR. Dirasmikan oleh YBhg Dato' KP JAWHAR.
24 - 25 Jun	Mengadakan jualan ketika Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009 di Masjid Wilayah, Kuala Lumpur.
4 dan 5 Ogos	Mengadakan jualan ketika Kursus Intensif Bimbingan Haji Siri 1 dan 2.
11 Ogos	Mengadakan jualan ketika Majlis Pelancaran Bulan Zakat Kebangsaan & Seminar Zakat Kebangsaan 2009 di PWTC.
22 Disember	Mengadakan jualan ketika JAWHAR Intellectual Discourse di Dewan Auditorium Kompleks E.





CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KKSJ 2009



PENAUNG  
Dato' Dr. Hj. Sohaimi  
Hj. Mohd Salleh



PENASIHAT  
Abd. Gahfar b. Yusof




TIMBALAN PENGURUSI  
Zainuddin b. Abd. Samad



BENDAHARI  
Zainal b. Jusoh



SETIAUSAHA  
Sharifful Hakim b. Suman



PEN. BENDAHARI  
Zariena bt. Abdullah




PEN. SETIAUSAHA  
Saradila bt. Sairan



BIRO SUKAN  
Idzharudin b. Ibrahim



BIRO KEBAJIKAN  
Hawariah bt. Mohd Anuar




BIRO SOSIAL  
Siti Patimah bt. Ali



BIRO EKONOMI  
Mustafidurrahim b. Mohd Syahroni



BIRO PUBLISITI  
Zakaria b. Ahmad





## Laporan Biro Sukan 2009

### Program/Aktiviti Utama

Sehingga Disember 2009, terdapat pelbagai aktiviti dan program yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Biro Sukan KKSJ. Program-program tersebut adalah:

#### i. Badminton

Sesi latihan badminton KKSJ diadakan sekali pada setiap minggu. Biasanya sesi latihan ini diadakan di Kompleks Kejiranan Presint 16 Perbadanan Putrajaya pada sebelah malam dan dihadiri oleh warga JAWHAR yang berminat dalam sukan badminton. KKSJ juga telah menghantar beberapa orang wakil Jabatan bagi menyertai pertandingan Badminton dalam Karnival Sukan JPM yang bertempat di Dewan Presint 14 pada 10 dan 11 Oktober 2009.

#### ii. Bola Sepak dan Futsal

Pada tahun ini, KKSJ JAWHAR telah menyertai dua kejohanan yang telah diadakan di Putrajaya iaitu Liga Bola Sepak Piala Presiden Putrajaya 2009 yang diadakan sepanjang Jun dan Ogos dan Kejohanan Futsal anjuran Jabatan Perdana Menteri dalam Karnival Sukan JPM pada 24 dan 25 Oktober 2009. Selain itu, pasukan bola sepak JAWHAR turut mengadakan perlawanan persahabatan dengan agensi-agensi lain seperti Majlis Agama Islam Melaka, Istana Negara dan Pejabat Perdana Menteri.

#### iii. Bowling

Satu pertandingan bowling tertutup telah diadakan pada 18 Julai 2009 bertempat di ARL Power Bowl Alamanda. Pertandingan ini adalah merupakan pertandingan yang diadakan dengan kerjasama di antara Biro Sukan KKSJ dan PUSPANITA JAWHAR. Pertandingan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada kesemua warga JAWHAR. Pemain yang memenangi pertandingan tersebut telah menjadi wakil Jabatan di Kejohanan Bowling Antara Jabatan Dan Majlis Agama Islam peringkat zon selatan yang diadakan di Melaka. Dalam pertandingan tersebut pasukan lelaki JAWHAR telah menduduki tempat ke-8 daripada 37 pasukan.

Berikut adalah keputusan Pertandingan Bowling anjuran KKSJ dan PUSPANITA JAWHAR tersebut:

#### Berkumpulan:

Johan	:	Moon Stone
Naib Johan	:	Amethyst
Ketiga	:	Tashmarine

#### Perseorangan Lelaki :

Johan	:	Muhammad Syafiq b. Jaafar
Naib Johan	:	Mohd Riduan b. Hussin

#### Perseorangan Perempuan :

Johan	:	Rohamimah Rasdi
Naib Johan	:	Norhaya Idrus


#### iv. Memancing

Pada tahun ini Kelab Memancing KKSJ telah mengadakan dua program memancing yang diadakan di Perairan Pulau Jarak, Lumut, Perak (Laut Dalam) dari 13-16 Mac 2009 dan di Kelong Lukut, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 14-15 November 2009. Bagi kaki pancing JAWHAR, aktiviti seperti ini merupakan satu aktiviti yang dapat membawa kepuasan dalam ekspedisi memancing di samping dapat menikmati pemandangan dan suasana laut. Aktiviti memancing ini mendapat sambutan yang menggalakkan bagi warga JAWHAR dan dapat meningkatkan semangat kerjasama di antara ahli.

#### v. Rowing

Pada 20 dan 21 Jun 2009, Pasukan Rowing JAWHAR yang dikenali sebagai J-Team telah mengambil bahagian dalam pertandingan rowing yang julung-julung kali diadakan di Pusat Rekreasi Sukan Air, Putrajaya. Dalam pertandingan ini J-Team telah mengambil bahagian dalam kategori bot 8 pendayung lelaki. Beberapa sesi latihan telah diadakan sepanjang Mei dan Jun sebagai persediaan bagi menghadapi pertandingan tersebut. Dalam kejohanan tersebut J-Team mendapat tempat ketiga dalam saringan yang pertama.





Laporan Tahunan JAWHAR 2009

140

## PENYATA KEWANGAN KKSJ

Akaun Penerimaan dan Pembayaran  
Bagi Tempoh Bulan April - Disember 2009


Bil	Butir Penerimaan	RM	Bil	Butir Pembayaran	Folio	RM
1	Baki Bank	12,418.82	1	Sumbangan modal Mini Mart- Bayaran kepada Biro Ekonomi KKSJ	01/09	631.00
2	Baki Tunai	91.39	2	Bayaran kepada Biro Kebajikan KKSJ untuk pegawai bertukar, harijadi dan lain-lain.	02/09	200.00
3	Kutipan yuran ahli KKSJ	3,020.00	3	Bayaran jamuan makan KKSJ - Biro Kebajikan	03/09	50.00
4	Sumbangan warga JAWHAR 2009 dan Puspanita	1,246.00	4	Bayaran kepada Biro Kebajikan untuk pegawai bertukar, harijadi dan lain-lain.	04/09	397.00
5	Bulan Zakat 2008 (Akaun Tumpang)	1,848.00	5	Bayaran saguhati pemandu membawa ahli KKSJ ke majlis perkahwinan - Biro Kebajikan	05/09	50.00
6	Bulan Zakat 2009 (Akaun Tumpang)	6,000.00	6	Bayaran menyertai pertandingan bolasepak kawasan Putrajaya - Biro Sukan	06/09	200.00
7	Sumbangan Iftar Ramadhan	2,000.00	7	Bayaran kepada Sutra Publication - Pembelian cenderahati JAWHAR - Ketua Biro Ekonomi	07/09	3,225.00
8.	Lebihan baki Majlis Hari Raya 2009 JAWHAR	381.01	8	Bayaran menyertai Rowing Putrajaya - Biro Sukan	08/09	500.00
			9	Bayaran pendahuluan Pertandingan Bowling JAWHAR - Biro Sukan	09/09	392.00
			10	Bayaran kepada Biro Sukan 2009 - Lawatan & Sukan KKSJ ke MAIM	10/09	350.00
			11	Bayaran Bulan Zakat 2008 (Akaun Tumpang) Diserahkan kepada Bahagian Zakat	11/09	3,463.00
			12	Bayaran kepada Biro Kebajikan KKSJ untuk Pegawai bertukar, harijadi dan lain-lain.	12/09	220.50
			13	Bayaran menyertai Kejohanan Bowling di MIBC Melaka - Biro Sukan	13/09	396.00
			14	Bayaran Tol & Petrol ke Melaka - Kejohanan Bowling di MITC Melaka - Biro SukanJUMLAH	14/09	50.00

**Sambungan**

Bil	Butir Penerimaan	RM	Bil	Butir Pembayaran	Folio	RM
			15	Bayaran Kad Hari Raya 2009 - Biro Ekonomi	15/09	980.00
			16	Bayaran makan minum peserta JAWHAR Karnival Sukan JPM - Biro Sukan	16/09	50.00
			17	Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2009 JAWHAR -	17/09 dan 20/09	3,000.00
			18	Bayaran Tokoh Asnaf I (Bulan Zakat 2009)	18/09	3,000.00
			19	Bayaran Tokoh Asnaf II (Bulan Zakat 2009)	19/09	3,000.00
			20	Bayaran yuran Pertandingan Futsal Sukan JPM	21/09	100.00
			21	Bayaran sport sukan JAWHAR	22/09	50.00
			21	Bayaran Iftar Ramadhan 2009	23/09	700.00
			22	Bayaran Hari Raya JPM 2009	24/09	150.00
				Baki Tunai		706.07
				Baki Bank		5,144.65
	<b>JUMLAH</b>	<b>27,005.22</b>		<b>JUMLAH</b>		<b>27,005.22</b>

Disedia : Pen. Bendahari KKSJ Sesi 2009/2010  
Tarikh: 31 Dis 2009


Disemak: Bendahari KKSJ Sesi 2009/2010  
Tarikh: 31 Dis 2009



## RIANG TAWA KKSJ

Perlawanan Persahabatan JAWHAR vs MAIM (Bola Sepak & Bola Jaring)





### Pertandingan Bowling



### Majlis Sambutan Hari Raya JAWHAR



### Ekpedisi Memancing di Kelong Lukut, Port Dickson, Negeri Sembilan





## LAPORAN TAHUNAN PUSPANITA JAWHAR 2009

### PENGENALAN

Laporan Tahunan PUSPANITA Cawangan Kecil JAWHAR ini disediakan adalah untuk menerangkan secara ringkas mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh ahli-ahli PUSPANITA bagi tahun 2009.

Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan oleh AJK PUSPANITA sepanjang tahun 2009. Adalah diharapkan penglibatan serta penyertaan ahli dalam setiap aktiviti yang diadakan dapat mengeratkan lagi hubungan dalam kalangan ahli PUSPANITA.

Antara tujuan penubuhan PUSPANITA Cawangan Kecil JAWHAR ini adalah:

- i. Merapatkan hubungan muhibah dan menyatupadukan isteri-isteri dan anggota-anggota Perkhidmatan Awam di semua peringkat perkhidmatan;
- ii. Menggalakkan perkembangan pengetahuan

kemahiran serta kemajuan diri ahli-ahli Persatuan menerusi program-program kemajuan diri, ceramah-ceramah, bengkel-bengkel, seminar-seminar dan kursus-kursus; Menggalak dan melibatkan ahli-ahli dalam aktiviti-aktiviti bagi faedah ahli dan keluarga mereka serta masyarakat; dan Menganjurkan program untuk memungut derma dan sumbangan bagi aktiviti-aktiviti amal kebajikan.


### KEAHLIAN

Sehingga 17 Disember 2009, keahlian PUSPANITA JAWHAR adalah seramai 39 orang seperti berikut:

Bilangan Ahli	: 39 orang
Ahli Biasa	: 35 orang
Ahli Seumur Hidup	: 4 orang
Ahli Baru JAWHAR	: 10 orang
Ahli Bertukar/Bersara	: 16 orang

Senarai Ahli PUSPANITA Cawangan Kecil JAWHAR sehingga 17 Disember 2009

Bil.	Nama	Jawatan/Bahagian/Unit
1	Datin. Hjh. Rosmah bt. Dato' Hj. Abu Bakar	Pengerusi
2	Pn. Zuraidah bt. A. Majid	Timbalan Pengerusi
3	Pn. Norbaiyah bt. Sukor	Pengarah Teknologi Maklumat (F48)
4	Pn. Nikhat bt. Niaz Ahmad	Pengarah Pengurusan (M48)
5	Pn. Ku Hayati bt. Ku Haron	Penasihat Undang-Undang (L48)
6	Pn. Zuraini bt. Ilias	Akauntan Pengurusan (W44)
7	Ust. Wan Najmiah bt. Wan Mohamad Ali	Pen. Pengarah Haji (S44)
8	Pn. Rahayu bt. Shafie	Pen. Pengarah Teknologi Maklumat (F44)
9	Pn. Nor Jahan bt. Ibrahim	Akauntan Wakaf (W44)
10	Pn. Ruhayawati bt. Ramli	Akauntan Zakat (W44)
11	Cik Afzalina bt. Ahamad	Pen. Pengarah Pengurusan (N41)
12	Cik Rohainun bt. Rasdi	Pen. Pengarah Mal (M41)
13	Pn. Rosmawati bt. Yas	Pen. Pengarah Penyelidikan & Penyelaras (M41)
14	Cik Norlizah bt. Mainoordin	Pen. Pengarah Penyelidikan & Penyelaras (M41)
15	Cik Erma Marlina bt. Hamsan	Pen. Pengarah Zakat (M41)
16	Cik Norfadhilah bt. Abdullah	Pen. Pengarah Haji (M41)
17	Pn. Maimunah bt. Ahmad	Ketua Pembantu Tadbir Kew. (N22)
18	Pn. Halijah bt. Ramli	PT(Kes.) KP (N22)
19	Cik Muzazila bt. Mustari	Pen. Pegawai Teknologi Maklumat (F29)
20	Pn. Hazliana bt. Tahar	Pem. Hal Ehwal Islam Bhg. Zakat (S17)
21	Cik Saradila bt. Sairan	PT(Kes.) TKP (N17)
22	Cik Dahlia bt. Ishak	PT Penyelidikan & Penyelaras (N17)
23	Pn. Haryanti bt. Harun	PT(Kes.)Bhg. Zakat (N17)
24	Cik Zariena bt. Abdullah	PT Kew. (W17)
25	Cik Hawariah bt. Mohamad Anuar	PT(Kes.) BKPSM (N17)
26	Pn. Rohaizah bt. Mohd Rojulan	PT Penyelidikan & Penyelaras (N17)
27	Cik Norhaya bt. Hj. Idrus	PT Haji (N17)



sambungan

Bil.	Nama	Jawatan/Bahagian/Unit
28	Pn. Fairus bt. Baharin @ Baharudin	PT Wakaf (N17)
29	Pn. Noriah bt. Othman	PT Wakaf (N17)
30	Pn. Siti Najwa bt. Shafie	PT Kew. (W17)
31	Cik Hayana bt. Khairudin	PT (Kes.) Haji (N17)
32	Pn. Dayang Suhada bt. Md. Yusop	PT Penyelidikan & Penyelarasian (N17)
33	Pn. Noor Azura bt. Zainal	PT Wakaf (N17)
34	Cik Aishah bt. Ahmad	PT BKPSM (N17)
35	Pn. Chik Asiah bt. Md. Yusuf	PT UU (N17)
36	Pn. Khairunnisa bt. Md. Nasir	PT BKPSM (N17)
37	Pn. Zakiah bt. Ya	Jurutaip (N11)
38	Pn. Siti Patimah bt. Ali	Jurutaip (N11)
39	Cik Aini Nabilah Najwa bt. Majri	Pembantu Am Pejabat (N1)

## Senarai Ahli Baru PUSPANITA Cawangan Kecil JAWHAR sehingga 17 Disember 2009

Bil.	Nama	Jawatan/Bahagian/Unit
1	Pn. Ruhayawati bt. Ramli	Akauntan Zakat (W44)
2	Pn. Rosmawati bt. Yas	Pen. Pengarah Penyelidikan & Penyelarasian (M41)
3	Cik Norlizah bt. Mainoordin	Pen. Pengarah Penyelidikan & Penyelarasian (M41)
4	Cik Erma Marlina bt. Hamsan	Pen. Pengarah Zakat (M41)
5	Cik Muzazila bt. Mustari	Pen. Pegawai Teknologi Maklumat (F29)
6	Pn. Noor Azura bt. Zainal	PT Wakaf (N17)
7	Cik Aishah bt. Ahmad	PT BKPSM (N17)
8	Pn. Chik Asiah bt. Md. Yusuf	PT UU(N17)
9	Pn. Khairunnisa bt. Md. Nasir	PT BKPSM (N17)
